

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 21 Mei 2014 (Rabu)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Tim. Ketua Menteri I/Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
33.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34.	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35.	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36.	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Puan Aliza Bt. Sulaiman	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari a/p Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.35 pagi.

Setiausaha:

Bacaan doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man):

Bacaan "Doa."

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, hari ini kita terlewat selama lima (5) minit, saya suka mengingatkan supaya masuk menepati masa. Sekarang Dewan disambung semula. Silakan YB. Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia. YB. Timbalan Yang di-Pertua dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan Selamat Hari Ibu kepada wanita-wanita yang menjadi ibu, Selamat Hari Guru dan Selamat Hari Jururawat. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Timbalan Yang di-Pertua DUN yang telah memberi ruang dan kesempatan untuk saya sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan ucapan usul terima kasih atas ucapan Tuan Yang Terutama Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Sebagai ...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekejap. Dato' Yang di-Pertua, selaras dengan Peraturan 6A(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan pada hari ini 21 Mei 2014, hari Rabu dilanjutkan hingga jam 10.00 malam.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada sokongan?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan pada hari ini 21 Mei 2014 hari Rabu dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

“Ya” lebih banyak. Usul dipersetuju. Sila teruskan, Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Timbalan Yang di-Pertua, saya telah diganggu tadi. Kalau ikut Peraturan 46 berapa, saya dah lupa, YB. Air Putih telah mengganggu saya, sepatutnya Y.A.B. Air Putih kena minta kebenaran kerana ini *floor* saya, tetapi dia memaksa saya berhenti. Kejam sungguh, kejam dan kejam.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Yang Amat Berhormat telah menggunakan peraturan mesyuarat, bukan kejam, ikut peraturan saja, duduk.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sila duduk. Minta kebenaran dari saya tidak?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya ikut peraturan juga.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Oh ikut peraturan juga kah? Sila terus gunakan peraturan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sila duduk.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sila duduk. Saya duduk atau siapa yang duduk? Timbalan Yang di-Pertua, sila berlaku adil, Allah Taala melihat.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Usul ini dibuat di bawah Peraturan 6A(1).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya bagi dia cakap dulu. Saya hormat Timbalan Yang di-Pertua, satu kampung.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya ikut peraturan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Silakan! Sudah habis duduklah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sudahlah.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Duduklah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Diamlah. Saya belum habis sebutkan peraturan. Tengok dia cakap ketika duduk.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya sudah bagi dia teruskan. Sudah habis? EXCO-EXCO. Dato' Timbalan Yang di-Pertua, merujuk kepada ucapan Tuan Yang Terutama Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dalam teks ucapannya, muka surat 20, No.35, dia menyatakan, ini ucapan Tun, "Saya juga berharap Dewan Undangan Negeri ini akan berfungsi dengan baik dan sempurna. Semua Ahli-Ahli Yang Berhormat hendaklah memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar, teratur mengikuti peraturan semasa bersidang dan berhempah serta mempunyai tatasusila yang baik sebagai wakil rakyat. Perkara ini saya timbulkan untuk mengingatkan semua Ahli Mesyuarat termasuk diri saya sendiri dan lebih awal saya minta maaf kepada Timbalan Yang di-Pertua jika saya terlanjur daripada nasihat Tun. YB. Timbalan Yang di-Pertua, saya ada membuat soalan berkaitan dengan perumahan. Soalan saya berbunyi begini:"

"Bagaimanakah pemilihan Kerajaan Negeri bagi pemohon-pemohon rumah kos rendah, bolehkah suami dapat sebuah rumah dan isteri pun dapat sebuah rumah."

Jawapan telah saya terima daripada EXCO yang berkenaan, iaitu pemilihan rumah-rumah kos rendah dibuat melalui Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan yang dipengerusikan oleh YB. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, EXCO Perancang Bandar dan Desa dan Perumahan serta dianggotai oleh lima (5) orang EXCO, ADUN yang lain, tiga (3) Ahli Parlimen dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan).

Jawatankuasa ini diwujudkan bagi meningkatkan ketelusan proses pemilihan selaras dengan slogan Kerajaan Negeri iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Proses pemilihan bagi pemohon melalui jawatankuasa ini diadakan sebanyak sekali sebulan dan senarai permohonan dijana melalui sistem pendaftaran berkomputer oleh Pusat Teknologi Maklumat Kerajaan Negeri yang akan dibentangkan dalam jawatankuasa di atas. Pemilihan dibuat berdasarkan senarai kebenaran dalam senarai menunggu

dengan mengambil kira daerah, tempat tinggal pemohon. Selain itu, pemilihan turut memberi keutamaan terhadap pemohon kategori kronik seperti Orang Kurang Upaya, kumpulan yang mendapat perintah pindah dan kes-kes kecemasan seperti kebakaran dan bencana alam.

Untuk maklumat Yang Berhormat jua, prinsip Kerajaan Negeri pada masa kini ialah satu keluarga satu rumah. Oleh yang demikian, hanya salah seorang iaitu sama ada suami atau isteri sahaja yang layak memiliki sebuah rumah kos rendah. Terima kasih atas jawapan. Yang Berhormat Timbalan Speaker, sebelum saya nak menyentuh perkara tadi, saya nak sebut soal borang-borang yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, borang butiran yang mana cukup *detail* diperlukan. Ini termasuklah kena tanda di mana pemohon mengundi. Kalau mengundi luar Pulau Pinang tak boleh dapat rumah. Yang kedua, saya difahamkan dalam borang itu ada ruangan hendak diisi atau ditandatangani oleh saksi yang dulunya lazim pengundi-pengundi tempat saya bila nak memohon rumah, saya sebagai Wakil Rakyat menjadi saksi dan tandatangan borang ini.

Saya difahamkan, saya tidak menuduh, saya difahamkan pengundi-pengundi saya mula bercakap, dia kata kalau Wakil Rakyat Barisan Nasional tandatangan maka borang ini tidak dilayan. Yang kedua, kita ada pemaju perumahan di bawah agensi Kerajaan Pusat seperti JKP Sdn. Bhd., PERDA. Bolehkah pihak Kerajaan Negeri memberi keistimewaan kepada JKP Sdn. Bhd. PERDA sebagai pemaju perumahan yang membina rumah kos rendah supaya mereka sendiri mengemukakan senarai nama-nama yang layak untuk memiliki rumah. Tapi jawapannya tak boleh sebab nama yang dikemukakan, ditapis. Ini amat mendukacitakan. Walau bagaimanapun, saya amat setuju atas peraturan melalui jawapan yang telah dibuat oleh EXCO berkenaan. Tapi saya nak menyatakan di sini sebenarnya jawatankuasa ini tidak telus dan cekap. Saya ambil contoh bila saya tanya boleh dak diberi kepada isteri dan suami, jawapnya tak boleh.

Selamat datang Datok Keramat, saya sedang bercakap tentang perumahan. Terima kasih. Saya ada bukti bahawa suami isteri telah ditawarkan rumah kos rendah di Taman Sungai Acheh pemajunya PERDA. Buktinya bila PERDA menjemput mereka untuk cabut undi dan nak beri kunci, saya dijemput sama. Tapi malangnya kedua-dua pemohon ini yang ditawarkan tak datang. Maka saya telah mengambil daya usaha menghubungi mereka. Rupa-rupanya mereka adalah suami isteri. Tinggal setaman dengan saya. Itu bukti kukuh YB. Pulau Betong. Isy, isy, telus, telus. Ada surat di sini, surat tawaran. Ada nama suami isteri, masih muda. Nasib baiklah mereka tak terima maka dapat peluanglah kepada orang lain. Untuk pengetahuan YB. Timbalan Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Sungai Acheh, saya rasa inilah contoh CAT. Sungai Acheh setuju?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Amat setuju. YB. Dato' Timbalan Speaker, saya nak bagi contoh salah seorangnya bernama Din Mohamad Razak bin Mustapha, alamat 894 Kampung Teluk Sungai Kechil di dalam kawasan Timbalan Speaker. Betul? Angguk. Saya tak tahu. Yang isterinya bernama Zuraidah binti Md. Fadzil, 2170 Kampung Sri Ampangan,

Nibong Tebal dalam kawasan saya. Tapi saya tak *sign*, saya tak tahu mungkin jumpa Dato' *sign*, tak tahu la. Bergurau Timbalan Speaker. Senyum itu satu sedekah. Satu lagi di sini juga disebut tadi. “Selain itu pemilihan turut memberi keutamaan terhadap pemohon kategori kronik seperti orang kurang upaya, kumpulan yang mendapat perintah pindah dan kes-kes kecemasan seperti kebakaran dan bencana.” Dukacita juga ada seorang mangsa yang rumahnya terbakar yang bernama (gangguan). Terima kasih. Sepatut duduk tang tu, orang Penang dok tang tu, jangan bagi orang Melaka dok tang tu. Nama mangsa Rusmila binti Abu. Dia terbakar, berapa haribulan, rumah terbakar, tarikh 28 Oktober 2013. Rumah dia terbakar. Dia tinggal bersama cucu, tapi oleh kerana dia orang tua, maka dinasihatkan supaya cucunya yang memohon rumah kos rendah bernama Mohd. Saiful Nazrin bin Ismail. Katanya, mula permohonan ditolak, sebab dia tinggal di Parit Buntar, Perak. YB. Dato' Timbalan Speaker mungkin mereka tidak tahu, kita berdua saja tahu. Parit Buntar bersempadan dengan Permatang Tok Mahat. Jadi, mereka tumpang sementara di rumah flat Parit Buntar. Rumah kakaknya tak silap saya. Maka pada 20 Januari 2014, Mohd. Saiful Nazrin bin Ismail, alamat 1187, Permatang Tok Mahat telah buat permohonan rayuan *attach* dengan *report* laporan polis di alamatkan kepada, Setiausaha Kerajaan Negeri, Tingkat 3, Bahagian Perumahan, KOMTAR. Saya tak salahkan Datok Keramat, mungkin ada tang lain silap.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih Sungai Aceh. Sehubungan dengan isu ini, Sungai Aceh mungkin perlu dimaklumkan bahawa terdapat banyak kes-kes permohonan yang mana dikenakan syarat asas oleh Kerajaan Negeri supaya warga Pulau Pinang, kad pengenalan kena mempunyai alamat Pulau Pinang. Tapi ada kes-kes saya rujuk satu kes yang mana kawasan saya, pasangan yang berkahwin seorang dari Parit Buntar misalnya, seorang di luar Pulau Pinang, seorang di Pulau Pinang. Jadi tak dua-dua orang akan duduk di Pulau Pinang tetapi alamat kad pengenalan di luar Pulau Pinang. Jadi syarat ini yang menyebabkan mereka tak layak untuk mendapat rumah kos rendah kerana bukan dua-dua orang bermastautin, atau mempunyai alamat atau menjadi pengundi di Pulau Pinang dan telah pun dibuat rayuan, dimaklumkan bahawa dia telah pun memohon untuk menjadi pengundi di Seberang Perai tetapi permohonan untuk masuk dalam senarai SPR ini mengambil masa dan sebagainya. Inilah satu contoh yang menunjukkan bahawa kena ada satu budi bicara untuk menimbang permohonan-permohonan dalam kes-kes seperti ini supaya orang yang patut dan layak menerima ini mendapat rumah kos rendah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Amat setuju.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Minta laluan Sungai Aceh. Sekejap.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Silakan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Sungai Aceh. Okey, pagi ni banyak yang sedang dikatakan tentang aspek pemilihan untuk unit-unit kos rendah dan kos sederhana rendah. Sejak saya dilantik Exco, ini menjadi satu tumpuan saya, jadi kalau ada apa-apa isu, kalau ada apa-apa yang hendak dipersalahkan saya akan ambil tanggungjawab sepenuhnya. Tetapi ingin saya tegaskan di sini sejak saya dilantik saya nampak banyak kekurangan, banyak perkara yang perlu ditambah baik dan saya telah mewujudkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penambahbaikan atau pun dalam Bahasa Inggeris *Selection Process Enhancement Committees* (SPEC), di mana ia mempunyai keanggotaan saya sebagai Pengerusi dan tujuh lagi ahli Wakil Rakyat. Ada EXCO, ada ADUN, ada Ahli Parlimen. Dan sebelum pewujudan jawatankuasa tersebut ingin saya nyatakan di sini proses pemilihan dibuat oleh Bahagian Perumahan iaitu ada tiga pegawai di situ yang memilih daripada senarai yang wujud dan ada banyak aduan tentang pemilihan yang dibuat. Aduan di mana ada orang yang baru daftar dapat, orang yang dah 20 tahun dalam senarai tak dapat. *Jump queue* dan sebagainya. Ada tuduhan-tuduhan diberi kepada kroni-kroni dan sebagainya, sama ada betul atau tidak saya tak akan sebut dan saya tak akan sentuh. Yang penting ialah mereka yang perlu rumah tersebut mesti dipilih dan diberi rumah tersebut.

Jadi saya buat keputusan pemilihan ini sekarang saya sendiri akan buat, dan bukan saya sendiri akan buat, saya akan buat dengan satu jawatankuasa yang dianggotai lapan (8) orang Wakil Rakyat. Kita buat kerja begitu tahu. Kerja yang sepatutnya di buat oleh pegawai, sekarang kita Wakil Rakyat duduk dan saya buat pemilihan tersebut. Lagi satu masalah *developer* pemaju kata banyak projek ada tapi senarai nak dibagi sangat perlahan, sangat lambat. Tunggu enam (6) bulan baru dapat satu senarai nama. Ada banyak aduan, Sungai Aceh. Jadi saya wujudkan ini untuk atasi semua aduan tersebut dan untuk makluman Sungai Aceh, setakat ini kita sudah *overcome backlog that means* pemaju minta senarai tak ada sudah *overcome*. Sekarang *it is current*. Kalau dia ada kekosongan dia minta kita akan bagi. Dan *I can tell you* Sungai Aceh saya duduk kalau perlu setiap minggu sekali. Setiap minggu sekali. Nanti saya akan dapat berapa unit saya sudah pilih untuk orang. Jangan cakap saya tak beri unit kepada orang yang perlu unit tersebut. Itu membuat saya marah tau Sungai Aceh. Kekurangan tersebut ada di situ saya sudah cuba untuk atasi. Kalau ada apa-apa kekurangan lagi beritahu secara *constructive*. Beritahu secara *constructive*. Saya pergi kepada Telok Ayer Tawar tadi tentang pasangan satu di Pulau Pinang, satu di luar Pulau Pinang. Saya yang wujudkan syarat mesti pengundi Pulau Pinang. Apa salah itu Sungai Aceh, apa salah itu?

YB. Dato' Speaker apa salah itu. Saya nak bagi unit rumah kepada pengundi Pulau Pinang, warga Pulau Pinang yang perlu rumah tersebut. Apa salah itu YB. Dato' Speaker... (gangguan). *I don't understand what case is you are refering to* Telok Ayer Tawar. Apabila *you* buat permohonan, saya timbang pemohon saja, saya bukan timbang dia punya suami atau isteri. Kalau satu pemohon itu warga Pulau Pinang dia layak. Tolak mungkin ada sebab-sebab lain ditolak. Saya nak tahu nama itu. Saya punya *committee* ada di sini, Sungai Puyu dalam *committee* saya juga, saya punya *committee*, saya beritahu siapa dalam saya punya *committee*, Sungai Puyu, Dato' Malik pun ada, Dr Afif, ADUN siapa yang ada, Ong Chin Wen, Bukit Tengah pun ada, Soon Man Soon, dia pun ada. Ini telus oh, telus sampai tak boleh telus lagi tahu. Saya boleh panggil Sungai Aceh pun kalau nak juin kalau boleh. *But I think before you*

make the accusation regarding the Pulau Pinang warga Pulau Pinang yes that is the syarat that I created because we, saya nampak dalam senarai ada orang-orang daripada Kuala Lumpur, dari Selangor, daripada Johor apply walhal saya ada 30 ribu nama nak isi tahu, biarlah saya jaga orang Pulau Pinang dulu ...(gangguan) wait not yet finish! Because this is really riling me up.... (gangguan). Apa salah minta mereka pergi daftar sebagai pengundi untuk pastikan mereka pengundi Pulau Pinang dan warga Pulau Pinang supaya mereka layak.

YB. Dato' Speaker apa salah itu? Ini serius YB. Dato' Speaker, ini isu mengenai perumahan untuk orang yang kurang mampu, jadi syarat-syarat yang ketat mestilah diletakkan di situ betul tak YB. Dato' Speaker? Betul tak?...*(gangguan)*. Bukan macam dulu ada aduan *under* kaunter boleh dapat. Tadi saya balik pada Sungai Aceh, Sungai Aceh ada cakap tentang projek JKP di Sungai Aceh? Atau di Sungai Gelugor?...*(gangguan)*. *No no Saujana is different that is not I'm talking about the Sungai Gelugor, were you talking about Kuala Sungai Gelugor?* Okey tadi ada cakap masa saya masuk mungkin *after you can inform me*, tapi apa yang saya dengar, Sungai Aceh ada nampak suami dan isteri yang diberikan satu unit, walhal sepatutnya tidak diberikan di projek mana? Di Sungai Aceh la, bukan Saujana?...*(gangguan)*. Saujana bukan Sungai Aceh kan? Pemohon *is from* Sungai Aceh dan mendapat rumah di Saujana? Okey saya nak tahu tentang suami dan isteri tu ...*(gangguan)*, *no just tell me the fact, you are alleging...**(gangguan)*, suami isteri dapat sepatutnya tak dapat betul? Di mana di mana dapat di projek mana?...*(gangguan)* *Understand*, saya belum habis tau, saya cuma tanya soalan sahaja *so just* yang tempat itu kawasan mana itu? ...*(gangguan)*.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

EXCO marah ini.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Aceh sila....*(gangguan)*.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Seri Delima jangan cuba membangkitkan...*(gangguan)*.

Ahli kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Belum mula lagi.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tak apa saya mula lagi, *floor* saya.

Ahli kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Ada peraturan yang perlu dibangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Taman mana tadi. Jawab tadi Taman mana? Tak apa, tak apa, dia duduk dah. Seri Delima duduk dah. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih Datok Keramat saya sebenarnya cakap punya *slow* tak mahu bagi panash tapi saya nampak EXCO marah dekat saya. Begini Datok Keramat, saya ini saya bukan tuduh kata Datok Keramat pilih tak betul, cuma saya kata, ikut jawapan Datok Keramat bagi, ada jawatankuasa yang orang kata hebat, pilih ikut telus tapi ada dua (2) kes tempat saya, nanti lah Dato', Datok Keramat bersembang panjang tak apa saya tak boleh selalu ...(gangguan), okey ada dua (2) kes Dato' Timbalan Speaker yang pertama, suami isteri yang dapat tawaran rumah. Dato' Timbalan Speaker, nanti saya nak beritahu, saya tengok Datok Keramat tak perhati dekat saya nanti susah (gangguan) suka kacau. Nama dia Zuraidah binti Md Fazil 2170 Kampung Seri Ampangan Nibong Tebal duduk dalam KADUN Sungai Aceh, dapat tawaran rumah kos rendah Taman Sungai Aceh di bawah PERDA, itu isteri, yang suaminya Din Mohamad Rozad bin Mustapha 894 Kampung Teluk Sungai Kecil, yang ini dok dalam kawasan Timbalan Speaker, rumah dapat di Taman Sungai Aceh PERDA. Kes kedua Dato' Timbalan Speaker yang mangsa rumah terbakar, oleh kerana mangsa, nama cucu mangsa oleh mangsa tak boleh buat permohonan atas faktor umur, cucu dia nama Saiful Nazri Bin Ismail 1187 Permatang Tok Mahat, dia telah buat rayuan. Dato' Timbalan Speaker, ada salinan surat kat saya ini, bertarikh 20 Januari, yang dua (2) suami isteri dapat rumah itu kita abaikan, kerana mereka pun tidak mahu menerima rumah itu, tak payah nak cari bukti nak surat nikah, saya boleh bawa pi rumah dia, kerana rumah dia satu taman dengan saya, jadi ini yang saya pertikaikan kerana dah sebut kata Kerajaan Negeri telus, ada jawatankuasa buat perinci nak beri keutamaan kepada yang kecemasan, tetapi ini tidak ditunaikan. Itu yang saya sebut Dato' Timbalan Speaker, Datok Keramat, terima kasih atas *respond*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Thank you thank you Sungai Aceh, suami isteri ini mereka memang tak terima kan? Tapi ditawarkanlah jadi isu itu kenapa boleh ditawarkan? Ditawarkan oleh siapa? Ditawarkan oleh siapa? Tak *you* mari sini buat tohmahan semua mesti tau semua fakta sekarang baru nak baca kot? Bila ditawarkan?(gangguan) tak boleh sabar macam ini, ini kerja saya tahu(gangguan) okey siapa dan bila?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila baca.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Yang ini surat daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bertarikh 27 November 2013 Tawaran Seunit Rumah Kos Rendah Taman Sungai Aceh Daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ini adalah suami isteri punya kes? So saya ada nama dia saya akan ambil rujukan kerana ia tahun 2013 kalau betul-betul suami isteri saya akan *check* mengapa ia telah berlaku kerana ini seharusnya tidak berlaku, saya terus terang kalau kita punya sistem senang sahaja ada beberapa isu kita punya sistem akan dapat kesan daripada komputer. *We are collaborated with the Council and we are collaborated with The Land Office.* Kalau pasangan ada *it should have* kesan *number one*, kalau pendapatan kalau sudah ada rumah SAR dia seharusnya dikesan *and of course the pendapatan we rely on their statement that is how we go but anyway thank you Sungai Acheh for telling me* and saya percaya *is a non-issue because* nasib baik mereka tidak menerima tawaran tersebut *so it is a non-issue but I will check what happend there and what is the status and give you the answer at the* penggulangan *but I agree with you, you cannot have* suami and isteri *cannot have one each that is right so I will check on that.* Berkenaan rumah yang sudah bakar itu, isu dia ialah kerana dia pemohon ialah cucu rumah yang terbakar betul? Dia *unfortunately* dia tinggal di luar negeri Pulau Pinang di Parit Buntar ya *so the pemohon is the cucu but* ditolak kerana tidak tinggal di Pulau Pinang?(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sebenarnya cucu dan tok tinggal di alamat Permatang Tok Mahat. Apabila rumah terbakar, rumah tak ada nak duduk mereka tumpanglah di rumah keluarga mereka di Parit Buntar. Saya cuba berhubung JKP Sdn. Bhd. saya tanya status permohonan mereka JKP Sdn. Bhd. Maklum, pemohon dah buat rayuan kepada State. State bagi alasan saya tak tahu betul kah atau tidak betul kerana pemohon ini alamat dia di Parit Buntar, so saya cakap apa salahnya kita timbangkan kerana dia telah buat rayuan, alamat pun dah lengkap dan syarat pun memang dah tunai sebab dia adalah mangsa kebakaran.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okey terima kasih Sungai Acheh, memang kita ada budi bicara oleh itu kita ada SPEC tersebut oleh itu kita ada SPEC tersebut untuk dengar rayuan-rayuan, rayuan ini dibuat ada sebut fakta-fakta kes tersebut?... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dia ada hantar surat dan salinan kepada saya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Apakah yang dinyatakan dalam surat itu dan kepada siapa surat tersebut itu di hantar....(gangguan). *No no I want to settle the case here now! If she deserves its I will give it to you I will tell* YB. Dato' Speaker kalau betul dia layak saya akan beri *no problem can I have the letter now?....*(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dato' Timbalan Speaker.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

You don't come and just make allegations...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Datok Keramat jangan emosional sangat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Syarat dia betul kalau Perumahan tolak kerana *you* bukan orang Pulau Pinang betul!...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Duduk dulu Datok Keramat. Kawal sikit perasaan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

So I want to know....(gangguan), no if this person deserves it he will get it (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tak apa ini saya nak sebut.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Under my watch she will get it so saya nak nampak surat itu sekarang juga boleh?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bagi surat-bagi surat atau fotostat sekarang.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Fotostat boleh tak?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Boleh-boleh.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Bagi surat, tak apa *you* bagi saya nanti saya fotostat, bagi *you* satu copy. (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Bukan, sana *lawyer* sini bukan *lawyer*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okay never mind let me give you an example of sudah ada rumah tak boleh diberikan rumah, saya bagi satu contoh YB. Dato' Speaker penting. JKP ada lagi satu projek di Sungai Kuala Sungai Gelugor *I think* Telok Bahang tahukan? Kuala Sungai Pinang di Bayan Lepas di Balik Pulau *yes*. Projek ini adalah satu projek yang sudah pun dimaju berapa tahun yang lalu tapi malangnya tawaran dibuat tapi rumah tak di serahkan, itu kronologi dia, so apabila tawaran telah dibuat, saya dapat tawaran tersebut empat (4), lima (5) tahun dahulu rumah saya tak dapat, jadi apa yang berlaku saya masih memerlukan rumah, saya pergi cari, saya dapat satu (1) rumah walhal saya sudah ada tawaran unit kos rendah tersebut, so saya sudah dapat rumah lepas dapat tawaran. *Then* rumah itu, dia hantar surat mari ambil kunci. Kita punya pejabat dapati bahawa mereka yang mari ambil kunci tersebut lepas tawaran yang asal sudah memiliki rumah. Jadi dalam sistem tidak layak. Saya arahkan Pejabat saya untuk hantar surat kepada 42 orang beritahu kamu tidak layak kerana kamu tidak layak, kamu sudah ada rumah. Kita tegas macam itu Sungai Acheh so apabila ada isu-isu macam ini saya nak tengok. *Where is the* surat yang menyatakan permohonan ditolak?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Surat rayuan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya rayuan, dia sekarang dia merayulah. Mana keputusan dia? Mana keputusan dia?

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ya dia merayu, tak apalah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Tak, itu dia salah tu(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bila dia tolak?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

SPEC akan dengar rayuan itu, saya nak tengok sama ada SPEC ada tolak rayuan ni so belum putuslah....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh(YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Belum putus.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Belum putus.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Belum putuslah. So ini ada satu masalah. Okey *never mind* saya akan dengar kes ini minggu depan dan kalau ada merit saya akan beri dia satu unit rumah dan saya akan CC copy kepada Sungai Aceh beritahu kerja sudah dibuat, ini baru Januari 2014 okay? Itu yang saya janji di sini YB. Dato' Speaker kerana penting, kerana betul apa Sungai Aceh kata dia layak. Ini ialah satu kes yang merit sebab itu saya nak nampak surat kes tersebut, ini buat rayuan so akan masuk SPEC nanti, minggu depan saya akan dengar rayuan tersebut okey?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sungai Puyu nak minta laluan lagi? Sungai Puyu EXCO Perumahankah?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Berkenaan dengan kebajikan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kebajikan.....(ketawa).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagi Sungai Aceh, bagi laluan?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sedih, bila sebut kebajikan. Sedih, saya bagi. Silakan Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sama-sama.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Saya rasa amat lebih amat sedih, kecewa kerana apabila seorang mangsa rumah dia hangus terbakar, sehingga hari ini ADUN kawasan tidak tahu SOP. Apakah SOP itu? Jika sebuah rumah dalam kawasannya terbakar, hangus, nombor satu (1) dia kena minta Pejabat Daerah buat laporan, dalam laporan itu, laporan akan dipanjangkan oleh Pejabat Daerah kepada perumahan supaya dapat tawar rumah dengan segera. Itu SOP. Saya rasa sedih kerana Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Aceh seorang yang biasa berurusan di Pejabat Daerah, bukan seorang ADUN yang baru tetapi ADUN yang Penggal Kedua tidak faham SOP.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dato' Speaker, peraturan. Dia menyakit hati saya, dia menghina saya sebagai ADUN Penggal Kedua tidak tahu apa. Saya nampak Sungai Puyu lagi tidak tahu apa.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Apabila rumah terbakar, laporan bomba, laporan bukan *lecture*, ini untuk kebaikan dia, saya hendak selamatkan dia. Selamatkan dia kerana kalau tiada orang, nampak dia macam saya tidak boleh kata bodoh. Kalau saya kata bodoh itu tidak bersopan di dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dato' Speaker, dia mengata bodoh kepada siapa Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Saya kata tidak boleh panggil dia bodoh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dia kata kat siapa Dato' Timbalan?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Ya, saya kata tidak boleh panggil dia bodoh. Kalau saya panggil dia bodoh itu tidak bersopan dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Apa maksud dia Timbalan Speaker?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Selain dia mengaku dia bodoh. Betul tidak?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Timbalan Speaker, ingat ustaz saya Timbalan Speaker dulu,...(ketawa).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk, sila duduk.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Wah, ugut. Semua orang dalam Dewan di sini ada dengar, saya ada kata tidak boleh panggil dia bodoh. Kalau saya panggil dia bodoh tidak bersopan selain dia mengaku dia bodoh. Di sini Dato' Speaker, saya telah menerima banyak kes di mana apabila rumah terbakar mereka terus lapor kepada Pejabat Daerah, Pejabat Daerah akan turun padang untuk siasat dan bagi bantuan daripada Tabung T.Y.T. dan surat itu dalam laporan semua akan panjangkan kepada perumahan dan tarafkan sebagai chronic case dan di mana-mana tempat ada terus dibagi. Jika tiada ada kami juga bagi dia rumah PPR untuk sewa. Kerajaan Negeri bayar sewa tiga (3) bulan dan juga ADUN Kawasan bayar sewa tiga (3) bulan. Pendek kata, mangsa itu enam bulan dapat rumah perumahan percuma. Dalam masa itu kami memproses permohonan ini. Saya cuba *reconcile* semua orang, saya dah jemput Ahli Berhormat Sungai Aceh menjadi jawatankuasa dalam MMK Kebajikan tetapi ditolak. Pada hari saya tahu dan saya bersyukur kepada Tuhan, nasib baik saya tidak bawa dia masuk ke MMK saya kerana seorang yang datang ke Dewan pun tidak mahu buat *homework* dia hendak jadi MMK susah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dato' Timbalan Speaker, menyakit hati. Dato' Timbalan Speaker, dia menyakit hati saya lagi. Peraturan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Peraturan apa.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Gunalah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Kalau Dato' Speaker *the truth hurts*, kalau saya kata apa yang benar.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Gunakan kuasa yang ada pada Timbalan Speaker sudah angkat sumpah jadi Timbalan Speaker ini.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sekejap, saya dengar dulu.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sungai Puyu telah menghina saya menyakitkan hati saya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Ya, tetapi terbukti.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya duduk lagi.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk sekejap hendak dengar dulu bagi jelas.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dengar apa? Ini cara lama. Hendak pergi Sungai Puyu, pergi ikut jalan jauh, nanti terowong siap boleh pergi cepat Sungai Puyu. Apa ini?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):

Saya rasa sedih. Saya rasa kasihan orang lama berperangai macam ini. Jika lain kali ke Dewan buat *homework* baru ke Dewan kerana kalau tidak buat *homework* ke sini malu sendiri. Betulkah?

Dato' Speaker, saya ingin kerana saya juga hendak tolong kalau dia tidak faham, dia tidak tahu jumpa saya, saya rela tolong. Mahukah? Ambil maklumat pada saya semua saya akan tolong, saya janji tolong kerana itulah dasar tolong-menolong. Saya hendak selamatkan anda Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya hendak bagi peraturan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih. Saya tidak benar.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya bangkitkan isu....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Timbalan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Peraturan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Sungai Aceh dengar peraturan dulu. Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Bila kami timbul peraturan tidak ikut, sebab dia seorang peguam.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bukan, bukan, dia pegang buku peraturan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Inilah perkara yang saya ingin bangkitkan pagi tadi, tetapi saya terlewat. Saya mohon maaf Timbalan Speaker. Berkenaan dengan satu kejadian yang berlaku kelmarin. Kejadian ini adalah kejadian yang berlaku di perkarangan Dewan dan saya ingin merujuk peraturan terlebih dahulu sebelum saya merungkai apa yang berlaku. Telok Ayer Tawar bersabar. Kalau peguam bersabar, saya akan rujuk peraturan ini.

Peraturan 12(iii). Dengan izin saya membaca, Speaker bolehlah menyuruh supaya ditahan sesiapa jua orang luar yang ia nampak ataupun yang diberitahu kepadanya berlaku di dalam mana-mana bilik persidangan Dewan atau di tempat pemerhati dengan tidak mendapat kebenaran dan juga sesiapa jua pun orang luar yang telah dibenarkan masuk yang berkelakuan tidak senonoh. Saya menekankan di sini. Berkelakuan tidak senonoh atau enggan keluar apabila orang-orang di luar diperintahkan keluar pada masa Dewan atau jawatankuasa seluruh Dewan sedang bersidang. Saya merujuk kepada satu kejadian kelmarin di mana pada saat-saat Ketua Menteri ingin bergegas ke satu majlis, tindakan orang luar, yakni seorang yang bertanding dalam Pilihan Raya Bukit Gelugor, calon bebas yang baring di hadapan kenderaan menghalang perjalanan Ketua Menteri. Ini juga memandangkan Pegawai Undang-undang hadir merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 189 Kanun Keseksaan. Dengan izin saya mohon membaca.

“Ugutan bencana kepada penjawat awam. Barang siapa mengadakan apa-apa ugutan bencana kepada seorang penjawat awam ataupun kepada seorang yang ia percaya penjawat awam itu ada kepentingan dengannya bagi maksud hendak mendorong penjawat awam itu supaya melakukan apa-apa perbuatan atau supaya jangan melakukan atau supaya melengahkan melakukan apa-apa perbuatan yang

berhubung dengan perjalanan kerja-kerja jawatan penjawat awam itu hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua (2) tahun atau dengan denda atau dengan kedua-duanya.”

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dua perkara yang....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Peraturan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya belum habis lagi Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Nanti saya minta laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Dengar dulu. Perkara pertama yang ingin saya bangkitkan ialah mengapa tidak sebarang tindakan diambil oleh anggota-anggota Polis yang berada di Dewan, sejak pagi, di dalam Dewan pun ada wakil saya percaya, di luar pun ada wakil. Kita kelihatan kita lihat dalam klip video yang diambil hanya pegawai-pegawai MPPP sahaja yang cuba menghalang beliau. Mengapa tidak anggota-anggota Polis datang membantu memberkas beliau atau menghalang perkara itu daripada berlaku.

Timbalan Speaker, ini adalah perkara penting kerana boleh menyebabkan kehilangan nyawa dan memang menghalang kenderaan Ketua Menteri dan saya ingin tahu sama ada sebarang tindakan diambil oleh mana-mana anggota Polis yang ada untuk membuat mana-mana laporan polis ataupun memberkas beliau. Kita lihat sahaja perkara ini berulang kali berlaku, kalau dulu demonstrasi berlaku mereka buat tidak tahu, sekarang perkara ini berlaku kemana perginya pihak Polis. Saya sebagai wakil rakyat tadi pergi ke pasar melawat bersama-sama dengan calon Bukit Gelugor di tanya mana pihak Polis? Mengapa sebarang tindakan tidak diambil? Kalau Menteri Persekutuan datang, Timbalan Menteri datang, Perdana Menteri datang, *escort* yang begitu banyak diberikan. Apakah Ketua Menteri bukan orang yang penting kepada rakyat di Pulau Pinang? Mengapa tidak sebarang tindakan diambil? Saya menyeru Timbalan Speaker, mengambil perhatian tentang perkara ini dan kalau boleh saya menyeru satu (1) laporan polis dibuat, meminta dua laporan polis. Satu terhadap pihak Polis kerana gagal mengambil sebarang tindakan mengelak perkara ini daripada berlaku. Kedua, laporan polis terhadap orang berkenaan yang nyaris-nyaris dilanggar oleh kenderaan Ketua Menteri. Terima kasih. Saya mohon perkara ini diberi perhatian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dato' Speaker, saya ingin membaca kembali peraturan 12(iii) muka surat 8.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Floor sayakah atau siapa punya *floor*?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya benarkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih. "Speaker bolehlah menyuruh supaya tahan sesiapa jua orang luar yang ia nampak ataupun yang diberitahu kepadanya berada di dalam mana-mana bahagian bilik persidangan Dewan atau di tempat pemerhati. Bilik Dewan atau di tempat pemerhati dengan tidak mendapat kebenaran dan juga sesiapa pun jua orang luar yang dibenarkan masuk yang berkelakuan tidak senonoh. Perkara itu berlaku Dato' Speaker bukan di dalam Dewan, di luar Dewan. Mengapa timbulkan perkara ini? Kalau begitu kenapa membenarkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kalau begitu saya minta tunjuk ajar daripada anda untuk merujuk. Kita tidak bercakap tentang mana-mana pihak.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat menggunakan peruntukan ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Peruntukan ini terpakai.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sehingga menyebabkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Kelakuan yang tidak senonoh Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sehingga menyebabkan Sungai Aceh terpaksa duduk...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Baik, siapakah yang menyuruh beliau berbuat demikian....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Menggunakan peruntukan ini tidak berkenaan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Mengapa Yang Berhormat membela beliau?(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tidak membela.....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima, Pulau Betong....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Mengapa anda membela beliau?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tidak membela, saya menyatakan Yang Berhormat Seri Delima menggunakan(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Mengapa membela?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tidak membela, saya memperbetulkan perkara yang tidak kena....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seri Delima, Pulau Betong sila duduk.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Peraturan salah yang digunakan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Timbalan Speaker, saya punya *floor*.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya salah. Duduk....(gangguan). Sila duduk. Sudah. Sambung Sungai Aceh. Sila sambung Sungai Aceh hampir sejam.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih. Saya tak benar ini *floor* saya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tapi YB. Timbalan Speaker, saya minta perkara ini beri perhatian jika tidak ia akan mengganggu-gugat persekitaran Dewan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya tidak benar, ini *floor* saya.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak mengapa, nanti.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ini *floor* saya Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Tindakan mereka membela beliau menunjukkan bahawa ada penglibatan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Seri Delima ini *floor* saya. Jangan ambil kesempatan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk Seri Delima.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ini *floor* saya....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk Seri Delima....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ini saya punya *floor*...(menjerit).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan marah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya marah!

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jangan marah, *relax*.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya mesti marah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Duduk, duduk dulu.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya minta Seri Delima duduk. Ini *floor* saya.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk Seri Delima.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Jelas sekali, ada....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sila duduk!

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Anda telah melibatkan diri dalam perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Anda terlibat!

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk Seri Delima. Sila teruskan Sungai Aceh. Sudah, sambung yang tadi. Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya kena ada masa tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya ucap terima kasih Timbalan Speaker kepada Datok Keramat yang telah begitu prihatin. Saya yakin dia dapat membantu masalah yang saya bawa ini dapat diselesaikan. Cuma saya hendak tegur Sungai Puyu.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ini panjang cerita.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya kena, dia cakap tadi saya tidak jawab macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Sungai Puyu, nanti dia kecil hati saya tak *respond* kepada orang lama. Untuk pengetahuan YB. Sungai Puyu dari segi *report* telah buat. Dari segi kebajikan pun sudah tahu. Dari segi Pejabat Daerah pun sudah tahu. Ini menunjukkan Timbalan Speaker, Sungai Puyu tidak buat *homework*. Pegawai-pegawai dia tidak beritahu kepada dia. Berapa lama dah, koman.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Betong, nanti, nanti.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Penjelasan, minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak mengapa, nanti.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagi Sungai Aceh jalan dulu. Nanti Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta jalan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Timbalan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya minta laluan perumahan dengan Datok Keramat. Saya tahu memang Datok Keramat EXCO yang prihatin sebab saya bersama Datok Keramat dalam PAC saya tahu bagaimana Datok Keramat berusaha bersungguh-sungguh untuk menangani masalah perumahan. Cuma saya hendak dua perkara Datok Keramat supaya menyampaikan kepada pihak bawahan telah beberapa kali saya mendapat aduan apabila orang kampung hendak minta borang daripada penyelaras DUN, mereka mensyaratkan mesti menjadi ahli PKR dulu. Bukan sekali, bukan dua (2), okey, saya tak boleh bawa bukti, tapi saya minta supaya diberi nasihat kepada orang-orang di bawah jangan membuat perkara sebegini, kerana ini sebenarnya akan memporak-perandakan keharmonian di bawah. Dan yang kedua saya ingat seolah-olah pegawai-pegawai di Pejabat Daerah, kalau ada masalah kebakaran dan sebagainya, minta supaya mereka juga bersama kami ADUN-ADUN BN dan bukan hanya semata-mata mengikut penyelaras DUN yang berada di pihak Kerajaan. Mereka harus bersama kami supaya kami boleh buat apa yang saudara Sungai Puyu cakap. Mereka juga harus bersama kami bukan sahaja hanya turun apabila diminta oleh Penyelaras DUN. Ini yang berlaku YB. Datok Keramat dan saya minta supaya Datok Keramat dapat menegur perkara ini supaya tidak berlaku dibawah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Teruskan, Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dato' Keramat nanti gulunglah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya ingat ada satu tohmahan di situ kerana saya ingin menjelaskan disini Borang PN1 untuk perumahan adalah percuma sekarang dan kalau Penyelaras kata mesti *join* parti yang tertentu dan disini parti yang disebutkan adalah PKR jadi saya anggap itu sebagai begitu serius mungkin rakan saya boleh jelaskan nanti *because* dia juga dalam SPEC. Saya boleh beritahu Pulau Betong senang saja, tak perlu pergi ke Penyelaras, datang ke pejabat saya, saya bagi itu form, percuma, senang saja. *There is no such thing as* satu persyaratan (gangguan)..

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya juga menyediakan borang percuma untuk mereka. Saya ambil di KOMTAR, saya serahkan kepada mereka tapi bila mereka pergi sana minta borang pada PKR, mereka tidak mahu. Mereka datang jumpa saya, saya bagi. Saya cuma nak pastikan perkara ini tidak berlaku di bawah. Itu saja saya minta.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

I think this is a very serious issue, YB. Pulau Betong boleh beritahu saya siapa Penyelaras tersebut?

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya akan maklumkan, Penyelaras DUN Pulau Betong.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Penyelaras DUN Pulau Betong, okey, saya akan siasat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Begitu juga apabila orang-orang kampung minta peruntukan daripada mereka, mereka kata mesti jadi ahli PKR dahulu. Ini berlaku. Saya bercakap secara ikhlas. Saya tahu Datok Keramat ikhlas nak membantu soal begini, sebab itu saya bercakap dalam Dewan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya ucapkan terima kasih. Saya akan siasat dengan secepat mungkin.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima Kasih Datok Keramat...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Yang Berhormat Timbalan Speaker

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Boleh cakap esok, pada masa gulung.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bagi saya. Sikit saja.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sikit pun tak boleh.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Buang batu lari.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sikit tak boleh.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Buang batu lari, kalau berani di sini juga....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Timbalan Speaker....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tidak berani.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Peraturan. Mengganggu bercakap.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau berani.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Timbalan Speaker, saya cakap sekarang bercanggah

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau berani.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Baru dia duduk. YB. Timbalan Speaker. Saya nak cakap tajuk memartabatkan agama Islam dalam ucapan Tun. Saya nak ulang banyak kali tentang permohonan tanah perkuburan Islam di setiap kawasan ataupun secara berpusat belum dibuat. Banyak kali dah saya bercakap, jelas sekali di Masjid Sri Ampangan, tanah kubur Islam belum ada YB. Timbalan Speaker. Baru-baru ini YB. Pantai Jerejak, Timbalan Ketua Menteri I telah pergi dalam satu program karnival masjid tersebut dan mungkin di atas tapak tanah kubur karnival itu diadakan, sepatutnya dijadikan kubur. Mungkin, saya tak pasti. Saya minta EXCO yang berkenaan pastikan masjid tersebut ada kubur Islam. Masjid besar, tapak ada, rumah banyak di sekitar, orang Islam mati terpaksa kebumi di kariah lain iaitu Permatang Tok Mahat. Jadi, anak kariah minta saya bawa perkara ini kepada YB. Batu Maung kah? Betul?. Angguk. Okey setuju. Angguk maknanya YB. Batu Maung setuju.

Kemudian, saya juga ingin dapat maklumat YB. Timbalan Speaker, katanya, kalau dulu bila kita nak bina taman perumahan, saya tak ingat kalau lebih kurang 150 unit ke atas kita kena sedia tapak surau baru ataupun yang besar tapak masjid. Adakah syarat-syarat sekarang masih perlu diikuti. Maksud saya, setiap pemaju yang nak buat rumah yang melebihi 150 unit, mesti menyediakan tapak surau atau tapak masjid, seperti yang saya dapat maklumat katanya tak payah. Saya minta penjelasan. Kemudian, bila satu lagi ialah isu pelantikan Jawatankuasa Kariah Masjid Sungai Aceh. YB. Batu Maung, saya pohon Batu Maung ambil perhatian. YB. Batu Maung dalam sidang yang dulu telah janji mengangguk tiga (3) kali bererti bersetuju, nak bagi tahu kat saya secara khusus kenapa Jawatankuasa Kariah Masjid Sungai Aceh yang dilantik dalam mesyuarat agung tidak terpakai dan dilantik lain daripada yang dipilih dalam mesyuarat agung. YB. Batu Maung telah berjanji, mengangguk tiga (3) kali. Saya tak tahu gambar ada tak, dalam hansard, mungkin gambar angguk tak keluar.

Kemudian, untuk pengetahuan YB. Timbalan Speaker, YB. Batu Maung, ini ada, salinan surat depa buat bantahan ini. Tentang Jawatankuasa Kariah, punya banyak tandatangan. Ini dia ambil la gambar. Lebih kurang 300 anak kariah Sungai Aceh, buat bantahan hantar kepada Setiausaha Majlis Agama Islam Pulau Pinang, bertarikh 27 Mac, tetapi tak dak respon, tiada respon. Kata Kerajaan Negeri ini CAT, cekap, dia kena jawab segera bila rakyat tanya, tak teluslah. Celus apa makna celus itu? Tercelus. Jadi, harap Batu Maung ambil perhatian. Kemudian terdapat juga ada kalangan jawatankuasa kariah dilantik di Masjid Sungai Aceh tidak mengikut syarat dalam kaedah pemilihan Jawatankuasa Kariah. Saya pun sempat cari enakmen agama ini, melalui *google*, nak bagi tahu bahawa kita pun reti. Jadi ikut kaedahnya yang pertama Jawatankuasa Kariah mesti orang dalam kariah. Tapi sayang Jawatankuasa Kariah yang dilantik tidak tinggal dalam kariah. YB. Timbalan Speaker, kaedah lima (5) kelayakan menjadi Ahli Kariah, pertama berumur tidak kurang 50 tahun, kedua, tinggal tetap dalam kariah masjid untuk tempoh tidak kurang daripada tiga (3) bulan. Sedangkan Jawatankuasa Kariah yang dilantik sebagai contoh Setiausaha Masjid Sungai Aceh tinggal di Taman Seri Aceh dalam kariah Simpang Tiga, sahabat baik YB. Timbalan Speaker, bergurau. Yang lain saya tak mahu baca lagi. YB. Seberang Jaya, saya akan jumpa nanti.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih, YB. Timbalan Speaker, terima kasih YB. Sungai Aceh. Mengenai isu yang sama, berlaku di kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga dan perkara ini juga saya bangkitkan dalam mesyuarat yang lepas iaitu pada tahun sudah, selama dua (2) kali. Mesyuarat yang pertama dan mesyuarat yang kedua dan isu yang sama juga iaitu mengenai pemilihan Ahli Jawatankuasa Masjid Bakar Kapor dan isu itu sehingga hari ini belum selesai lagi walaupun telah beberapa kali saya bangkitkan isu ini, tetapi sehingga hari ini tidak ada jawapan yang diberi atau pun kalau ada pun perkara ini tidak diselesaikan dengan elok. Jadi, saya amat kecewa. Perkara sebegini seperti yang dikatakan oleh YB. Sungai Aceh, yang berlaku di kawasan beliau juga berlaku di kawasan saya. Dan pemilihan di kawasan saya berjalan mengikut peraturan tetapi akhirnya keputusan mesyuarat tidak dipakai, tidak dihormati dan pengerusi diganti. Sehingga hari ini perkara itu masih tidak diperbetulkan jadi saya amat kesal sekali kerana perkara begini menimbulkan keresahan, ketidakpuasan hati di kalangan penduduk-penduduk di kawasan dan ini tidak sekali menunjukkan bahawa apa yang dikatakan tadi CAT? Kucing. Saya tak tahu. Saya dulu saya tak dak. Jadi saya kurang faham apa itu CAT. Jadi saya rasa perkara ini sepatutnya diperbetulkan supaya keharmonian di antara penduduk, umat Islam di kawasan Bakar Kapor, anak-anak kariah, keharmonian dikekalkan dan saya harap sangat lah. perkara ini diperbetulkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Aceh, silakan buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Depa curi masa saya, Timbalan Speaker tak pernah tegur.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dah potong-potong dah.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Potong yang mana?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, sila.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Okey, satu lagi untuk pengetahuan Batu Maung. Ini penyata Mesyuarat Agung ambil gambar. Mesyuarat Agung Tahunan Kariah Masjid Sungai Acheh. Dalam agenda dia, tak dak mengesah minit. Dalam Kaedah 24 Mesyuarat Agung Tahunan, Enakmen Agama, dia bermula dengan agenda bacaan doa selamat, Al-fatihah, Ucapan Pengerusi, Pengesahan Minit Mesyuarat Agung tahun yang lalu. Dalam ini tak ada. YB. Timbalan Speaker. Ni bab agama pun depa putar belit lagi. *Allah, Allah, Allah*. Sedih, sedih Batu Maung. Ini Mesyuarat Agung Masjid, saya ingat pasai apa tak buh, mujurlah ada enakmen ni. Perbetul lah ni. Okey, sabar, YB. Timbalan Speaker.

Kemudian saya juga buat pertanyaan dalam soalan saya berkaitan dengan dewan orang ramai, yang ada maka telah dijawab katanya, Daerah Timur Laut ada 25, Daerah Barat Daya 18, apa, gitulah Seberang Perai Tengah 1. Ya, betul la ni. *Sorry*, minta maaf, dia lain. Tersilap jawapan dia dewan orang ramai yang ada ini, soalan saya begini: “Berapakah jumlah dewan orang ramai yang diambil alih oleh Kerajaan Negeri dari pengurus asal dan dari jumlah itu berapakah bilangan yang dijadikan Pejabat Pakatan Rakyat dan berapakah bilangan yang terbiar.”

Dia jawab, Selatan ada 28, Utara 83, Barat Daya 30, Timur Laut 44, jumlah 185. Kerajaan Negeri juga jawab, dari kesemua dewan yang telah diambil alih, tiga (3) buah dewan sahaja yang telah ditukar guna seperti berikut. Yang pertama, Bangunan ANNEX bersebelahan dewan Sungai Bakap, tak apa, ini kenyataan, bukan saja nak kata. Ini kenyataan. Diguna oleh ADUN, YB. Timbalan Speaker.

Kemudian Dewan JKKK Tasek Gelugor digunakan oleh Penyelaras KADUN Gelugor Permatang Berangan, kemudian Dewan Sungai Dua YB. Yusoff, pejabat penyelaras KADUN Sungai Dua. Katanya dulu pejabat ini kita tak benar guna untuk politik, kita nak guna untuk orang ramai, yang *neutral* tetapi sekarang tak jadi juga. Kemudian dimaklumkan bahawa bangunan dewan tidak terbiar sama sekali. Saya nak nafikan memang bangunan balai raya di kawasan saya nampak usang dan dianggap seolah-olah terbiar, banyak rosak, saya boleh bawa melawat Sungai Chenaam, Simpang Tiga yang PKR mesyuarat hari itu rosak banyak, dalam kamusnya bermakna terbiarlah, saya pohon pertimbangan untuk ini, adalah lagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

YB. Sungai Aceh, minta laluan YB. Timbalan Speaker, seperkara sehubungan dengan perkara ini saya nak minta kepastian daripada Kerajaan Negeri, saya difahamkan bahawasanya ada beberapa premis-premis yang digunakan untuk bangunan KEMAS di atas tanah Kerajaan Negeri akan diambil alih dalam masa setahun atau dua (2) tahun. Jika sekiranya mereka atau Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengambil alih premis-premis atau tapak ini. saya minta supaya dimaklumkan kepada Pihak Pembangunan Negeri dengan kadar segera supaya kita boleh merancang masa depan premis untuk kita sediakan baikkkan, TADIKA KEMAS dan sebagainya sebab kalau tak tahu tiba-tiba ambil, jika ada secara terlintas atau terniat dalam hati Kerajaan Negeri untuk mengambil kesemua premis-premis yang menjalankan aktiviti-aktiviti Kerajaan Pusat di atas tanah Kerajaan Negeri nak ambil balik, sila maklumkan dengan Pembangunan Negeri dengan kadar segera supaya kita dapat merancang dan tidak mengendali TADIKA KEMAS itu YB. Timbalan Speaker... (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Minta laluan, saya terpaksa pujuk beliau, dia kata takut tak boleh habis dia punya, saya minta maaf. Terima kasih YB. Timbalan Speaker, terima kasih YB. Sungai Aceh. Mungkin YB. Sungai Aceh masih ingat pada mesyuarat yang lepas kalau tak salah saya pada Disember tahun sudah, semasa mesyuarat, semasa rehat saya telah menerima satu surat daripada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara, meminta supaya Pejabat Komuniti di Penaga di Pekan Penaga dikosongkan serta merta. Saya rasa semua orang masih ingat saya bawa isu ini dan saya bertanya kepada YB. Timbalan Ketua Menteri I mengenai perkara itu dan jawapan yang diberi sama seperti apa yang diucapkan oleh YB. Sungai Aceh iaitu bangunan itu diambil supaya tidak digunakan untuk politik, tetapi saya difahamkan bangunan itu akan digunakan oleh Penyelaras PAS di kawasan saya, Penyelaras KADUN. Jadi saya harap apa yang dikatakan oleh YB. Timbalan Ketua Menteri I bahawa bangunan-bangunan tersebut tidak akan digunakan untuk politik akan menjadi kenyataan dan saya harapkan bangunan yang saya rujuk tadi di Penaga itu, di kawasan saya tidak akan digunakan oleh Penyelaras PAS dan biarlah masyarakat di kawasan itu seperti NGO-NGO yang ada yang ingin menggunakan bangunan itu diberi peluang untuk menggunakan bangunan itu tanpa digunakan sebagai satu pejabat orang politik. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Aceh, sekejap....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Tambahan sikit saja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Dua atau Penaga adakah berhasrat untuk berucap selepas ini?.... (gangguan). Sekejaplah, cakap dalam masa kita....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Sikit saja.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dia mengganggu YB. Sungai Aceh dan mengambil masa yang lama dalam Dewan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Sikit saja. Saya tertarik dengan isu dewan, yang diambil alih, cuma saya haraplah kalau boleh selain daripada tak digunakan untuk politik ia juga diselenggarakan dengan baik kerana kebanyakan dewan yang diambil alih tidak diselenggarakan dengan baik, banyak yang rosak dan sebagainya. Ini saya harap dapat dimasukkan dalam permohonan.....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Sungai Aceh buat kesimpulan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sebelum saya buat kesimpulan, satu saja yang penting, YB. Timbalan Speaker, saya juga buat soalan berkaitan dengan berapa banyakkah lesen tumpangan sementara yang diberikan kepada pengusaha ikan dalam sangkar oleh Kerajaan Negeri mengikut daerah. Yang dapat di sini DTL 25, DBD 18, SPU 0, SPT 1 dan SPS 212. Jadi saya haraplah Pihak Yang Berkuasa dapat memantau supaya penggunaan sangkar ini betul, kadang-kadang untuk nak letak ukuran sempadan dalam laut ini dia agak susah. Maksudnya ada sangkar kadang-kadang dia tak dapat lesen pun dia tumpang sekaki. Bila kita naik Jambatan Kedua kita nampak banyak sangkar ikan, jadi kita ambil tindakan awal, esok bila berlaku macam bukit dah botak, baru nak ambil tindakan, sudah tidak makna lagi.

Kemudian banyak juga nelayan-nelayan yang duk jumpa saya tiap-tiap bulan duk tandatangan elaun sara hidup nelayan, ramai hampir 800, 900 orang termasuklah ikan pengusaha ikan dalam sangkar, mereka duk merungut juga YB. Timbalan Speaker, depa kata EXCO Pertanian tak bantu mereka, siapa EXCO Pertanian, Batu Maung ke...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dia dengar nanti dia jawab.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Banyak air-air yang tak elok masuk dalam sangkar menyebabkan ikan mereka mati. Saya tak tahu mungkin air dari Pulau Burung kerana pencemaran, saya tak tahu tapi ini rungutan, saya nak sampailah. Saya nak nelayan dengarlah saya cakap ni. Okey, kemudian akhir sekali saya nak timbul perkara yang ada kaitan dengan YB.

Sungai Puyu tetapi sekarang dia tak ada. Okey nak cakap isu rumah terbakar yang dilawati oleh YB. TKM I dua-dua tak ada, macam mana jadi EXCO ini. Okey saya nak minta kalau siapa ada buku, tolong rujuk mesyuarat Dewan yang sudah, muka surat 30 Penyata Rasmi Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Ketiga Belas Disember, muka surat 30 kena baca, ini kena baca elok-elok. Okey di antaranya EXCO berkenaan cakap YB. Sungai Puyulah dia perlu sayalah dia kata. "Di samping itu yang YB. ADUN Sungai Acheh lepas tu dia cakap, mana dia? Saya tak adalah, hilang diri kerana dalam Dewan yang mulia ini telah menyatakan bahawa tidak ada tindakan yang diambil terhadap mangsa kebakaran Batans Pinang, Sungai Acheh, tetapi mangsa tersebut sebenarnya telah dibantu dengan memberi bantuan tunai maksimum RM5,000 daripada Tabung Bencana Alam T.Y.T. Mangsa juga telah diberikan membina rumah kepada kerajaan daripada Kerajaan Negeri RM35,000 dan pembinaan tersebut telah siap pada 20 Oktober 2013. Apakah yang dimaksudkan bahawa malas tidak buat, ini dia kata kat saya, saya tak buat *homework*, dia lupa dia lagi tak buat *homework* atau tidak mari Dewan. Dia kata pula mahu tipu dalam Dewan, wah, saya nak kata sekarang YB. Sungai Puyulah yang jawab tipu, YB. Sungai Puyulah yang tak buat kerja *homework*. Saya bercakap rumah di Sungai Air Itam bukan rumah di Batans Pinang, saya tahu rumah Batas Pinang telah buat. Sila rujuk muka surat 110 Penyata Rasmi 12 Disember. Okey jelas saya kata, saya kata dalam ini duk bertegang dengan YB. TKM, yang saya nak tahu mengenai janji ganti nak bina rumah baru, saya kata, mereka itu faham berasas pada rumah yang terbakar di Batas Pinang telah diganti rumah makna saya habaq Batas Pinang dah ganti rumah, dah buat, jadi dia tak buat *homework* dia duk lalai dah lama dia mangli, lepas tu mai duk kata kat kita. Kena tarik baliklah kalau ada peraturan. Jadi saya kesal dengan tuduhan itu, okey, kemudian penghabis sekali. Isu kenapa Pinang Tunggal tidak diambil tindakan lagi menjadi tanda tanya peristiwa sidang hari pertama Dewan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak payahlah YB. Sungai Puyu, nak dekat satu jam lebih dah....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dia nak gulung nanti cakaplah, masa EXCO....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya betul, nanti gulung esok cakap. Silakan YB. Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Jadi....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Itulah penakut, kalau tak penakut bagi peluang...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sila tamatkan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau tak takut, bagi jalan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tak apa kerana saya beranilah, saya tak bagi, kerana saya beranilah saya tak bagi YB. Sungai Puyu bercakap, kalau saya takut saya bagi, jadi saya berani hak saya...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila tutup bab penambahan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih YB. Timbalan Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tak bagi takut.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu duduk.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

EXCO apa ni, jadilah panduan contoh yang baik kepada orang baru, duk lama, hari itu duk sini, duk situ. Ajar orang baru...(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Puyu duduk, sila YB. Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih YB. Timbalan Speaker. Dalam isu Pinang Tunggal tidak diambil tindakan yang kita sebut hari itu okey, kita lihat Jawi tidak ambil bahagian, saya hairan pasal apa, sebab itu Jawi buat usul dengan penuh emosional, yang saya jerkah hari itukan. Betul? Hilang semangat, suntikan semangat telah hilang oleh kerana agak silap....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan YB. Timbalan Speaker, minta laluan daripada YB. Sungai Aceh... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Nak bagikah?

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak usah. Kita tutup.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Kita minta dari Sungai Aceh.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Buat penutupan, sila.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Jawi tak cakap lagi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya sudah cakap.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Jawi tak cakap lagi?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Sudah cakap, tapi Sungai Aceh tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi duduk.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Sungai Aceh tak ada, sebaliknya UMNO punya Yang Berhormat pun tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawi duduk.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya, jangan sebut UMNO, sila duduk YB. Jawi....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Dia cakap saya tak cakap.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Duduk, duduk.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya hendak balas.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tak usah balaslah. *You* duduk dulu okey,....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Pasal tak balas, saya berhak balas.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Diam...(menjerit).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya tak takut.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya kata duduk. Ini *floor* saya tahu.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya tak takut. Saya minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Timbalan Speaker, saya punya *floor*.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Jangan macam ni. Saya orang baru.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Minta tarik balik sapa kata samseng.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya kata.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya kata samseng.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tarik balik.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Saya tak mahu tarik balik.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Pasal apa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Awak samseng.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Awak lebih samseng.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Timbalan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Awak lagi samseng.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Timbalan Speaker.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Awak lebih samseng.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya punya *floor*...(menjerit).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk, sila duduk semua.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ai, saya pun kena duduk juga.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk. Sila duduk semua. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan berhenti rehat selama lima belas (15) minit.

Dewan ditangguh pada jam 11.00 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 11.15 pagi.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, sebentar. Berkenaan dengan isu peraturan yang telah saya bangkitkan tadi, saya dukacita bahawa Timbalan Yang di-Pertua Speaker tidak memberi sebarang jawapan, tapi sebabnya saya ingin nyatakan di sini saya bangkitkan perkara ini adalah bagi keselamatan kelancaran sidang Dewan bukan sahaja untuk keselamatan saya atau Ketua Menteri malahan untuk Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Pembangkang daripada Barisan Nasional sendiri. Saya percaya kawalan di dalam dan di luar Dewan wajar dan wajib diperketatkan, terutamanya kehadiran anggota-anggota Polis yang sering kali hadir memerhati, malahan mengambil gambar melalui *handphone* mereka tetapi tidak ada sebarang tindakan diambil. Saya percaya Dato' Speaker sendiri telah melihat adegan yang berlaku kelmarin di mana hanya ada Ahli-Ahli kawalan keselamatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan SUK yang hadir cuba menghalang Abu Backer Sidek daripada terus datang dan baring di hadapan kenderaan Ketua Menteri. Jadi saya minta satu arahan ataupun nasihat teguran kepada pihak Polis dan kalau boleh satu laporan Polis dibuat bagi keselamatan persidangan Dewan. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk. Nanti saya jelaskan isu ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

YB. Dato' Speaker, boleh saya...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti saya jelaskan isu yang ini dulu. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersabit dengan soalan yang telah pun dituju kepada Speaker, ingin saya jelaskan di sini, khasnya kes yang telah pun dinyatakan. Satu (1), pejabat saya, saya sendiri tidak dimaklum tentang kes semalam yang calon daripada Bukit Gelugor datang ke Dewan ini, satu (1). Kedua saya dimaklum bahawa kes telah pun berlaku di luar perkarangan Dewan. Yang ketiga, saya telah difaham satu laporan Polis telah pun dibuat dan yang keempat, sebagai cabang perundangan *legislative*, adalah saya suka bahawa pegawai-pegawai Polis tidak pun sesuka hatinya melaksanakan tugas mereka di dalam perkarangan Dewan juga, kalau tanpa kebenaran daripada pihak Dewan ini untuk menghormati Dewan perundangan Negeri pun. Tetapi di luar perkarangan Dewan, kita amat berharap juga pihak Polis boleh melaksanakan kerja mereka secara profesional. Kalau terima laporan, maka mereka bolehlah menjalankan tugas di luar perkarangan Dewan tetapi semalamnya saya lihat pegawai-pegawai keselamatan Dewan telah pun berusaha untuk melakukan tugas mereka, tetapi saya amat berharaplah kerana saya difahamkan bahawa laporan Polis telah pun dibuat dan pihak Polis boleh menjalankan siasatan secara profesional. Kalau ada yang telah pun disiasat dan terbukti, saya juga harap bahawa pihak Polis boleh angkat tindakan yang tegas terhadap mereka yang mengganggu di luar walaupun di luar perkarangan Dewan Undangan Negeri. Sila Sungai Acheh, habiskan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih Dato' Speaker. Saya mengulangi tentang isu kenapa Pinang Tunggal tidak diambil tindakan lagi menjadi tanda tanya. Peristiwa ini berlaku hari pertama sidang Dewan apabila Pinang Tunggal sendiri membangkitkannya. Pada waktu itu Dato' Speaker, dilihat sahabat saya dari Jawi, jangan bangun lagi, tidak langsung ambil bahagian supaya tindakan kepada Pinang Tunggal diambil segera. Sedangkan pada sidang Dewan yang lalu, Jawilah yang membawa usul di sidang Dewan ini dengan penuh emosi supaya Pinang Tunggal dihadapkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk, saya jawab...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tak apalah saya sambung.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya bagi penjelasan tentang isu. Sungai Aceh telah pun sedia maklum dalam mesyuarat kali ini, di awal-awal pun saya telah membuat penjelasan dan saya rasa Jawi cuma mengikut arahan saya. Saya rasa perkara ini telah pun saya bagi jawapan dan tidak perlulah, Sungai Aceh mungkin ada perkara yang lain lebih penting lagi saya tahu. Kalau isu ini tak payah, isu ini saya sudah pun buat keputusan tak payah, Sungai Aceh mesti ada perkara yang lain lebih penting.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya mesti nak sebut perkara itu juga. Kalau tidak dia kena ada bunga bercakap.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bunga cukup. Sudah terima bunga. Sila perkara yang lain.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Batu Maung, Batu Maung.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak apa Batu Maung nanti gulung.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya pun bagi amaran dekat dia.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak payah amaran.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Dato' bagi amaran kepada Jawi, saya boleh bagi amaran kepada Batu Maung sebab kami satu angkatan Ketua Pemuda bersama di Zaman Anwar Ibrahim.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila-sila Jawi, bukan-bukan, Sungai Aceh....(ketawa).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, pelik juga bila Seri Delima sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan menafikan keputusan dibuat. Sedangkan Dato' Speaker sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan mengaku bahawa keputusan dibuat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan, YB. Dato' Speaker, nama saya disebut, kenapa?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Disahkan lagi oleh Penaga salah seorang Jawatankuasa.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Memang tidak ada keputusan dibuat.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Titik.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Memang tidak ada keputusan dibuat.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Titik. *Floor* saya, titik. Saya menghormati Dato', sebab itu saya tidak bagi dia bercakap. YB. Dato' Speaker, mula-mula cukup berhati-hati dalam Dewan ini kerana Tuan Yang Terutama Tun, Yang di-Pertua Negeri banyak kali pesan, jaga kemuliaan Dewan dan Dato' Speaker pun berkata prestasi ADUN akan dinilai, dalam Star keluarkan Dato', Dato' kata, Dato' kata dan pesan, saya berhati-hati nak cakap, sebab itu kelmarin bila Seri Delima *provoke* bagi marah pun, saya *control-control* kalau tidak kelmarin habis Perai, saya tahu Perai sokong saya kalau saya tibai Seri Delima, betul tak?...*(ketawa)*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tak lagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terlalu jauhlah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Cari pasal lagi.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tapi Dato', tidak jadi, tak jadi Dato', bila ketua *backbencher* betulkan ayat itu, *pronounce* tu silap, mula menghangatkan Dewan, gambar dia pun masuk TV. Dia cukup popular, gambar saya tak keluar.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Hari ini keluar.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tapi Dato' tengok Dato', Dato' kena bagi latihan semula kat dialah, ketua *backbencher* macam mana lantik jadi macam ini?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Masuk jalan yang betul.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tapi Dato' bila dah keluar TV, kemudian bercakap pun *emotional*, cucu saya pun tanya siapa itu Rayer Tok Wan? Kawan baik saya. Tapi yang lebih malang orang-orang UMNO di luar, mereka dah mula marah kepada Seri Delima, mereka kata macam-macam. Dewan nak tahu tak mereka kata apa? Mereka kata “Celaka besar.” Kurang ajar, DAP haram jaduh. Sekian terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti, sedikit, kerana dihujung-hujung itu pun sentuh satu sedikit dengan laporan Seri Delima. Seri Delima, betul juga keputusan belum dibuat kerana keputusan perlu dibuat di dalam Dewan. Itu jelas, tapi isu ini saya rasa sudah jelaslah, kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, kalau nanti nak sentuh pun saya akan hentikan. Silakan Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya juga ingin turut bersama membahas perbahasan yang telah pun dimulakan oleh Tuan Yang Terutama Tun. Saya ingin bermula dengan beberapa persoalan yang timbul daripada soalan-soalan yang telah saya kemukakan kepada Dewan. Saya rasa amat dukacita kerana kualiti jawapan yang diberikan adalah mendukacitakan, tidak sama seperti yang lepas. Ada beberapa soalan yang ditanya tidak dijawab dan berakhir dengan soalan. Contohnya saya bertanya bagi setiap tahun sejak tahun 2008 saya nyatakan seperti berikut:

“Bilangan gerai dan restoran yang telah dirobohkan dan berapakah yang telah dibina.”

Saya melihat yang telah dibina di kawasan Balik Pulau tidak ada. Yang diroboh juga tidak ada, mungkin Telok Bahang boleh buat pengesahan. Ada beberapa gerai yang telah dirobohkan di Telok Bahang tetapi jawapan yang diberikan tidak ada, kosong. Saya tidak pasti di mana silapnya, adakah kerana YB. Padang Kota tidak mengetahui atau bagaimana dan juga soalan yang berkaitan juga adalah berkaitan dengan penjaja-penjaja tepi jalan. Saya melihat pendekatan Kerajaan hari ini lebih banyak kepada mengeluarkan notis-notis untuk merobohkan bangunan yang tidak sah, saya bersetuju mengatakan ini bahawa bangunan yang tidak sah dibina perlu diroboh. Tetapi kita juga prihatin bahawasanya ramai orang yang telah sekian lama berniaga di situ sepatutnya jika nak dirobohkan biarlah mereka itu mempunyai premis yang lain untuk berniaga supaya mata pencarian mereka tidak terhenti di situ sebab mereka bukan sahaja mencari mata pencarian untuk diri mereka malah untuk isteri dan anak-anak mereka yang bergantung kepada pekerjaan mereka. So saya berharap bagi setiap gerai yang diroboh mesti digantikan dengan yang baru. Kalau tidak boleh dirobohkan, sebab masalah yang lain kerana kita prihatin, mohon supaya diberi peluang untuk mereka berniaga sementara.

Sebagai contoh, ada dua (2) surat notis yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan kedua-dua telah pun saya membuat rayuan supaya tidak dirobohkan kerana mereka telah berniaga puluhan tahun dari muda sampai ke tua mereka telah berniaga dan ada juga seorang daripada itu telah meminjam pinjaman daripada TEKUN dan sekiranya mereka diberhentikan daripada berniaga, bagaimana mereka hendak membayar, padahal premis ataupun tempat mereka berniaga itu tidak langsung menghalang lalu lintas. Saya minta pihak EXCO Padang Kota supaya melihat semua perkara ini supaya diberikan mereka sementara untuk berniaga sebab ada saya tahu sesetengah kawasan lesen khas diberikan untuk berniaga dan sebagainya. Maka saya harap berlaku adil pada mereka ini dan ambil perhatian bahawasanya mereka amat memerlukan gerai-gerai ini untuk menambah atau mencari pendapatan bagi menyara keluarga mereka.

Yang kedua, saya bertanya tentang kempen penggunaan plastik beg, YB. Phee Boon Poh menjawab dan saya menerima jawapannya tetapi yang saya nak minta kepastian telah pun dimaklumkan di sini bahawasanya jumlah kutipan 20 sen bagi dari kempen tanpa pemberian beg plastik percuma, *no free plastic bag* mulai tahun 2010 hingga April 2014 adalah sebanyak RM4,495,000.00 dan jumlah kutipan akan di masukkan ke dalam Tabung Rakan Anti Kemiskinan (RAK). Saya telah membuat dua (2) tempat sebenarnya premis untuk melihat apakah benar dilaksanakan. Satu (1) premis yang saya pergi adalah ke Island Plaza. Saya melihat ada notis ini terpapar di atas meja tulis *today every plastic given will be charged 20 cents and donated to a charitable organisation and environmental conservation body*. Persoalannya mereka yang mengutip duit ini adakah mereka salurkan kepada Kerajaan Negeri, apakah mekanisma Kerajaan Negeri atau mereka sendiri dibenarkan untuk menyerahkan duit itu kepada mana-mana organisasi seperti yang tertera dalam iklan ini. Ada dua (2) premis yang saya pergi memberi jawapan yang sama, Yang Berhormat Sungai Puyu.

Saya rasa Yang Berhormat boleh membuat penggulungan nanti sebab kalau boleh kalau mereka ini mengambil duit tidak menyerahkan kepada Kerajaan Negeri bermakna mereka boleh menyerah atau tidak menyerah kepada pihak lain, tetapi kalau diadakan mekanisme yang setiap *donation* mesti diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri itu akan memastikan yang duit itu sampai kepada Kerajaan Negeri

dan soalan yang selalu saya tanya, *as part of education*, sepatutnya duit ini digunakan untuk mendidik masyarakat supaya kita tidak menggunakan plastik sewenang-wenangnya, kerana kita tahu plastik mengambil masa yang lama untuk dilupuskan. Sepatutnya duit itu digunakan, tetapi jawapan yang diberikan tidak digunakan tujuan itu tetapi digunakan untuk tujuan Rakan Anti Kemiskinan. Saya berharap sebagaimana kita nak *educate* masyarakat tentang penggunaan air kita juga harus *educate* masyarakat tentang alam sekitar termasuklah penggunaan plastik beg.

Soalan seterusnya saya bertanya tentang masalah perobohan oleh pemaju. Saya tanya berapakah jumlah rumah-rumah yang terlibat dalam perobohan oleh pemaju dan dirobuhkan sendiri. Jadi selepas menerima pampasan, bagaimanakah pihak kerajaan memastikan yang setiap rumah yang terpaksa dirobuhkan menerima pampasan sewajarnya, berapakah jumlahnya dan di manakah mangsa perobohan itu sekarang? Jawapan yang saya terima, saya pun terkejut, terkilan dan agak sedih.

“Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkaitan jumlah rumah yang terlibat dalam perobohan oleh pemaju atau dirobuhkan sendiri setelah menerima pampasan kerana pemajuan tanah tersebut melibatkan tanah persendirian. Kedua (2), Kerajaan Negeri juga tidak mempunyai maklumat jumlah pampasan dibayar dan di manakah mereka yang terlibat itu dipindahkan.”

YB. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri tidak ambil berat masalah penduduk, tidak berusaha langsung untuk ambil peduli tentang masalah yang dihadapi penduduk yang terpaksa berpindah dan tidak endah langsung sama ada mereka yang pindah itu ada rumah atau tidak untuk meneruskan kehidupan berdasarkan jawapan ini. Saya melihat YB. Datok Keramat tolong, saya rasa ini penting, penting kerana apa, kerana sebagai sebahagian daripada mereka mendapat pampasan yang sedikit, tidak membolehkan mereka memiliki rumah mereka sendiri. Ini masalahnya, dirobuhkan mungkin diberi pampasan RM5,000, RM10,000 ataupun RM20,000 tidak membolehkan mereka memiliki rumah, membeli rumah dan sebagainya. Saya minta supaya diberikan keutamaan kepada mereka-mereka ini dan kalau jawapan yang diberikan tidak mempunyai maklumat, jumlah pampasan dan tak tahu mereka pindah ke mana, macam mana kita nak menyelesaikan masalah? Ini agak kritikal sekarang ini, saya minta Pejabat-Pejabat Daerah kalau boleh tolong ambil berat tentang masalah ini setiap kali ada kelulusan pelan pembangunan oleh MPPP dan dimaklumkan kepada Pejabat Daerah, mereka harus ambil tahu berapa rumah, di mana dan berapa pampasan dan tinggal ke mana akan dipindahkan. Ini tanggungjawab kita sebagai kerajaan untuk memastikan yang mereka itu terbela kerana kebanyakannya yang dipindahkan adalah mereka yang susah. Susah segalanya, susah tidak ada wang, tiada tempat nak merayu dan sebagainya, maka saya berharap bila saya tanya dua (2) penggal lagi tidak ada jawapan tidak ada maklumat, tak tahu dan sebagainya kerana ini adalah jawapan yang cukup mendukacitakan kita di bawah.

YB. Dato' Speaker saya nak minta kepada soalan jawapan soalan 10. Saya bertanyakan kakitangan terbabit dalam pengeluaran Buletin Mutiara tidak diberikan. Soalan nombor 10, saya minta pihak Dewan tolong pastikan soalan nombor 10 (b). Saya minta senaraikan nama, kelayakan, pengalaman, perjawatan dan tugas bagi kakitangan terbabit dalam pengeluaran Buletin Mutiara, ini tidak diberikan kepada saya.

YB. Dato' Speaker, tentang Bukit Bendera. Saya menerima jawapan yang diberikan oleh pihak Y.A.B. Ketua Menteri, saya bertanya jelaskan projek-projek beserta anggaran kos dalam cadangan pembangunan Bukit Bendera yang dirancang dan akan dilaksanakan beserta jadual pelaksanaan di bawah Perbadanan Bukit Bendera. Perincian kaedah pentadbiran dari segi pelantikan perjawatan, perolehan dan pentadbiran kewangan bagi Perbadanan ini. Perkara pertama tentang kos telah pun diberikan kepada saya, terima kasih cuma saya bertanya kepada jawapan yang diberikan 12.1 (f) bahawa semua pelantikan jawatan dalam Perbadanan akan dilantik mengikut skim *contract of service* selama dua (2) tahun berpandukan kepada Pekeliling Bilangan 2, Tahun 2008, Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara *Contract of Service*.

YB. Dato' Speaker saya ingin bertanya sekali lagi adakah jawapan ini betul diberikan kepada saya bahawa semua kakitangan diberikan jawatan berdasarkan *contract of service*. Kalau saya tahu ada pegawai yang dilantik secara *contract for service*, ada. Saya berharap saya memberi peluang kepada Y.A.B. Ketua Menteri untuk melihat semula jawapan ini kerana saya tahu bahawanya ada kakitangan yang diberi jawatan mengikut *contract of service* menyebabkan pegawai-pegawai Perbadanan Bukit Bendera yang menjawat *contract of service* atau *permanent staff* berasa tidak puas hati kerana jurang gaji di antara *contract of service* dengan *contract for service* adalah terlalu tinggi, menyebabkan mereka tidak puas hati sebab itu produktiviti mereka ataupun semangat mereka untuk bekerja amat rendah. *Contract for service*, kontrak bagi perkhidmatan bermakna kita ambil orang luar untuk bekerja untuk tempoh tertentu. *Contract of service* kita serapkan dan mereka adalah penjawat-penjawat awam yang menjalankan tugas mengikut terma syarat pegawai kerajaan, tapi *contract for service* tidak begitu menyebabkan mereka tidak terikat dengan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dan apabila ia tidak dilaksanakan mengikut peraturan yang dibuat oleh kerajaan mereka boleh buat apa yang mereka suka.

Kita boleh memantau mereka YB. Dato' Speaker kerana semua pentadbir dan penjawat awam wajar melakukan sesuatu yang sepatutnya, *do right things* dan segala tindakan yang dilakukan oleh seorang penjawat awam adalah berdasarkan kepada apa yang telah ditetapkan oleh pihak yang ber*authority* dan bertanggungjawab. Contohnya segala tindakan seorang pegawai awam mestilah berdasarkan kepada polisi-polisi dan peraturan seperti akta, prosedur, pekeliling dan arahan. Untuk mengawal pematuhan kepada semua ini, kita mempunyai dan tertakluk kepada kaedah-kaedah kawalan iaitu kawalan perlembagaan, kawalan *legislative*. Contohnya di negeri ini, badan pembuat keputusan di peringkat negeri adalah DUN dan kita telah membuat Enakmen yang diguna pakai termasuklah Enakmen Perbadanan Bukit Bendera Tahun 2009. Mereka juga tertakluk kepada kawalan eksekutif dan kawalan *judiciary*, maka mana-mana badan yang tidak memenuhi, mematuhi bidang kuasa atau prosedur yang ditetapkan maka ianya dianggap bercanggah dan tindakan badan berkenaan akan dianggap tidak sah. So saya mempersoalkan YB. Dato' Speaker supaya mendapat pengesahan daripada Y.B. Air Putih apakah benar tidak ada pegawai yang menjawat jawatan dalam *contract for service*. Sebab itu jawapan yang diberikan hanya pegawai *contract of service*, saya minta pengesahan itu sebab saya mempunyai bukti sebenarnya yang mengatakan bahawa ada sebahagian daripada pegawai dilantik melalui *contract for service*.

YB. Dato' Speaker, seterusnya saya bertanya dalam soalan Dewan juga.

“Berapakah jumlah premis rumah urut yang berlesen dan tidak berlesen mengikut daerah, apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengekang daripada pertambahan dan menutup premis-premis yang tidak berlesen.”

Mungkin disebabkan ramai rakyat Pulau Pinang ini yang sakit urat, semuanya memerlukan ke rumah urut, kita mendapati sebanyak 235 premis berlesen adalah telah diberikan dan tidak berlesen sebanyak 23. Saya nak tanya, sebab saya cuba melihat, mencari banyak gambar-gambar yang kita ambil rumah-rumah urut ini di seluruh Pulau Pinang, di SPU, SPS, SPT dan sebagainya, YB. Padang Kota banyak termasuklah di sebelah pejabat...(gangguan), bukan Air Putih, Bagan Jermal. Ada rumah urut? Betul?... (gangguan). Tak apa, ini di pejabat Bagan Jermal, cuma saya nak tahu...(gangguan), (ketawa) YB. Dato' Speaker. Bagaimana kita nak membezakan di antara premis yang berlesen dan tidak berlesen? YB. Dato' Speaker. Bagaimana kita nak memastikan dan membezakan antara berlesen dan tidak berlesen? Sebab ada yang memasang hanya *banner* sahaja, dia boleh diangkat dan diturunkan dengan mudahnya. Ada juga dibuat dengan *billboard* yang besar. So saya minta kalau boleh kita hendak bezakan, yang mana berlesen dan tidak supaya kita tahu, yang ini berlesen dan sebelah pejabat YB. Bagan Jermal tak berlesen contohnya, dan saya juga nak minta disebabkan di sini jawapan yang diberikan kepada saya, pihak MPPP hanya mengeluarkan lesen premis, tetapi lesen rumah urut dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Pusat, betul ya Yang Berhormat, dari segi kewangan. Jadi saya nak minta supaya dan kalau ada masalah akan diberikan kepada pihak PDRM, Imigresen untuk membuat pemeriksaan dan sebagainya dan jika ada masalah barulah hakim akan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Penjelasan. Saya rasa itu premis judi, bukan rumah urut.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Premis judi, bukan urut, okey tak apa...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

License daripada Kementerian Kewangan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tapi kalau lesen untuk rumah urut siapa yang bagi?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Council.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Jadi saya minta kalau boleh pihak *council* tolong pastikan perbezaan di antara yang berlesen dan tidak berlesen. Keduanya saya dapati juga ada ramai juga usahawan-usahawan yang menceburi bidang Spa. Spa mungkin beza dengan rumahurut, rumahurut dilesen oleh pihak *council* tetapi Spa diberi lesen oleh pihak Kementerian Pelancongan kalau tak salah saya. Jadi dua (2) tempat yang berbeza, jadi saya nak lihat apakah tindakan-tindakan yang boleh dibuat oleh pihak Kerajaan Tempatan kerana rumahurut dan Spa kadang-kadang disalahertikan. Padahal lesen ini adalah berbeza, saya minta perhatian YB. Padang Kota untuk melihat perkara ini, kalau boleh kita nak bangunkan rumah-rumah Spa ini dan juga kita nak pastikan yang rumahurut ini dijalankan secara berlesen supaya mudah pihak kita, pihak Kerajaan Negeri membuat pemantauan kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sana.

Seterusnya YB. Dato' Speaker soalan saya juga berkenaan dengan berikan jumlah perkahwinan dan penceraian yang telah berlaku bagi tahun 2010 hingga 2014 bagi kaum Melayu, India dan Cina di negeri ini....(gangguan), tak tak *federal*, kalau *federal* macam mana Kerajaan Negeri bagi jawapan...(gangguan), okey dan saya difahamkan jawapan untuk orang Cina dan India pun ada, jawapan untuk orang-orang Islam juga ada. Saya terkejut melihat mana dia ni? Batu Maung dengar masuk sat. Saya melihat YB. Dato' Speaker, untuk orang Islam ini penceraian tahun 2010, kahwin 4,293, cerai 1,265, 29%. Tahun 2011, nikah 4,685, cerai 1,268, 27% cerai. Tahun 2012, kahwin 4,719, cerai 1,129, 24%. Tahun 2013, kahwin 4,920, cerai 1,627, 26% dan sehingga hari ini daripada Mac, Januari sampai 25 April 2014 nikah 1,300, cerai 226, peratus 20%, bermakna bagi setiap perkahwinan satu perempat ($\frac{1}{4}$) bercerai. Satu (1) jumlah yang agak tinggi dan membimbangkan. Kalau Kerajaan Negeri begitu bangga dengan memberikan sumbangan yang begitu tinggi kepada agama Islam, kerana saya difahamkan sampai RM60 juta lebih pada tahun sudah, termasuk hendak membina mahkamah syariah yang besar di belah Perai di Pulau Pinang itu menjadi kebanggaan.

Bila saya tanya orang ini adalah projek Kerajaan Negeri, padahal bangunan Kerajaan Negeri, tanah Kerajaan Persekutuan tetapi di *combine* semua projek Kerajaan Negeri, tak apalah begitu, tetapi adakah bermakna disebabkan kes penceraian yang semakin meningkat ini, terpaksa kita membina Mahkamah Syariah yang besar dan kalau boleh kita membelanjakan begitu banyak sekali duit untuk infrastruktur, saya minta kepada Batu Maung supaya melihat apakah benda-benda yang kita boleh buat bagi memastikan yang penceraian orang Islam sebanyak lebih daripada 20% ini dan juga penceraian orang Cina tidak dinyatakan kerana tidak mempunyai *figure* dapat dikurangkan, kerana apa, banyak masalah sosial hari ini adalah berpunca daripada masalah keretakan rumah tangga. YB. Dato' Jahara mungkin dia boleh tahu sebab dia jaga Hal Ehwal Wanita, dia tahu. Memang banyak masalah yang timbul dalam masyarakat disebabkan oleh kerana perpecahan rumah tangga. Ibu yang bergantung kepada suami tiba-tiba jadi miskin dan susah kerana suami telah pun berpisah. Suami pula yang serba kekurangan tidak mampu memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak sebab itu anak-anak tidak mempunyai tempat bergantung. Sebab itu YB. Dato' Speaker ianya menjadi punca kepada masalah sosial yang cukup ketara di Pulau Pinang ini. Saya berharap kepada pihak Kerajaan Negeri supaya melihat apakah benda-benda yang boleh dilakukan bagi memastikan yang perkara ini dihentikan atau dikurangkan, termasuklah menjadikan kursus-kursus wajib

kepada mereka-mereka yang hendak berkahwin bukan sekadar kursus sahaja mengambil syarat tetapi kursus yang diterapkan nilai-nilai dan juga perkara-perkara yang memastikan lepas berkahwin mereka kekal sampai ke mati.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih Pulau Betong YB. Dato' Speaker saya nak tanya Ahli Pulau Betong sama ada kita ada satu pecahan peratusan kes-kes yang dikendalikan oleh Mahkamah Syariah, berapa peratus kes-kes penceraian dan tuntutan mal dan sebagainya dan berapa kes-kes lain seperti jenayah syariah dan sebagainya. Walaupun terbukti ada peningkatan dalam penceraian dan sebagainya. Soalan kedua, pasangan yang diwajibkan untuk mendapat sijil kursus sebelum berkahwin, tetapi lepas kahwin tidak ada dah bimbingan, panduan ataupun nasihat diberi. Masalahnya sekarang hubungan keluarga dah makin kecil. Bila dah kahwin pindah keluar, tak duduk dengan mak bapa, tidak ada nasihat atau pun segan silu yang dahulunya bila duduk dengan keluarga ataupun dikelilingi sanak saudara di dalam kampung, jadi masalah struktur kehidupan dan struktur masyarakat yang berbeza dari dulu memerlukan tindakan atau pun sumbangan oleh pihak-pihak berkuasa dan masyarakat untuk membantu pasangan-pasangan yang dikatakan mengikut bancian lapan (8) tahun ke bawah memang rapuh. Bila kahwin sampai dapat anak kedua hingga ketiga memang cukup rapuh dan penceraian kebanyakan berlaku semasa ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar dan saya rasa perkara ini adalah serius bukan sahaja Batu Maung perlu melihat perkara ini tetapi, berharap kepada Pantai Jerejak dan juga Ahli Kawasan Penanti, bukan Ahli Kawasan Seberang Jaya juga turut sama membantu untuk memperbaiki keadaan ini kerana memang betul gejala sosial hari ini kebanyakan berkisarkan daripada keruntuhan rumah tangga.

YB. Dato' Speaker saya bertanya juga tentang Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan yang telah dikuatkuasakan. Saya tanya apakah sah Pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan sekarang ini dijelaskan. Sebab dalam Dewan yang lepas kita telah meluluskan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Saya tanya, sebab saya tidak dapat maklum langsung sama ada akta ini dapat, telah dilaksanakan atau tidak. Sekarang saya difahamkan jawapan dari EXCO walaupun Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan telah dikuatkuasakan ianya adalah undang-undang yang berasingan dengan Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan, oleh itu Akta Kerajaan Tempatan masih terpakai pelantikan Ahli Majlis di bawah seksyen berkenaan adalah sah *fair enough*, mereka masih dapat berfungsi. Seksyen 15 (i) Akta Kerajaan Tempatan juga memperuntukan bahawa walau apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, semua peruntukan berhubung dengan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan hendaklah terhenti berkuatkuasa atau mempunyai kesan. Setakat ini tiada sebarang pindaan akta atau perintah mahkamah yang membatalkan peruntukan Seksyen 15 ini, dan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan yang membuat Enakmen ini perlu mendapat kelulusan SPR terlebih dahulu. Apa yang saya nak minta kepada YB. Dato' Speaker adalah apabila kita membentangkan enakmen, seperti Enakmen Kebebasan Maklumat, setelah diluluskan, saya minta di dalam Dewan seterusnya dimaklumkan kepada Dewan

bahawasanya enakmen itu telah berjalan ataupun tidak, supaya masyarakat tahu. Hari ini baru saya tahu bahawasanya tidak dapat dilaksanakan lagi atas alasan-alasan tertentu dan Ahli Majlis adalah sah. Sepatutnya di awal Dewan dimaklumkan kepada Ahli Dewan bahawasanya Enakmen yang diluluskan pada sidang Dewan yang lalu tidak dapat dilaksanakan kerana apa. Begitu juga dengan Kebebasan Maklumat, tapi mujur dalam ini ada usul, tetapi selalunya ianya dimaklumkan bahawasanya, kita tidak dapat melaksanakan kerana apa supaya masyarakat dan Dewan yang bersidang mengetahui apa kedudukan bagi setiap Enakmen yang telah pun diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Seterusnya YB. Dato' Speaker, tentang MMK Agama Islam saya nak tanya kepada Ahli Kawasan Batu Maung, saya difahamkan bahawa YB. Dato' Seri Mufti tidak disambung kontraknya. Saya tak pasti alasannya kenapa, tetapi yang saya difahamkan juga pengganti beliau adalah lebih tua, berumur lebih daripada dia padahal Dato' Seri adalah seorang Faqih, seorang ahli dalam hukum Fekah dan beliau ini pakar rujuk kepada Mufti-Mufti lain yang ada di Malaysia ini. Beliau cukup berpengalaman dan masih sihat, masih kuat, masih mampu berulang alik Kuala Lumpur ke Pulau Pinang dan sebagainya sehingga boleh menjadi pakar rujuk kepada Tabung Haji, di Mekah dan Madinah dalam acara menunaikan Haji. Kenapa dia ditukar? Kenapa diberhentikan? Dan diganti dengan orang lain, pada hal saya rasa tidak ada masalah dengan beliau. Adakah Batu Maung terkilan dengan tindakannya mengazetkan apa yang diluluskan Yang di-Pertuan Agong bahawa tentang penghalangan penggunaan kalimah Allah, masjid dan sebagainya. Adakah kerana itu dan adakah apabila dilantik semula benda itu akan ditarik balik. Saya minta penjelasan daripada Ahli Kawasan Batu Maung, saya rasa bersimpati dan saya berpendapat Dato' Seri Mufti masih kuat, masih sihat, lebih muda, lebih layak kerana beliau seorang yang mahir hukum Fekah dan sebagainya.

Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Batu Maung. Dan isu yang terakhir YB. Dato' Speaker, adalah tukun. Saya mempunyai banyak gambar-gambar, gambar-gambar menunjukkan ada usaha yang telah dibuat oleh pihak tertentu untuk mengangkut atau mengangkat keluar kapal-kapal yang telah lama terbenam di dasar laut. Banyak bukti-bukti bergambar ini. Di mana untuk makluman ada sebuah kapal Rusia yang berada sejak tahun 1940-an berada kira-kira 21 batu *nautical mile* dari Pulau Betong. Ada sebuah kapal Jepun yang berada di sana sejak tahun 1943, yang berada kira-kira 11 batu *nautical mile* dari Pulau Betong. Kapal Taiwan yang berada kira-kira 7 batu *nautical mile* dari Pulau Betong dan juga sebuah kapal dikenali sebagai Kapal Sayur telah berada sekian lama. Kapal-kapal ini telah menjadi sebahagian daripada alam semula jadi di dasar laut iaitu tukun dan diletakkan untuk ikan-ikan bertelur, beranak, membesar dan sebagainya. Ini adalah punca kepada banyaknya ikan dan menjadi punca pendapatan kepada mereka yang suka mengail, ataupun nelayan.

Hari ini bahkan semalam pun daripada apa yang saya tahu apabila turun ke laut masih ada kerja-kerja di sana. Ini membuatkan satu *anglers*, yang mengail akan marah, tetapi ini sebenarnya mengganggu habitat semula jadi di situ, kerana tukun telah menjadi sebahagian daripada punca rezeki dasar laut. Kenapa nak dimusnahkan? Janganlah kerana besi saja, nak dijual, dimusnahkan hidupan ratusan, ribuan, jutaan hidupan laut di sana. Sekaligus mengganggu pendapatan, mengacau pendapatan nelayan di sana, di seluruh Pulau Pinang ini. Mungkin ada harta karun, tetapi saya rasa biar harta karun berada di situ, biarlah di situ kerana ini akan

menjejaskan. Saya nak tahu tapi tak pasti di mana. Saya tahu apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan perkara ini diberhentikan dengan segera. Kalau boleh dikembalikan balik tukun-tukun ini ke dasar laut kerana ini punca hidupan laut dan punca kepada ikan-ikan kepada nelayan. Saya minta pihak Kerajaan Negeri atau pihak yang berwajib dan saya harap Kerajaan Negeri bukanlah pihak yang terbabit. Jika sekiranya Kerajaan Negeri yang terlibat, Ahli Kawasan Sungai Puyu *I think something is wrong*, kerana kita hendak memastikan alam sekitar kita dijaga. Ini sebagai pencemaran juga sebenarnya, sebab kita memusnahkan alam semula jadi di dasar laut. Jadi YB. Dato' Speaker, perkara-perkara yang telah saya utarakan tadi mendapat perhatian dan tindakan segera dapat dilaksanakan. Saya berhenti di sini, terima kasih dan saya menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih salam sejahtera YB. Dato' Speaker, Dato'-Dato' Yang Berhormat, Tuan-tuan, Ketua Jabatan dalam Dewan yang mulia ini, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk sama-sama membahas ucapan perasmian Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya saya inginlah memohon kepada pihak EXCO Agama melihat masalah kariah ini. Saya melihat bahawa perkara ini adalah satu perkara yang harus diberikan perhatian yang sangat serius kerana perkara ini telah pun lama berlalu. Kita membuat undang-undang demi undang-undang dan peraturan demi peraturan dan akhirnya kita membuat keputusan bahawa kita mesti menjalankan mesyuarat agung itu kehendak semua masyarakat dan menjalankan Mesyuarat Agung dengan dihadiri oleh wakil-wakil daripada pihak Jabatan Agama, Pejabat Agama Daerah malah ada tempat untuk pihak-pihak EXCO turun untuk sama-sama berada. Tetapi kenapakah dalam keadaan sedemikian rupa masih lagi kita tak dapat menyelesaikan. Ini masalah perpaduan, masalah rumah ibadat, masalah yang berlarutan bertahun-tahun, menyebabkan dalam keadaan kampung menjadi berpuak-puak berpecah, malah perpecahan ini semakin hari semakin parah. Apabila daripada masjid berpecah kepada surau. Hari ini surau-sarau sudah mempunyai puak-puak tertentu, begitu juga dengan masalah-masalah yang akan ditimbulkan daripada masalah qariah ini di mana penceramah-penceramah yang datang, tidak lagi menjadi sebagai tempat untuk umat-umat Islam hari ini untuk mendapatkan ilmu. Kita berharap supaya benda ini dapat diselesaikan. Dalam jawapan yang saya tanya berapa jumlah yang masih belum selesai, maka jawapan yang diberi ada lapan (8) buah masjid iaitu 48.7% daripada 164 buah. Kemudian sehingga kini hanya dua (2) buah Masjid Pinang Tunggal dan Bagan Dalam iaitu kira-kira 0.01% yang masih belum dimuktamadkan jawatankuasanya. Terlalu sikit, 0.01% masih lagi kita tidak dapat menyelesaikan hal ini. Saya berharap benda telah lama berlarutan, benda yang telah bertahun-tahun kita selesaikanlah, saya berharap sebagai pihak EXCO Agama akan dibantu oleh Pantai Jerejak untuk sama-sama dan saya juga bersedia tolong untuk turun bersama-sama dengan pengalaman yang ada untuk melihat masalah ini, supaya jangan ada perpecahan yang berlarutan, yang begitu ketara dan menyebabkan masyarakat kita hari ini berpuak-puak.

Yang kedua saya ingin menyentuh masalah murtad. Saya bertanya berapakah jumlah yang ada hasil daripada pengislaman mereka-mereka yang telah memilih untuk memeluk agama Islam. Untuk tahun 2013, jumlahnya adalah 303, yang paling ramai adalah kaum India dan kaum Cina hanya dua (2) lain-lain ada lapan (8). Pecahan-pecahan Kristian ataupun Katolik ada 120, Buddha 63, Bahai 1, Singh 3, ada yang tidak beragama seramai 26. Jumlah yang masuk dalam saban tahun adalah jumlah yang banyak, tetapi apakah dalam jumlah yang ada dalam 303 ini kita dapat menjadikan mereka ini antara-antara mereka seperti yang melahirkan seperti Dr. Ridhuan Tee. Tetapi kita melihat ada yang menjadi mereka ini masuk Islam, kita tidak tahu di mana ketidakbolehannya menyebabkan mereka ini akhirnya, kebanyakan yang berkahwin mengambil keputusan untuk keluar. Mengambil keputusan untuk keluar kepada agama asal mereka.

Yang menjadi masalahnya sekarang adalah hasil perkahwinan yang mempunyai tanggungjawab. Anak ini terumbang-ambing, ke mana hala tujunya. Kita tidak mempunyai satu peraturan yang sangat kukuh untuk menjadikan bahawa kalau kita memartabatkan Islam ini kita harus menjadikan kalau dah masuk Islam anak itu masih dalam Islam, tapi hari ini, ada anak yang pergi kepada ibunya, ada anak yang pergi kepada bapanya, jadi peraturan-peraturan ini diharapkan kita dapat melihat semula. Kerana selain daripada masalah-masalah yang berlaku, jumlah perkahwinan yang singkat berlaku perceraian, hari ini, mereka-mereka ini telah menjadi sebahagian daripada kудis-kудis yang amat menakutkan kita. Kerana ini telah ditentukan oleh Allah S.W.T supaya menjaga kepentingan Islam ini dan mereka ini harus dijaga.

Oleh itu pusat-pusat sementara harus diberikan, sementara nak menentukan ke mana arahnya anak-anak ini. Kerana kita mempunyai perlembagaan, kita mempunyai undang-undang, masing-masing mempunyai hak. Yang bukan Islam juga mempunyai hak, yang Islam juga mempunyai hak. Jadi benda-benda yang begini kalau kita biarkan ia akan menjadi kудis dan akhirnya akan menjadi benda-benda yang akan merosakkan akidah dan sebagainya. Jadi saya berharap, bahawa pusat-pusat yang telah ditubuhkan, rumah-rumah sementara untuk mereka-mereka yang memeluk Islam apatah lagi memastikan mereka-mereka ini yang menjadi gelandangan. Ada yang masuk Islam, dia tidur di merata tempat, pastikan dia mempunyai tempat. Supaya dia tidak minta sedekah, dia tidak pergi di kedai-kedai, bawa kad masuk Islam. Menunjukkan bahawa Islam ini terlalu lemah. Ini harus. Walaupun jumlahnya sangat kecil, tetapi ia amat memalukan kita. Memalukan orang Islam. Bagaimana jumlah yang kecil-kecil ini kita tak boleh jaga. Jadi saya harap dalam hal ini kita mestilah kerana kita berjumpa. Walaupun segelintir tetapi kita tidak mahu berlaku kerana kita mempunyai peruntukan yang sangat besar. Kita mempunyai peruntukan zakat sangat luas. Tetapi kita masih lagi tidak dapat untuk menjaga kepentingan mereka-mereka yang memeluk Islam ini. Oleh itu saya berharap bahawa ada peningkatan, ada penyelamatan supaya mereka ini akhirnya tidak berlaku kematian dan di uruskan dengan tidak sempurna, sedangkan mereka ini orang Islam. Ada benda-benda yang telah berlaku sedemikian rupa.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, terima kasih Bayan Lepas. YB. Dato' Speaker, dalam soalan saya kepada Kerajaan Negeri, saya dimaklumkan bahawa kutipan zakat tahun lepas melepasi RM80 juta. Dan penggunaan ataupun agihan zakat untuk asnaf mualaf baru

5% lebih. Jadi ini menunjukkan bahawa agihan untuk asnaf mualaf itu masih tak mencapai jumlah yang sepatutnya diberi Yang Berhormat. Maknanya ada lebihan kewangan di bawah Pusat Urus Zakat untuk meneliti tentang masalah asnaf mualaf. Jadi saya amat berharap perkara yang di sebutkan oleh Yang Berhormat Bayan Lepas ini diberi perhatian yang sewajarnya dan Pusat Saudara Baharu di Permatang Tok Gelam, Darul Hidayah dapat diperkemaskan, dapat dipertingkatkan aktiviti dan NGO-NGO Islam khususnya untuk saudara-saudara baru dapat diberi sokongan dan bantuan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Yang ketiganya saya melihat bahawa, kita bertanya berhubung dengan halal. Ini merupakan satu hal yang saban hari berada di surat khabar. Makanan halal adalah menjadi tanggungjawab untuk kita orang Islam dan malah hari ini orang bukan Islam telah pun mula memilih makanan-makanan yang halal. Saya bangkitkan hal ini kerana sekarang ini banyak restoran-restoran yang telah dibuka di mana menjadi suatu tumpuan untuk golongan remaja, orang-orang muda, apatah lagi golongan-golongan yang sedikit mempunyai kedudukan yang tinggi memilih untuk duduk di *White House Coffee* ataupun dan bermacam-macam lagilah. Jadi kita melihat bahawa kita hari ini supaya kita melihat, supaya hal meyakinkan masyarakat berhubung dengan halal ini dapat dikuatkuasakan. Hari ini ada tempat yang logo halalnya tidak begitu jelas. Kerana dulu ada dua (2). Satu (1) daripada Kerajaan Negeri dan satu (1) daripada Kerajaan Pusat tapi hari ini diseragamkan supaya hanya Kerajaan Pusat sahaja. Jadi dalam hal ini peranan yang perlu dimainkan oleh pihak Majlis Agama Islam berhubung dengan halal ini supaya melihat benda ini dengan terang dan nyata, seperti rumah-rumah urut juga. Kalau yang halal, yang berlesenlah maksudnya. Yang berlesen itu bubuhlah lesen yang tak berlesen maka dibubuhlah tanda warna dan sebagainya.

Begitu juga yang ada, kerana hari ini ada restoran-restoran yang dimasukkan di situ tidak ada, minta maaf, *No Pork* jadi hari ini, pelancong-pelancong yang masuk dari Asia Barat akan masuk ke tempat ini tetapi dari segi Islam bukan sahaja tidak ada makanan ini, sudah mencukupi untuk dia menyatakan halal. Siapa yang memasaknya, apa jenis masakan dan sebagainya. Jadi dalam hal ini kita masih lagi di Pulau Pinang yang tempat tumpuan pelancong bukan sahaja kita tak mementingkan pelancong tetapi kita nak mementingkan yang tempatan ini, banyak kedai-kedai kopi di Malaysia yang dah naik taraf, sekarang ini menjadi tumpuan. Mereka tidak mengambil kerana pada pandangan mereka suatu benda yang boleh diminum, suatu benda yang boleh dimakan. Sebut sahaja benda-benda yang tidak mendatangkan mudarat haramnya itu, maka kita akan tumpu, jadi kita harap benda-benda ini, sebab makanan ini menjadi darah daging dalam kehidupan kita. Jadi dalam hal ini saya berharaplah, supaya kerana dalam masalah mendapatkan sijil halal yang paling banyak adalah produk makanan dan minuman. Bererti kebanyakannya adalah kedai-kedai perniagaan dari segi makanan, restoran dan sebagainya.

Begitu juga dengan hotel-hotel, sampai hari ini kita tidak tahu jumlah hotel mana yang mempunyai dua (2) dapurnya. Satu (1) dapur bukan Islam, satu (1) dapur Islam. Dulu kebanyakan hotel hanya ada satu (1) dapur, dua (2) *chef* nya. Menggunakan satu dapur. Jadi kalau yang minta makanan Islam, *chef* nya adalah orang Melayu. Orang Islam yang masak. Tapi dapurnya satu (1). Kita nak pastikan supaya tiap-tiap hotel mempunyai dua (2) dapur. Kita masuk makan saja. Kita belum cerita lagi berhubung dengan penyembelihan dan sebagainya. Bagaimana pusat-

pusat penyembelihan yang begitu banyak hari ini yang diberikan tanda halal, penyembelihnya siapa. Ada yang hanya menggunakan gambar orang lain, tukang sembelihnya. Orang itu dah tak ada dah sijilnya orang lain. Ini benda-benda yang harus kita lihat dan supaya menjadi satu (1) kumpulan dalam Negeri Pulau Pinang yang menjaga benda-benda yang macam ini. Ini telah berlaku di hotel-hotel. Banyak hotel-hotel yang naik sekarang ni. Jadi saya harap benda-benda yang berhubung dengan halal ini menjadi satu keperluan dan kewajipan kita untuk menjaganya bagi bukan saja meningkatkan pelancongan daripada Asia Barat tetapi juga demi kepentingan umat Islam yang ada di Negeri Pulau Pinang ini.

Kemudian saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan Projek Emas. Projek Emas ini merupakan satu projek yang *one off*. Warga Emas, Anak Emas, Pelajar Emas, dan juga Khairat Kematian. Yang pertamanya, projek ini belum lagi menyeluruh, ramai lagi yang belum tahu. Kerana borang-borang ini hanya berada di Pejabat Daerah dan juga di Pusat-pusat Khidmat pihak Pentadbiran Negeri. Tapi kita di Peringkat DUN kita tak diberikan kalau boleh kita harap borang-borang ini kita boleh edarkan supaya seluruh masyarakat Pulau Pinang, walaupun mestilah dia tak diberi secara automatik kerana kalau daftar dengan daftar pemilih, baru dia akan diberi. Tapi yang saya menjadi mushkil di sini. Jumlah penduduk, ini jawapan yang diberikan. Jumlah penduduk yang mendapat faedah melalui Program Emas ini seperti di lampiran "A". Maklumat mengikut kaum tidak dapat dibekalkan memandangkan Kerajaan Negeri mengamalkan dasar tiada perbezaan kaum bagi bantuan-bantuan yang diberikan. Saya berharap supaya benda ini kita lebih *transparent* ... (dengan izin), kita dah ada ketelusan, kita juga tidak akan mempertikaikan, diberi kepada siapa yang banyak. Tapi pada saya, yang paling banyak mendapat bantuan ialah orang-orang Melayu. Kerana inilah golongan-golongan di kampung-kampung yang susah. Apa salahnya untuk membentangkan kepada rakyat, bahawa ini jumlah yang sebenarnya. Orang Melayu jumlahnya banyak ni, ini orang Cina dapat banyak ni, orang India dapat banyak ini. Semua kita boleh bentang. Kita juga tidak akan mempertikaikan kepada siapa yang diberikan kerana kita telah menjadi satu (1) tanggungjawab kita untuk sama-sama memberikan bantuan ini. Tak perlu sembunyikan kepada siapa yang kita berikan. Mengapa kita nak sembunyikan. Saya nak minta. Kenapa kita nak sembunyikan. Tak payah nak sembunyi. Ya, sila.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Nombor satu, saya tidak salahkan, Ahli Yang Berhormat orang baru. Untuk pengagihan borang-borang, saya telah biasa menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional supaya terlibat diri dalam Program-program Emas. Tetapi tidak mahu. Kalau orang tidak mahu, saya tidak boleh paksa kepada mereka. Tanyalah pada orang yang lama, betulkah ini keadaan. Seperti Ketua Pembangkang. Benarkah? Saya telah jemput tetapi enggan terlibat. Dan juga ada buat kenyataan-kenyataan, tuduhan-tuduhan yang saya tidak terima. Kedua, saya rasa sangat bangga. Bukan saya sembunyi apabila saya tidak mahu bagi pecahan daripada bangsa-bangsa. Kami telah umumkan bahawa, dasar Kerajaan tidak ambil kira bangsa, agama atau kepentingan politik. Orang-orang UMNO juga ada ambil, daripada Barisan Nasional juga ada ambil. Ini tidak dapat dinafikan. Oleh demikian, orang baru, jikanya tak faham, saya suka kata, pintu saya selalu buka boleh jumpa saya, saya bagi keterangan, jangan mari di Dewan ini, cakap-cakap kosong. Tak elok.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, Yang Berhormat Bayan Lepas, terima kasih. Telok Ayer Tawar, Ketua Pembangkang telah disebut. Orang lama. Saya ingat Sungai Puyu juga orang lama. Dah putih buktinya ada itu. Jadi YB. Dato Speaker, jemputan itu tak perlu. Kerana apa? Kerajaan Pakatan Rakyat diberi kuasa oleh rakyat untuk memerintah dan yang ada pun semua yang pandai pun. Yang bijak-bijak pun. Sebab kalau kita tengok, kalau kita kata apa pun semuanya tidak betul. Yang betul hanya Pakatan Rakyat. Jadi buat la yang betul tu. Kita nak tengok bukti yang dah buat itu dah betul. Sebenarnya dalam borang permohonan, kebajikan sama ada di Negeri Pulau Pinang dan di mana-mana negeri di Malaysia pun, tak pernah ada kolum parti. Tak ada. Kerajaan Persekutuan pun tak mengamalkan benda macam itu. Nak minta bantuan tak pernah kita tanya, parti mana tak pernah. Jadi jangan kata polisi atau dasar ini hanya di Pulau Pinang, sebab kalau nak bagi kebajikan kepada rakyat itu bukan berdasarkan kepada parti. tetapi atas keperluan jadi kalau parti Pakatan Rakyat rasa dah buat terbaik sila buktikan bahawa yang dah buat itu tidak mempunyai batasan kaum ataupun parti, tunjukkan buktinya. Berilah perangkaannya itu yang diminta oleh Bayan Lepas. Betul Bayan Lepas? Ya, Apa nak takut. Cerita je, kita pun semua nak tahu.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan, minta laluan....(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Tak apa, tak apa nanti gulung.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan kerana apabila satu kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang itu juga tugas saya untuk menjawab. Saya minta bantuan kerana saya mahu, baik pun parti pembangkang terlibat diri dalam kerja amal sampai ke akar umbi, *it is what we want* tetapi daripada UMNO enggan bagi kerjasama. Di sini kami telah begitu lama dan cakap bahawa usaha-usaha di sini kami tidak ambil kira bangsa, dan agama atau kepentingan politik, siapa warga Pulau Pinang yang layak, kami terus bagi. Jikanya Bayan Lepas mahu terlibat diri dalam program-program emas, saya alu-alukan tetapi tanyalah izin dan kebenaran daripada ketua sebelum terlibat diri kerana saya tidak mahu campur hal ehwal dalam UMNO, saya tak mahu, kalau mahu, boleh, saya akan bagi borang-borang pada pejabat anda untuk terlibat diri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, Bayan Lepas. Teruskan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Terima kasih, sebenarnya kita mempunyai pandangan yang berbeza maka tanggungjawab yang telah diberikan amanah oleh rakyat kepada Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Negeri tunaikanlah. Kita jalan tanggungjawab kita. Tapi tak apa, masalahnya sekarang saya tidak mempertikaikan masalah berhubung dengan bagaimana pemberian tu, saya juga dalam soalan saya tidak meminta supaya diberikan berhubung dengan jumlah kaum. Soalan saya sejak projek emas dilancarkan oleh Kerajaan Negeri berapa ramai penduduk negeri ini yang mendapat faedahnya, projek ini meliputi warga emas, anak emas, pelajar emas, dan khairat kematian, maklumat itu mengikut kaum saya minta, tapi tak diberi tak apalah. Tetapi saya nak menyatakan disini, selalunya dalam hal-hal berhubung yang macam ini kita bagi tak apa, dah tak mahu bagi tak apa, kita pun nak menyebut tadi, masalah dia sekarang ketelusan, beri bukan satu benda yang nak beri, jumlah macam itu pun takkan tak boleh, tapi tak apalah sebab kita dapat juga jumlahnya, terima kasih.

Jadi, berhubung dengan hal-hal yang berhubung dengan kebajikan dan sebagainya, kerana Kerajaan Pusat juga telah memberikan peruntukan yang besar kepada Kerajaan Negeri dalam hal-hal kebajikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dalam soalan yang lepas kita juga tanya supaya berapa jumlah RM300.00 tu berapa yang diberikan kepada warga emas, berapa yang diberi oleh Kerajaan Pusat. Jadi Kerajaan Pusat juga ada memberi sumbangan. Berhubung dengan yang lainnya, adalah berhubung dengan masalah air. Dalam masalah air ini, saya tengok dalam yang diberikan bahawa akan ada pada 1 Mei ini mereka-mereka yang mempunyai surcay penjimatan air WCS sebanyak 0.48 sen setiap meterpadu dilaksanakan ke atas pengguna yang menggunakan air yang berlebihan.

Bagaimanapun untuk membantu keluarga besar, keluarga yang mempunyai lapan (8) orang ahli keluarga atau lebih akan diberikan diskaun 60% ke atas WCS berkuatkuasa 1 Mei 2014. Jadi di sini semua orang yang mempunyai keluarga lapan (8) orang akan mendapat potongan diskaun 60%. Soalannya bagaimanakah, banciaan telah dibuatkan oleh pihak PBA bagaimana kaedahnya, supaya semua kita yang mempunyai lapan (8) orang satu (1) keluarga dapat diskaun 60% ini. Kita berharap PBA akan menguatkuasakan dan 1 haribulan ini telah pun bil-bil itu, bagaimanakah diskaun ini diberikan, kerana masalah air kita tak begitu ketara lagi dan tak pernah pun dinaikkan caj air, walaupun akan dinaikkan tetapi kita berharap bahawa kerana di sini tidak disebutkan lapan (8) orang ni orang miskin ke, orang susah ke, tapi semua kita yang ada di Pulau Pinang mempunyai lapan (8) keluarga layak mendapat 60% diskaun. Jadi kita nak bagaimana kita nak *claim* 60% ini. Itu yang pertama, yang kedua.....(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Penjelasan, biar saya bantu sikit Bayan Lepas. Saya sudah membantu melebihi, saya rasa mungkin 30 hingga 40 keluarga di kawasan Air Itam bawa mereka pergi ke PBA *office* di mana-mana saja, kemudian isi satu borang sertakan I.C, PBA akan proses, *you know*, saya pun tak faham, saya pun hairan kenapa Bayan Lepas tidak membantu keluarga di kawasan Bayan Lepas. *Procedure simple* saja, pergi ke mana-mana pejabat PBA. Itu saja.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Terima kasih. Jadi di sini PBA juga tak memberi penjelasan, sebenarnya tak perlu kepada supaya benda ni supaya kita semua orang dapat secara mudah, tak perlu secara orang lain kerana harus diberi potongan diskaun secara automatik, tiap-tiap kali, tiap-tiap bulan tak perlu nak mendapatkan potongan, perlu hadir ke pejabat-pejabat PBA. Automatik terus la. Tak payah, tak apalah terima kasih. Jadi dalam hal ini saya berharap, tak apa terima kasih....(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Bagi maklumat sikit, saya membantu, bukan mencelah, saya bantu, saya bawa pemberita pergi ke PBA Jalan Padang Tembak, orang pertama dari kawasan saya yang memohon untuk dapatkan potongan, saya bawa pemberita saya pergi, borang semua, lapor bawa surat khabar besar-besar punya, tapi kenapa Bayan Lepas tak tahu, kena baca surat khabar.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Teruskan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Saya tak baca surat khabar Cina. Okey terima kasih

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Bukan, surat surat kabar Star keluar, surat khabar Berita Harian keluar, semua surat khabar keluar.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bayan Lepas teruskan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Okey, terima kasih. Jadi dalam hal ini kita harap benda ini dapat potongan secara automatik daripada pihak PBA. Berhubung dengan masalah perumahan saya juga berharap bahawa banyak lagi rumah-rumah murah yang harus dibina supaya benda-benda ini dapat kita mengurangkan keresahan kerana tadi YB. EXCO Perumahan menyatakan hampir 35,000 permohonan yang perlu diteliti dan sebagainya, rumah yang nak bagi tak dak jumlah tu. Jadi kita berharap rumah yang akan dibina nak bina pun tak akan sampai jumlah itu. Satu (1) tahun kalau banyak-banyak pun 2,000, 3,000 pun *Alhamdulillah*. Jadi dalam hal ini kita melihat bahawa keperluan perumahan ini terutamanya memohon kepada syarikat-syarikat gergasi yang mendapat projek, yang menjalankan rumah-rumah banglo dan sebagainya, dapat menjalankan tanggungjawab sosial mereka supaya mereka dapat membantu. Kalau dulu mereka yang membuat rumah 25 biji dalam harga yang RM200,000 boleh apa nama membina rumah-rumah tapi sekarang kita tidak tahu peraturan itu ada tidak lagi, jadi kita berharaplah supaya projek-projek ini dapat dilaksanakan kerana dalam

projek-projek yang telah diberikan kepada saya mengikut daerah, adalah seperti berikut daerah DTL ada dua (2) projek 438 unit, DBD 23, 5,800 unit, SPU 169, SPT 19 projek 2,722 dan SPS 1,659. Jadi mengikutkan dalam hal-hal yang begini bahawa kita dapati bahawa jumlah untuk kita nak menyelesaikan masalah perumahan rakyat ini masih jauh untuk kita dapatkan, jadi kita berharaplah supaya ditambahkan projek-projek perumahan ini bagi memulihkan mereka-mereka yang dalam keadaan terutamanya sekarang berlaku seperti Yang Berhormat Pulau Betong menyatakan tadi mereka-mereka tanah-tanah mereka telah pun dihalau keluar, telah diambil alih oleh syarikat-syarikat pemaju perumahan yang besar-besar bagi bantuan hanya RM10,000, RM7,000. Jadi mereka tak dapat, jadi berilah ruang kepada mereka ini untuk mendapatkan kemudahan tersebut. Kita tahu bahawa hari ini harga tanah yang sangat besar, dan Kerajaan Negeri pun memberi jawapan kalau yang di ambil alih oleh swasta mereka tak dapat nak menolongnya. Tapi kita berharaplah, kita berharap bahawa supaya benda ini dapatlah Kerajaan Negeri memberikan pertolongan setidak-tidaknya memberi keutamaan kepada projek-projek yang akan dibina dengan mengambil kira jumlah berapa yang telah mereka kenakan, kerana sebelum untuk mendapatkan keperluan ini untuk mendapatkan kebenaran meroboh, pihak MPPP mendapat tahu dulu, berapa yang nak dikenakan dan jumlah harus diberikan dan kita mendapat....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta jalan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Saya tak bagi, saya dah nak habis dah, terima kasih. Saya juga akan berharap dalam hal-hal yang sedemikian rupa supaya kita sama-sama dapat mempertingkatkan jumlah perumahan yang memang menjadi satu masalah dalam Negeri Pulau Pinang.

Masalah dengan Majlis Perbandaran kita berharap masalah sampah supaya kita mempertingkatkan kerana dalam kawasan saya ada dua (2) tempat yang masih lagi tidak ada tongnya. Saya harap Majlis Perbandaran akan dapat melihatnya supaya depan satu (1) projek perumahan yang cantik tiba-tiba semua pakat buang sampah di situ, kemudian tak dikutip kerana tidak ada tong sampah, tapi amaran untuk buang sampah didenda dengan jumlah denda ada tetapi tongnya tak ada. Jadi kita berharaplah benda ni selain daripada penyelenggaraan hari ini semua pihak swasta telah pun apa nama ada tempat perumahan-perumahan yang masih lagi dijalankan oleh pekerja-pekerja MPPP jadi kita berharap dipertingkatkan kerana sekarang musim nyamuk denggi menyerang. Kita berharap dalam jawapan yang diberi pun banyak rumah-rumah terutamanya rumah-rumah kos rendah, kos-kos rendah yang telah lama, sistem perparitannya yang tidak begitu baik, dinyatakan di sini maka kita berharap MPPP akan menggerakkan tenaga kerjanya supaya melihat kawasan-kawasan perumahan yang ada supaya perparitan yang tidak sempurna ini, maka diberilah kesempurnaannya.

Saya ingat, sikit saja lagi, saya balik kepada memohon masalah perkahwinan ni, jadi saya nak minta supaya Majlis Agama Islam memberikan tempoh yang agak panjang kepada pasangan-pasangan yang nak berkahwin, tidak dua (2) hari saja, bukan dua (2) harilah saya difahamkan hanya sekerat hari, jadi kalau boleh tu dipanjangkan kepada jumlah jam tu yang lebih, dua (2) minggu ke. Dulu dalam tahun

80-an Jabatan Agama buat sampai enam (6) minggu, kemudian ada *test*, ada ujian, lulus ujian itu baru dapat sijil nak kahwin. Jadi yang nak pergi pun dah pening, kemudian bila ada komen kita terus kurangkan jadi hari ini, masalah ada yang pergi duduk melilau sat. Sat lagi keluar pergi keluar mai, dia datang dah dapat sijil perkahwinan. Jadi saya haraplah kerana masalah kahwin ini satu masalah jangka masa yang panjang. Ilmu yang ada, anak-anak yang ada hari ini semua cerdik-cerdik belaka. Jadi ada yang datang duduk sat, maklum sajalah. Jadi, saya haraplah benda ini satu benda yang jumlah penceraian yang tinggi, jadi kita tambahkan jumlah dia, kerana jumlah bayaran pun kita harap RM80 yang kita ambil itu, bukan satu jumlah yang agak rendah untuk pekerja-pekerja kilang tapi terpaksa mereka cari juga, bayar juga, maka kita dapati jumlah hari ini, jumlah jam ini tak mencukupi. Jadi kita haraplah supaya masanya dipertingkatkan, supaya jumlah penceraian ini akan dapat kita kurangkan kepada masalah-masalah yang lain daripada masalah penceraian akan banyak timbul pada masa sekarang ini. Jadi saya juga berharaplah apa-apa yang telah dibangkitkan ini akan ada jawapannya nanti. Dan terima kasih. Saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih, *Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, *Alhamdulillah* saya bersyukur kepada Allah s.w.t atas limpah hinayahnya membolehkan saya selaku ADUN Telok Bahang hadir di Dewan yang mulia ini. Sebab ini juga saya menghargai kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan bersama-sama di sini mendengar pandangan dan hasrat saya demi kebaikan rakyat Pulau Pinang amnya *insya-Allah* dan sebab ini juga saya mengambil kesempatan ucapan takziah kepada keluarga yang terhormat mendiang Yang Berhormat Karpal Singh.

YB. Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, kita sedia maklum bahawa Negeri Pulau Pinang kita yang tercinta ini telah meraih fasa-fasa pembangunan yang secara drastiknya merubah wajah negeri kecil ini kepada salah satu kuasa ekonomi yang paling pesat berkembang semenjak awal tahun 1970. Pulau Pinang mempunyai proses transformasinya tersendiri bermula dengan pengenalan sektor pembuatan pada awal tahun 70-an. Jika pada mulanya bidang pembuatan yang lebih tertumpu kepada segmen pemasangan *assembly* ...(dengan izin) dan sumbangan bidang ini adalah sekitar 10% dari KDNK kini perkembangan bidang pembuatan telah membawa masuk teknologi LED, *Hard disk*, I.C, Biotek pada tahun-tahun kebelakangan ini. Pada tahun 2013 sumbangan bidang pembuatan telah melonjak hingga mencapai paras 50% KDNK dan melibatkan kira-kira 3% daripada jumlah tenaga kerja keseluruhannya. Angka ini amat *significant* kerana ianya menggambarkan status sektor pembuatan pada Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pengembangan pelaburan dalam bidang pembuatan di Pulau Pinang telah menurun semenjak tahun 2010, walaupun pada tahun 2010 Pulau Pinang merekodkan di antara yang terbaik dalam negeri-negeri di Malaysia. Pelaburan baharu dalam tahun 2013 mengambil kemerosotan yang mendadak.

YB. Dato' Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat Tuan-Tuan dan Puan-Puan, di dalam kita melihat kemerosotan nilai pelaburan baru-baru ini, kita mendapat kesan yang dihadapi pada sektor sokongan dan bekalan lain turut mengalami kemerosotan. Daripada laporan maklumat statistik MIDA pada tahun 2010 kita memperoleh lebih kurang RM10 bilion, pada tahun 2011 kita di RM7 bilion lebih, pada 2012 kita RM1.2 bilion, pada tahun 2013 RM1.7 bilion dan pada 2014 Januari hingga Mac kita baru mencapai tahap RM831 juta. Ianya telah menjejaskan peluang perkembangan perniagaan untuk syarikat SME pembawa bekal dalam negeri ini dan ini adalah satu perkara yang merisaukan kita sebab *manufacturing* adalah satu benda asas dalam negeri kita ini. Ia adalah apa ni *services manufacturing* yang ada hubung kait dengan bentuk sektor-sektor lain seperti apa logistik, *forwarding, shipping, airlines, air freight* dan *transportation, lorry* dan lain-lain lagi, hubung kait ini akan melibat lebih kepada sektor-sektor lain kepada pembangunan, perumahan, pelancongan dia akan melibat segi insurans, *banking* semuanya akan terjejas kerana ini adalah kita punya *core business*.

Jadi tuan-tuan dan puan-puan, apa yang menggusarkan ialah *profil* tenaga kerja berkemahiran tinggi di Pulau Pinang masih berada di tahap terendah kerana kurangnya pelaburan-pelaburan baru yang membolehkan peluang untuk meningkatkan penguasaan teknologi aras yang lebih tinggi di kalangan sumber tenaga manusia. Oleh itu sektor pembuatan dengan pelaburan-pelaburan semenjak 2008 masih terarah pada intensif buruh. Kita harus mencari perniagaan seperti kilang Altera yang menggajikan semua *engineer-engineer*, mereka mempunyai lebih kurang 1,000 orang *engineer* dan saya berharap Kerajaan Negeri lebih berusaha kuat untuk membawa pelaburan yang bentuk begini sebab kita juga dibanjiri oleh pekerja-pekerja daripada negara-negara jiran seperti buruh-buruh yang akan melibatkan masalah sosial yang lain. Jadi Pulau Pinang adalah satu negeri yang harus kita lihat lain daripada negeri-negeri lain.

Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato' Speaker, Negeri Pulau Pinang memiliki institusi seperti PSDC yang didokong oleh Syarikat Multinasional dan kita berharap PSDC akan mampu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan sumber manusia di negeri ini di peringkat yang lebih tinggi, bukan sahaja perkembangan pembangunan kemahiran peringkat di bawah dan pertengahan sahaja. Oleh itu saya menyeru dan menyarankan pihak Kerajaan Negeri memberi tumpuan dan usaha berlipat lipatan kali ganda agar bukan sahaja pelaburan baru akan dimeterai dengan kadar segera bahkan mampu menarik pelaburan-pelaburan berteknologi tinggi yang akan memberi kesan positif pada peningkatan keupayaan sumber tenaga manusia. Pada hemat saya Pulau Pinang akan lebih berjaya sekiranya isu-isu di atas dapat ditandingi dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan senario pasaran-pasaran hartanah di Pulau Pinang telah dan semakin berkembang, kita dapat melihat betapa pesatnya pembangunan dengan mata kasar pembangunan fizikal bidang ini dan hampir keseluruhan di kawasan semenjak tahun 2008. Walau bagaimanapun, harga-harga hartanah ini rata-ratanya bukanlah untuk golongan majoriti rakyat. Hartanah yang mencapai harga ratusan ribu atau jutaan ringgit menguasai ke semua daerah dan lokasi-lokasi elit semakin pesat di bina terutamanya di atas Pulau. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa adanya permainan-permainan dan taktik-taktik tertentu yang diguna pakai oleh pelbagai pihak untuk melonjak harga rumah ke arah separas yang cukup tinggi. Juga kita sedia

maklum bahawa harga hartanah Pulau Pinang turut dipengaruhi oleh kuasa beli dan warga negara asing yang mana penggunaannya akan melonjak harga pasaran yang cukup tinggi dan kita dapati banyak syarikat-syarikat pembangunan di Negeri Pulau Pinang ini mempunyai ofis-ofis penjualan di luar-luar negara seperti di Shanghai, di Hong Kong, di Sydney di New Zealand. Mereka membawa Pulau Pinang kepada satu *demand, high end supply dan demand*. Kalau kita ambil contoh Negeri Cina dia ada 1.5 *billion* penduduk, kalau 10% sahaja jutawan dia dalam USD dia ada 150 juta rakyat yang kaya. Begitu juga Indonesia kalau 10% sahaja orang Indonesia yang kaya dia ada 30 juta lebih orang yang kaya dan pasaran Pulau Pinang ini dibuka pada mereka. Sebab itu lah rakyat Pulau Pinang tidak mampu. Sebab itulah saya menggesa dan memohon supaya Kerajaan Negeri dapat memikir satu kaedah bagaimana perkara ini dapat kita kawal dan kita perhalusi.

Jadi tuan-tuan, Yang Berhormat-Yang Berhormat inilah pandangan peribadi saya, bagaimana kaedah dan perkara ini untuk kita sama-sama kawal dan kita lihat supaya rakyat Pulau Pinang tidak hanya melihat pembangunan ini sambil menggigit jari. Saya menyeru Kerajaan Negeri memikir tindakan kawalan yang wajar dalam bidang kuasanya untuk mengawal harga hartanah ini. Jika dalam tahun 2012 pihak Kerajaan Negeri boleh menguatkuasakan had minimum untuk pembelian hartanah dari RM500 ribu kepada 1 juta untuk kondominium dan kepada RM2 juta untuk *landed property* untuk pembelian di bawah program Malaysia *my second home*, saya mencadangkan agar garis panduan yang serupa boleh diperhalusi dan disesuaikan untuk pembelian hartanah yang bukan di bawah program MM2H ...(dengan izin). Pihak kerajaan negeri juga boleh membuat penelitian supaya pembelian rumah oleh warga-warga asing di bawah program Malaysia *My Second Home* ini dihadkan di kawasan-kawasan tertentu sahaja dan bukan hanya menghadkan harga kawalan minimum pembelian.

Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati, sekiranya *second home* polisi ini bukanlah kita nak mansuh, dia adalah satu program yang baik, tapi kalau kita buka untuk seluruh negeri, maka harga-harga rumah akan melonjak. Saya cadangkan supaya kita gazet, gazetkan *second home* polisi ini di kawasan-kawasan tertentu sebagai contoh di kawasan Batu Feringghi, kawasan pelancongan *second home* polisi, kita perlu dan kita gazet dia tidak boleh merebak seluruh Negeri Pulau Pinang, itu cadangan saya. Saya juga turut menyeru pihak Kerajaan Negeri memikirkan tindakan-tindakan kawalan yang wajar di dalam bidang kuasanya untuk mengawal keputusan-keputusan pembangunan hartanah dan polisi untuk pengawasan ini secaranya memberi fokus dan keutamaan untuk permohonan hartanah mampu milik. Polisi yang dikenakan ke atas pemaju untuk menyediakan rumah kos rendah, bagi menyediakan unit rumah kos tinggi begitu mudah dimanipulasikan dan pada hemat saya Kerajaan Negeri perlu menyediakan polisi di peringkat kelulusan dan membangunkan secara keseluruhannya yang mana akan memberi hasil penyediaan rumah mampu milik kepada penduduk jauh lebih baik. Rayer tak dak macam laju pula. Rasa macam apa hilang kawan. Saya kena sms sama dia tadi saya bagi tahu. Ayat baru sikit je Batu Maung...(gangguan)...(ketawa). Okey-okey.

Pulau Pinang semakin dikenali semenjak pengisytiharan sebagai Tapak Warisan UNESCO pada tahun 2008. Dalam bidang pelancongan terus jadi bidang perkhidmatan yang utama di Pulau Pinang. Kedatangan *medical tourism* di Pulau Pinang mencapai tahap 50% dari jumlah rakyat di Malaysia dan Pulau Pinang adalah

satu negeri yang tertinggi yang menerima *medical tourism* di Malaysia. Daripada 100% *medical tourism* di negara ini 50% itu adalah di Pulau Pinang dan rakyat Indonesia adalah terbanyak dan saya dapati dalam masa sedikit lagi kita juga akan menerima apa ni pesakit-pesakit dari luar Malaysia seperti di Amerika sebab kita mempunyai bidang perubatan di antara yang diberi kepercayaan yang baik dari negara lain. Tidak dapat dinafikan Pulau Pinang turut mendapat sokongan dari kementerian pelancongan dan saya turut berharap Penang *Global Tourism* (PGT) selaku biro pelancongan Kerajaan Negeri untuk turut beri sokongan kepada industri pelancongan yang lebih menyeluruh termasuk industri Inap Desa Homestay. Program Inap Desa di Telok Bahang kawasan saya contohnya telah menerima pelancong dari negara luar sejak sekian lama. Ianya menyumbang kepada daya tarikan Pulau Pinang. Baru-baru ini sekumpulan pelajar antarabangsa dan pelbagai negara di universiti tempatan telah menjalankan aktiviti di Telok Bahang dan sekumpulan pelajar di Amerika Syarikat pula di kampung Mengkuang Titi. Telok Bahang adalah contoh terdekat dengan saya selaku ADUN tetapi di Pulau Pinang terdapat 10 kampung yang terlibat dalam program Inap Desa yang mendapat pengiktirafan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia saya juga mohon supaya program PGT ini juga dapat meningkatkan lagi untuk Inap Desa ini. Sekali lagi saya menyeru *Penang Global Tourism* memberi perhatian dan sokongan kepada Program Inap Desa di Pulau Pinang dan saya yakin dengan sokongan PGT program inap desa Pulau Pinang akan mendapat pendedahan di negara-negara luar terutamanya kawasan Telok Bahang...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Minta penjelasan, saya tertarik dengan ucapan Telok Bahang tentang pelancong-pelancong semua. Apakah komen Telok Bahang tentang insiden kematian kelelasan atau pun di *National Park* Telok Bahang yang telah mencemarkan nama kita dan apakah komen dan apakah langkah-langkah yang akan dibuat kerana kematian kelelasan di *National Park* itu telah dilaporkan secara meluas di media massa dan ia sedikit sebanyak akan mencemarkan dan apakah tindakan susulan supaya perkara ini dapat dielakkan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya rasa macam Menteri Pelancongan pula. Tapi menteri pelancongan tak dak pembantu. Harap-harap berkat mulut bagi orang muda la kut. Jadi kita ada kes kematian kes kematian berlaku di mana-mana, yang kita tak boleh kawal pun. Tapi walau bagaimanapun, saya telah berhubung dengan Taman Negara dan saya juga terlibat secara *personal* memanggil semua agensi yang terlibat. Apa yang menjadi beberapa persoalan di sini, keadaan pantai di Taman Negara itu, dia rupanya dia *season* yang *different-different* (dengan izin). Dia kalau ada satu musim dia panjang pantai dia, tapi bila musim air tinggi dia jadi pendek dia punya pantai. So bila orang datang pada musim yang lain dia akan tengok pantai dia sejauh-jauh mata memandang, so bila dia mai hari air naik pasir itu semua telah di bawa keluar oleh ombak, so bila dia mandi dia dok ingat cetek rupanya 5 meter daripada pantai itu 5 meter daripada pantai itu dan 5 meter ke laut itu, dalam dia lebih kurang 5 meter dan 5 meter lagi dalam dia 10 meter, 5 meter lagi dalam dia 30 meter, dan arus laut itu macam-macam Bermuda *Triangle*, dia ombak dia *curve* masuk dalam ini, so bila ada masalah macam ini, kita kena buat banyak penerangan. Selalunya bila orang datang kepada ini, sekarang kita dah buat satu komiti supaya maklum dan tidak benarkan

mereka mandi di pantai itu. Yang malangnya pelancong luar datang dia tengok laut dan anak-anak muda terus terjun, walaupun banyak *signboard* letak, dilarang mandi, dia ambil apa ini yang tanda merah itu dia buat main pedang, walaupun tulis di situ ada kematian tidak dibenarkan mandi. Ini kita perlu buat *education* bersama-sama. So saya ...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan, dalam mesyuarat, ini soalan. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa MMK Pelancongan saya ada mencadangkan supaya *meromictic lake* ini sebab mangsa yang meninggal itu dari Penanti. Pelajar yang nak pergi belajar di Al-Azhar. Saya mohon jawapan dari mungkin agensi atau pun Taman Negara supaya keputusan ini ialah supaya *gate* atau pun pagar diletak, sebab bila orang pergi ke situ dia tak tahu bahaya yang disebutkan tadi itu. Jadinya saya nak mohon kalau ada jawapan berkenaan itulah, maknanya adakah pagar keselamatan itu telah dipasang, didirikan oleh Taman Negara. Taman Negara ini di bawah Kerajaan Persekutuan. Tapi hari itu dalam Mesyuarat MMK Pelancongan keputusan dibuat untuk memagarkan *meromictic lake*, maknanya dia tengok dari jauh, dia tak masuk dalam itu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya bukan EXCO, saya daripada ADUN Pembangkang tapi saya minta EXCO Pelancongan boleh jawablah soalan tu.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Telok Bahang, sila sambung.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sikit lagi. Sebelum saya akhiri, tak mahu ambil masa panjang-panjang, *lunch time*. Kesian orang nak makan. Sebelum saya akhiri ucapan ini ingin saya memberi pandangan mengenai rundingan terus pelaburan Syarikat IKEA dan ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri kenapa tidak dijemput syarikat-syarikat persaingan dengan IKEA. Contohnya kita ada 500 *stock Fortune*, syarikat-syarikat macam IKEA. Kalau kita dapat jemput syarikat-syarikat ini dalam proses tender yang selalu disebut oleh Kerajaan Negeri, kita *open tender*, kita *open tender*. Tidaklah terjadi macam rundingan terus. Kalaulah dapat dibuat perkara ini, saya mohon masa-masa akan datang kita teruslah pegang polisi *open tender*, tidak rundingan terus. Sekiranya kita nak mencemarkan kita punya rundingan terus kita dah sama macam dengan orang lain. Kalau kita kata orang lain tak betul. Jadi syarikat-syarikat itu B & Q, John Lewis, Egro, Beck and Bar dan akhir sekali saya mohon Kerajaan Tempatan Negeri Pulau Pinang binalah lebih banyak gerai di kawasan Telok Bahang supaya boleh membantu masyarakat Telok Bahang. Sekian. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakhatuh*. Saya pertimbangkan disokong. Mempertimbang saja la.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sila. YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera kepada YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini. Terima kasih kepada YB. Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan ucapan terima kasih Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Saya menyambut baik ucapan T.Y.T. Nombor 14 yang meletakkan Seberang Perai sebagai destinasi pelancongan dan fokus utama Kerajaan Negeri pada tahun ini adalah di 36 lokasi di Seberang Perai. Ini difokus pada kawasan eco-pelancongan, bangunan lama, rumah ibadat dan pusat rekreasi. Seperti yang disebut oleh YB. Telok Bahang tadi, berkenaan dengan ekonomi perkilangan yang menurun, itu memang benar sebab dulu, tahun lepas sebelum saya jadi ADUN memang kita membuat kajian *foresight* dan kita nampak yang ekonomi dunia memang menurun dan hanya akan pulih balik selepas 27 tahun. Saya telah *check* dengan kawan-kawan saya di London pun sama juga. Maknanya sekarang ini kalau kita nak fokus pada sektor pelancongan dan juga sektor alternatif dan kreatif ini adalah satu peluang yang sangat dialu-alukan.

Jadi bagi sekarang ini, kalau kita nak fokus pada Seberang Perai sebagai contohnya dan fokus pada sektor pelancongan sekarang, kebanyakan pelancong di dunia ini yang tinggal di bandar-bandar di *concrete jungle* mereka suka pergi ke tempat-tempat yang mempunyai keindahan semula jadi. Seperti kalau macam saya juga, saya sebenarnya dulu sebelum saya jadi ADUN, memang saya duduk di *overseas* lama dan duduk di Kuala Lumpur. Jadi bila saya jadi ADUN, saya datang ke Penanti memang saya ingatlah masa kecil-kecil kat kampung saya, ada paya dan suasana di Penanti itu memang keindahan semula jadi yang kalau kita tengok dalam Mesyuarat MMK Pelancongan pun, mereka juga dan juga Kementerian Pelancongan menerusi drama Hong Kong, '*Outband Love*' dan telah mencetus supaya anak-anak muda dari Hong Kong datang ke bendang-bendang sebab cerita drama siri *Out Bound Love* cerita pasal percintaan di bendang, cantiklah. Jadi ini telah membuatkan anak-anak muda juga tertarik untuk pergi merasai kehidupan kampung.

Saya juga seperti yang disebut oleh YB. Telok Bahang berkenaan *homestay*, memang benar macam Kampung Mengkuang Titi di tempat saya ini ialah Presiden Persatuan *Homestay* di Pulau Pinang. Dia telah menerima pengiktirafan daripada kementerian. Yang menjadi persoalan sekarang ini, kalau kita nak menarik pelancong-pelancong untuk datang merasai kehidupan di kampung, tinggal di *homestay* maknanya dia bukan duduk di hotel, dia duduk bersama orang-orang kampung, bangun sembahyang Subuh, makan, pergi bendang, atau pun buat kerja-kerja orang kampung selalu buat. Syarat *homestay* oleh Kementerian Pelancongan itu, rumah itu kena bersih, syarat-syarat dia agak ketat dan dia kena ada tempat beriadah dan kena kumpul sepuluh (10) orang sebagainya.

Tapi kalau kita tengok di kawasan-kawasan kampung, sebagai contohnya bila saya menerima jawapan soalan lisan. Saya tanya, apa yang saya tanya ialah

“Bolehkah Kerajaan Negeri memberi pembangunan seimbang dari segi infrastruktur asas dan awam di kawasan-kawasan kampung dan juga di kawasan-kawasan yang lebih *urban* dan bandar.”

Jawapan yang saya terima yang agak mengecewakan adalah:

“Kerajaan Negeri tidak membuat perbezaan dari segi pembangunan di kampung atau pun di bandar.”

Saya rasa ini tidak adil dan tidak seimbang sebab kawasan bandar dia dah mempunyai infrastruktur, kemudahan, jalan, perparitan yang telah dibuat oleh pemaju dan sektor swasta dan juga oleh PBT. Tapi kawasan-kawasan kampung dia tak ada sistem perparitan. Itu semua tanah-tanah orang. Sungai pun lalu di tanah-tanah orang, saya dah *check* dengan JPS, semua tanah-tanah di SPT itu, yang laluan sungai dan parit-parit itu semua di atas tanah orang. Kalau Kerajaan Negeri dia bagi sama *treatment* ...(dengan izin) kampung dengan bandar itu tidak adil, sebab dia punya *level playing field* tak sama. Bandar tu dia dah ada sistem macam-macam, dia ada PBT. Sampah yang dikutip di setiap rumah dan sebagainya. Dia dah ada sistem perparitan, tapi kampung tak ada. Jadi macam mana Pulau Pinang kalau kita dengan keadaan ekonomi yang pembuatan, industri pembuatan kita jatuh. Kalau kita nak mengharapkan *engineer-engineer* nak banyak lagi Altera di Malaysia pun bukan lah satu perkara yang mudah. Sebagai contohnya....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Penanti, YB. Dato' Speaker saya bersetuju sebab saya ada bertanya, sebab Kerajaan Negeri selalu menimbulkan apa, sebab pelancongan di Pulau Pinang mesti ada *homestay*, *homestay*. Tetapi apabila saya berjumpa dengan pengusaha *homestay*, ada tak Kerajaan Negeri membantu mereka? Jawapannya tak ada, tak ada. Tetapi ini yang selalu dibangga oleh Kerajaan Negeri, kita ada program *homestay* dan sebagainya. Tetapi tak dibantu pun dari segi program kah, kewangan dan sebagainya. Ini satu malang, kalau Kerajaan Negeri nak membantu *homestay* sepertimana yang memang disebut selalu oleh YB. Batu Lancang, berilah duit untuk program, berilah duit untuk peruntukan dan sebagainya dan sekali gus ianya akan membantu apa yang dicakap oleh YB. Penanti tadi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Juga kalau kita tengok sekarang Kementerian Pelancongan dia telah menarik balik geran RM10 ribu yang diberi kepada orang-orang yang mempunyai lesen *homestay*. Kalau dulu dia bagi RM10 ribu supaya dia boleh gunakan duit itu untuk menjadikan rumah dia, bilik untuk pelancong dengan baik. Tapi sekarang itu telah ditarik balik....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Penanti, penjelasan. Yang ini saya kena betulkan, bukan menarik balik. Modal RM10 ribu saya minta daripada Kementerian Kewangan pada masa itu untuk memulakan program *homestay*. Satu rumah RM10 ribu untuk mereka baiki, jadikan rumah *homestay* itu kita baiki tandas dan sebagainya untuk memenuhi *standard* yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan. Bukan tarik balik, tak itu program awalan yang kita berikan, *one off*. Tetapi kalau Kerajaan Negeri menyokong, Kerajaan Negeri juga harus memberi peruntukan bagi memastikan *to up keep* rumah yang kita baiki dijaga dan di *maintain* kualitinya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Dari maklumat terbaru yang saya terima semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pelancongan, Kementerian Pelancongan dan juga saya menghadiri Seminar *Homestay* yang diadakan di Kepala Batas, Kementerian Pelancongan yang *in charge* pembangunan *homestay* dia memaklumkan yang insentif atau pun geran dahulunya diberi itu telah ditarik balik. Dia hanya boleh gunakan untuk membuat jalan RM10 ribu. Tapi untuk setiap rumah *homestay* untuk digunakan untuk membaiki tandas ke apa-apa itu semua dah tak ada.

Jadi dengan keadaan macam ni, saya nak sebagai seorang ADUN, saya sentiasa menerima berbagai-bagai permohonan daripada penduduk untuk membaiki rumah, macam-macam keadaan di kampung tu, ramai sangat orang yang berpendapatan rendah. Tambahan di Penanti tidak ada kawasan industri apa-apa. Penanti hanya ada kuari sahaja, ia ada tiga (3), empat (4) kuari dan tak ada apa-apa selain itu. Jadi lagi satu *homestay*, persijilan *homestay* ini hanya terhad kepada *homestay* Bumiputera dan kaum India. Dari segi Kementerian Pelancongan, syarat-syarat untuk menjadi *homestay* untuk perkampungan *for example*, perkampungan Cina di Sungai Lembu dan lain-lain kampung Cina tidak dapat disijilkan sebagai tempat *homestay* dan tidak dapat. Tapi walau bagaimanapun saya amat berharap yang walaupun Kementerian Pelancongan tidak dapat memberi persijilan *homestay* kepada perkampungan Cina, tapi mungkin Kerajaan Negeri dengan PBT boleh mencari jalan supaya rumah-rumah ini juga dapat diberi persijilan *homestay*, supaya kita dapat mempromosikan kawasan kampung dan ini akan membantu meningkatkan taraf ekonomi di kawasan kampung dan juga satu tarikan kepada Pulau Pinang.

Bila saya bercuti di Turki sebagai contohnya, saya tak ada pergi ke tempat-tempat yang *concrete jungle* ini. Saya tak, saya pergi ke tempat-tempat yang ada *natural* ataupun keindahan semula jadi. Jadi berkenaan dengan ini, saya berharap Pulau Pinang.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, terima kasih YB. Penanti. YB. Dato' Speaker, Penanti ni adalah DUN dalam Parlimen Permatang Pauh yang dipimpin, yang mana rakyat telah memberi kepercayaan kepada Ketua Pembangkang, Parlimen Malaysia dan saya nak tanya Penanti, tidak adakah perancangan untuk membangun DUN Penanti dalam Parlimen Permatang Pauh ini mungkin Seberang Jaya sudah maju, ada banyak prasarana PDC dan sebagainya tapi Penanti sepertimana yang disebut tadi ada kuarinya dan Mengkuang Titi dalam Penanti ini telah diberi sokongan yang oleh Kementerian Pelancongan, Kerajaan Pusat. Saya kesian dengan Penanti dan saya hairan kenapa pembangunan dalam Parlimen Permatang Pauh ini tidak dapat dijalankan dengan baik.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya hanya hendak teruskan, macam mana pun, walau pun tidak ada taman-taman perindustrian dan taman-taman perumahan yang banyak. saya harap Penanti memang kekal sebegitu sebagai ia kawasan kampung. Tetapi syaratnya, kita kekal sebagai kawasan kampung tetapi ini tidak bermakna Kerajaan Negeri boleh macam tak ambil kisah kepada kemudahan asas. Sebab itu saya nak tahu Pejabat Daerah

berapakah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri, peruntukan untuk pembangunan dari segi infrastruktur asas seperti parit, lampu jalan, sebagai contohnya di Kampung Terus, satu (1) kilometer tidak ada lampu jalan, peruntukan yang hanya kena keluar adalah peruntukan ADUN dan juga untuk membuat sistem perparitan di kampung-kampung juga kena guna peruntukan ADUN. Dan juga sebagai contoh Kerajaan Negeri ada wang amanah untuk penyelenggaraan jalan dan juga parit-parit di jalan. Tapi jalan-jalan kampung ini tidak didaftar di bawah MARRIS. Saya telah beberapa kali bangkitkan dalam Mesyuarat Daerah kenapa tidak didaftarkan. Jawapan JKR ialah dia tidak menepati syarat-syarat jalan MARRIS oleh JKR. Saya cakap kepada JKR saya cadangkan boleh tak JKR menukarkan syarat-syarat itu supaya peruntukan yang MARRIS itu dapat digunakan.

Lagi satu saya hendak memohon agar JKR Negeri menambah peruntukan kepada JKR SPT sebab sekarang ini SPT dapat RM8 juta. Ini memang tidak cukup, habis. Sebagai contohnya bila ada benda-benda yang berlaku seperti baru ini di Pekan Penanti, jalan itu mendap, *culvert* itu pecah. Ini di simpang tiga, depan Balai Polis, depan sekolah, tapi JKR kata kalau nak memohon untuk apa-apa pembaikan jalan dia kena mohon dari bulan Februari untuk dapat peruntukan 2015. Jadi saya rasa saya nak mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri memberi satu peruntukan khas untuk kes-kes bahaya yang *emergency* supaya JKR tidak perlu cari kontraktor. Dia sendiri ada skuad khas dan peruntukan khas untuk kes-kes *emergency*. Jadi bila ada jalan, sebagai contohnya di Sungai Lembu, tebing runtuh dan sebagainya, dan JKR boleh menggunakan peruntukan yang sebegitu. Seperti contohnya MPSP ada skuad khas jadi saya harap JKR juga akan membuat begitu juga.

Lagi satu untuk mengurangkan di SPT dan di Seberang Perai akan mempunyai pembangunan yang sangat pesat. Walaupun saya tidak mahu Penanti jadi macam *concrete jungle*, tapi tempat-tempat lain akan membangun jadi taman-taman perumahan. Masalahnya bila taman-taman perumahan ini bangun, yang menjadi mangsa adalah di kampung-kampung sebab taman-taman perumahan mempunyai sistem perparitan yang cantik. Tapi dia buat taman perumahan itu di tanah yang tinggi, semua air-air dan bila hujan akan turun ke kampung-kampung. Jadi saya harap pelan Pulau Pinang akan masukkan *master plan* SPT yang mempunyai skop pelan perancang pembangunan fizikal dan sekarang ini *master plan* SPT ini sedang dirangka oleh JPS SPT dan juga MPSP. Saya harap pelan Pulau Pinang dan apa-apa pelan untuk meluluskan projek-projek perumahan akan mengguna pakai *master plan* SPT ini sebab *master plan* SPT ini akan mengambil kira sistem saliran air hujan dan pengurusan sosioekonomi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad):

Pohon penjelasan Penanti. Sebelum beralih ke isu lain, masalah perparitan saya nak tahu daripada Dewan juga, di manakah dan berapakah jumlah caruman perparitan yang dikutip oleh PBT bagi setiap kemajuan. Sebab isu pembangunan dalam kawasan kampung yang hanya mensyaratkan parit untuk kawasan perumahan sahaja tanpa mengambil kira saluran seterusnya, itu saja akan mendatangkan masalah yang cukup besar kepada orang-orang kampung yang duduk bersebelahan dengan pembangunan. Saya pernah usulkan perkara ini kepada Padang Kota tetapi sampai ke hari ini saya tidak nampak direalisasikan di tempat-tempat pembangunan. Masih lagi dibiarkan saliran perparitan tidak disempurnakan sepenuhnya sehingga menyebabkan banjir kilat dan sebagainya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Untuk menjawab soalan ini, sebab itu saya bangkitkan dan *Alhamdulillah* dalam Mesyuarat Tebatan Banjir telah meluluskan dari dana wang caruman itu untuk mengadakan *master plan* SPT. Tapi ini untuk SPT sajalah. Untuk mengambil kira supaya MPSP dapat menggunakan *master plan* ini, sekarang apa yang kita dapat tahun dari MPSP adalah, MPSP tidak ada *certification* yang boleh sebab pemaju-pemaju akan bawa konsultan-konsultan yang mempunyai sijil untuk meluluskan pelan-pelan. Jadi MPSP tidak ada disebabkan itu, MPSP dan JPS membuat *master plan* SPT supaya pemaju terpaksa akur dan ikut *master plan* yang mengambil kira sistem hujan, sumber air dan sistem saliran. Lagi satu apa yang saya mohon ialah yang telah saya mohon kepada JPS SPT dan juga MPSP ialah untuk memasukkan *indicator gender responsive* dan *gender checklist* untuk perumahan dan perancangan pembangunan yang digubal oleh PWDC ataupun Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang supaya sebagai contohnya bila kawasan saya banjir pada 9 dan 10 September dan juga pada 18 dan 19 Oktober tahun lepas, apa yang saya buat adalah mengambil data-data yang *gender specific* yang mempunyai maklumat *gender*. Maknanya setiap sembilan (9) kawasan banjir itu, maklumat mangsa banjir itu berapa ramai kanak-kanak, berapa ramai orang tua, dan berapa ramai orang lelaki dan wanita dan sebagainya. Dari situ kita boleh menggubal apakah keperluan apabila berlaku banjir itu, sebagai contoh kalau kita hendak menyelamatkan kanak-kanak dan juga kawasan kampung sempit, kita perlu kaedah yang lain sebagai contohnya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lama lagi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Nampak macam banyak lagi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguh pada jam 1.15 petang.

Dewan disambung semula pada jam 3.50 petang.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula dan saya ada sedikit pengumuman kepada Dewan ini. Pertamanya saya minta maaf kerana Dewan tidak dapat sambung tepat pada jam 2.30 petang disebabkan oleh satu kes kekecohan yang telah pun disaksikan oleh Yang Berhormat -Yang Berhormat yang berada dalam Dewan ini. Bersabit dengan kes yang berlaku pada petang tadi adalah saya ingin mengutuk sekeras-kerasnya menyatakan kekecewaan saya di atas insiden pecah masuk oleh beberapa orang perusuh ke dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara ini tidak pernah berlaku sepanjang sejarah Sidang DUN di negeri ini. Bahkan tidak pernah berlaku dalam sejarah pun politik di peringkat negara. Saya lihat masih ada ruang yang lebih beradab untuk mengatakan ketidakpuasan sesuatu isu dari melakukan tindakan yang begitu kasar dengan merempuh pagar utama DUN dan mencemarkan kemuliaan Dewan ini. Yang jelas sekali melanggar undang-undang negara ini.

Saya begitu tegas dan mahu insiden ini disiasat segera oleh pihak polis demi memastikan keselamatan perjalanan Sidang DUN yang akan terus dan terpelihara. Justeru saya dengan ini meminta agar pihak Polis dapat mengadakan kawalan keselamatan di hadapan pintu masuk DUN dari sekarang sehingga Sidang DUN tamat. Sedikit pengumuman kepada Dewan yang mulia ini dan saya minta Sidang Dewan disambung semula. Ahli Kawasan Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya ingin membawa satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang 34(viii) iaitu usul yang kesegeraannya diakui oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan disokong oleh sepuluh (10) orang ahli yang berdiri di tempat masing-masing iaitu berhubung dengan kejadian rusuhan yang berlaku kira-kira jam 2.00 petang di Dewan Undangan Negeri. Saya mohon keizinan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada yang sokong.

***“SEMUA AHLI KERAJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BERDIRI MENYOKONG.”***

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahli yang memberi sokongan supaya usul ini dapat dibawa. Usul ini dibawa di bawah Peraturan 34(viii) seperti disebutkan tadi iaitu:

1. Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mengutuk dengan sekeras-kerasnya tindakan rusuhan liar oleh sekumpulan orang yang telah mencero bohi dan menakluki Dewan yang mulia ini pada kira-kira pukul 2.00 petang pada 21 haribulan Mei 2014 dan menimbulkan kekacauan, kekecohan dan merosakkan harta benda Dewan serta menggugat keselamatan dan nyawa Ahli-Ahli Dewan serta pegawai-pegawai dan lain-lain orang awam yang berada dalam Dewan ini.
2. Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memandang serius terhadap tindakan ini yang menghina kemuliaan Dewan Undangan Negeri dan percubaan untuk merosakkan bendera Malaysia dan Negeri Pulau Pinang juga satu penghinaan kepada kedaulatan Dewan Undangan Negeri.
3. Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini menyuarakan kekesalan terhadap kejadian ini telah menjadi titik hitam dalam sejarah Demokrasi Berparlimen di Negeri Pulau Pinang dan di Malaysia.
4. Bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini mengarahkan Ketua Polis Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Keselamatan untuk menyiasat tingkah laku rusuhan yang berunsur jenayah ini dan menghadapkan mereka yang disabitkan kesalahan kepada mahkamah supaya kemuliaan Dewan ini dapat ditegakkan.

Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya setuju dengan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri bahawa kejadian mencero bohi dan menakluki Dewan Persidangan adalah satu kejadian yang tidak pernah berlaku sejak adanya Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Saya merasa dukacita perkara ini boleh berlaku. Selama lima (5) enam (6) tahun Pakatan Rakyat diberi mandat, memang banyak kali demonstrasi diadakan di luar halaman Dewan Undangan Negeri dan ianya dibiarkan kerana kerajaan ini mengamalkan sikap yang terbuka terhadap suara-suara rakyat yang ingin membawa masalah rakyat untuk perhatian pihak Kerajaan Negeri.

Tetapi rusuhan pada petang ini adalah satu kejadian yang luar biasa yang tidak patutnya berlaku walaupun pihak-pihak yang merusuh itu ada apa-apa alasan tersendiri untuk melakukannya. Tetapi itu bukan alasan yang boleh diterima oleh Dewan yang mulia ini. Pasukan atau kumpulan ini tadi mengaku bahawa mereka wakil Pemuda UMNO dan saya pun rasa kesal ianya berlaku dan saya harap kalau usul ini disokong dan saya minta disokong oleh setiap ahli yang hadir, usul ini akan disampaikan kepada pihak Polis sebab perkara empat (4) usul ini adalah untuk mengarahkan pihak Polis khususnya Ketua Polis Negeri untuk menjalankan siasatan. Kita dapat memerhatikan antara ahli-ahli perusuh ini terdiri dari orang-orang yang sama yang pernah menimbulkan kekecohan di mana laporan-laporan polis juga telah dibuat terhadap mereka tetapi sehingga kini tidak ada apa-apa tindakan dari segi kebertanggungjawaban undang-undang terhadap aktiviti-aktiviti yang menjejaskan ketenteraman awam. Ini mungkin telah memberi galakan kepada anasir-anasir ini lebih berani sebab tidak pernah diambil apa-apa tindakan terhadap tindakan yang mereka lakukan sepanjang lima (5) enam (6) tahun ini. Kalau tindakan tidak diambil atas perusuh dan perusuhan pada petang ini, nama dan kemuliaan Dewan akan terjejas. Ahli-Ahli Dewan ini juga turut terjejas juga, bagaimana kita boleh keluar berhadapan dengan pengundi-pengundi kita kalaulah Dewan yang sepatutnya mulia

tidak jadi mulia lagi. Jadi saya berharap kita dalam satu suara yang lantang Ahli-Ahli termasuk Speaker menyokong usul ini supaya pendirian yang tegas ini dapat diketahui umum bahawa kita tidak akan bertoleransi terhadap tindakan yang liar ini. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya rasa usul ini amat jelas. Ini adalah satu usul yang membabitkan kemuliaan Dewan ini dan daripada aspek inilah, saya rasa usul ini boleh mendapat sokongan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya minta bahawa usul ini tidak perlu lagi dibahas tetapi jika ada orang hendak membahas, saya akan beri, jika tidak usul ini adalah sangat jelas. Kalau perlu bahas saya izinkan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dengan izin YB. Dato' Speaker, saya ingin menyokong....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Its already sokong, sudah, tadi sudah sokong, lebih dari 10 orang sudah sokong.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya ingin bahas, singkat saja.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membuat perbahasan terhadap usul ini, silakan. YB. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dengan izin YB. Dato' Speaker, pada petang ini satu perkara yang bersejarah dalam demokrasi berparlimen Negara Malaysia telah berlaku iaitu pencerobohan Dewan yang mulia ini oleh pemuda-pemuda UMNO, seperti mana diakui oleh mereka sendiri. Berkenaan apa YB. Padang Kota kata tadi, satu perkara yang berbangkit ialah keselamatan Yang Berhormat-Yang Berhormat telah terancam akibat tindakan ganas tersebut. Ingin saya nyatakan untuk rekod di sini bahawa pada lebih kurang jam 2.10 atau 2.15 petang tadi, setelah saya mengambil makan tengahari, saya balik ke Dewan yang mulia ini kerana belum mula lagi. Saya duduk di kerusi saya dan membuat sedikit kerja untuk penggulungan saya. Tiba-tiba saya lihat Setiausaha Dewan, Puan Mahes cuba menutup pintu tersebut, saya ingin *relate* bagaimana ganas kejadian tersebut *because I was here and I witnessed it*.

YB. Dato' Speaker, nasib baik apabila orang-orang yang masuk melalui pintu itu masuk, pintu yang ditendang begitu kuat tidak terkena kepada Setiausaha kerana saya pasti beliau akan mengalami cedera yang teruk, *because she was very close to the door, ...*(dengan izin). Tiba-tiba mereka masuk dan berdiri, kira-kira sekumpulan yang terdiri 10 hingga 15 orang berdiri di kerusi Speaker, buang kerusi Speaker dan

berdiri di situ di mana YB. Dato' Speaker sedang duduk sekarang. Di antara mereka ada dua (2) atau tiga (3) orang yang begitu ganas hendak panjat meja dan melihat ke arah saya kerana saya seorang yang duduk di sini. Saya lihat mereka dan mereka lihat kepada saya, dia seperti mahu meluru ke arah saya, tetapi di antara mereka ada dua (2) atau tiga (3) orang yang telah menghalang, kalau dia tidak halang dia saya tidak tahu apa yang akan berlaku kepada saya pada petang ini. *I have to tell this to everyone because I was here.* Mereka tanya saya di mana YB. Rayer dan saya jawab Rayer tidak ada di sini, kemudian mereka mula mengganas untuk lebih kurang sepuluh (10) hingga lima belas (15) minit sebelum keluar. Kita semua terpaksa duduk di sini, ada banyak orang di sini, pemberita pun ada di situ, saya ingat. Inilah apa yang berlaku pada hari ini, Dato' Speaker. Ini adalah satu perkara yang tidak boleh dimaafkan malahan saya memohon UMNO untuk meminta maaf kepada Dewan yang mulia ini selain daripada usul yang dibawa oleh YB Padang Kota. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undang Negeri:

Silakan Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Memang diakui perkara yang berlaku sebentar tadi adalah perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Saya antara Ahli Dewan yang paling lama berkhidmat dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, antara mungkin ada yang lebih lama dari saya, mungkin YB. Sungai Puyu sama dengan saya. Belum pernah insiden seperti ini berlaku dan saya tertarik dengan usul, pembawa usul tadi yang membawa istilah-istilah penghinaan, pencemaran kemuliaan Dewan dan sebagainya. Kita kena menganalisa sedikit dan merenung sejenak apa yang menyebabkan peristiwa itu berlaku. Tidak ada angin masakan pokok bergoyang, ini lebih daripada angin, sudah ribut. Kita sudah berhempas-pulas bersusah payah untuk bekerja dan memastikan bahawa kita boleh adakan kestabilan, keamanan dan keharmonian, perpaduan dan sebagainya. Tetapi dalam sejarah Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang belum pernah terjadi insiden seperti tadi.

Dalam sejarah Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini juga belum pernah ada Ahli Dewan yang mengatakan istilah-istilah dan perkataan-perkataan yang begitu menghina seseorang, menghina parti dan dibiarkan dan dibendung. Saya rasa boleh tengok hansard masa Parlimen dalam dunia ini pun perkataan itu *very un-parliamentary*,....(dengan izin). Tidak boleh dibenarkan perkataan itu kerana ianya terlalu keji dan menyebabkan perasaan marah, benci dan pelbagai sehingga menyebabkan peristiwa begini berlaku. Inilah yang harus kita elakkan. Kita Barisan Nasional pun tidak suka perkara seperti ini berlaku, kita tidak mahu, sebab itu kita sangat berhemah. Saya rasa dalam perbahasan selama lima (5), enam (6) tahun ini kami cukup bersabar, 10 orang kami cukup sabar dengan cara dikendalikan ucapan-ucapan dan perkataan-perkataan yang diucapkan, tohmahan dan fitnah yang diberi dan pelbagai-pelbagai lagi, dibendung dan dibiarkan sehingga ia membawa ke satu tahap *boiling point*...(dengan izin), meluap. Kami 10 orang di sini boleh lagi membendung perasaan, kami pun tidak tahan dan tidak suka diperkatakan macam itu, tetapi sebab kita sebagai Ahli Dewan yang mulia ini hendak menjaga kemuliaan Dewan, menghormati YB. Dato' Speaker, tetapi bila perkara ini, episod yang berlaku pada hari kelmarin disiarkan melalui *YouTube*, *Whatsapp*, macam-macam lagi melalui

media satu Malaysia, satu dunia pun telah melihat, mendengar dan perasaan ini pun telah dibakar. Bukan sahaja Pemuda UMNO Negeri Pulau Pinang tetapi Pemuda UMNO satu Malaysia, orang UMNO 3 juta lebih semuanya marah. Ini telah pun disebut oleh YB. Sungai Acheh tadi. Kita seboleh-bolehnya hendak meredakan situasi, kita hendak membendung satu kebencian ini supaya ia tidak merebak dan saya juga ingin meminta kepada Dewan, kepada YB. Dato' Speaker supaya berfikir secara rasional sebagai seorang pemimpin yang diberi amanah untuk menjaga tanah air ini supaya tidak membenarkan emosi menguasai pemikiran kita. Kita baru sahaja menghadapi masalah kemarau, kita tengok bagaimana sedikit sahaja *spark* akan menyebabkan kebakaran. Kalau kawasan itu sedang gersang dan jika kita hendak elak perkara itu dari berlaku marilah kita sama-sama memastikan bukan di sini menjadi permulaan yang tidak elok. Terima kasih.

Yang di-Petua Dewan Undangan Negeri:

Silakan YB. Perai.

Timbalan Ketua Menteri II:

YB. Dato' Speaker, saya terkejut apabila saya dengar ada satu pencerobohan ke dalam Dewan petang ini. Pada masa itu saya tidak ada di sini dan apabila saya sampai lebih kurang jam 3.30 petang, saya juga ikut mereka menuju ke bilik mesyuarat, saya pun tidak tahu apa tetapi saya nampak pihak Polis dan FRU di luar. Apabila saya duduk di sana saya tidak tahu bahawa Speaker yang mempengerusikan mesyuarat yang tergepar dengan mereka yang mencerobohi Dewan ini. Dewan ini seperti *Vatican*, ada kebebasan dan ada *autonomy*, ini memang jelas dari segi peraturan. Speaker yang menentukan segala yang berjalan di dalam Dewan ini, diuruskan oleh YB. Dato' Speaker ataupun YB. Timbalan Speaker. Jika perlu YB. Dato' Speaker mengambil tindakan, ambillah tindakan. Saya tidak mempertahankan sesiapa yang menghina dan menggunakan perkataan kotor untuk melukakan hati sesuatu kaum atau agama. Apabila kejadian ini berlaku, satu kejadian hitam dalam sejarah Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya ingat seluruh negara atau antarabangsa sudah tahu perkara ini. Sekumpulan, saya tidak ada apa-apa dengan UMNO, mungkin ada perbezaan politik sahaja, tetapi satu kumpulan yang mereka sendiri kata mereka dari Pemuda UMNO datang dan kita berunding dengan mereka. Saya rasa itu satu perkara salah dan saya tidak terima. Kita berunding dengan mereka dan mereka letakkan syarat, saya pun terkejut, saya tidak tahu apa yang hendak cakap, sebab saya hormati YB. Dato' Speaker yang mempengerusikan. Kalau inilah berlaku, lain kali sesiapa yang mengatakan bahawa kita akan bawa juga kumpulan-kumpulan, *it's a very dangerous*, ...(dengan izin) *precedence*. YB. Dato' Speaker, ini tidak boleh dibenarkan. Kita bergaduh di sini, kita lawan di sini, semua dalam Dewan sahaja. Speaker memang ada kuasa. Kalau kita tidak boleh kawal kita panggil Polis. Bilalah kita memulakan tradisi ini mahu berbincang dengan apa ini, samseng-samseng, *sorry sorry*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Perai, penjelasan sedikit, bukan berunding cuma saya maklumkan.

Timbalan Ketua Menteri II:

Saya tak marah mungkin sedikit mahu kawal situasi, saya tidak marah Speaker. Saya ingat dia mahu mententeramkan situasi di Dewan, gunakan bahasa Inggeris *you cannot be discussing at the gun point*, mana boleh, kita boleh runding pihak UMNO di luar, saya tidak ada masalah, dari segi fahaman, cuma perbezaan politik sahaja, yang lain tidak ada. Saya tidak ada apa-apa dengan orang Islam walhal saya juga yang memperjuangkan hak orang Aceh, tapi kalau inilah berlaku saya tidak mempertahankan Rayer, tapi ambillah tindakan dalam, kita putuskan dalam, kalau dia tidak dengar Speaker, Speaker ambil tindakan. Kalau inilah jadi lain kali, memang banyak perkataan yang banyak digunakan di Parlimen juga yang menghina kaum India, menghina wanita, tapi Speaker *control* suasana. Jadi kita serahkan pada Speaker, di sini, kalau suatu yang keterlaluan Speaker yang akan mengawasi atau *control* mereka, tetapi saya tidak boleh apa jugak apa ini sebab membenarkan satu (1) kumpulan masuk mencerobohi Dewan yang mulia ini dan mewujudkan perasaan takut. UMNO boleh katakan 3 juta, saya tidak takut sama ini. Ini ugutan 3 juta, 4 juta apa ini ingat takut ke? Saya tidak takut semua ini, saya takut pada manusia yang baik, manusia yang ada nilai, manusia yang mempertahankan demokrasi sama ada itu Melayu, Cina, India tak kisah.

Jadi apa ini, Dato' Speaker dan juga kawan-kawan, Ahli-Ahli di dalam Dewan ini saya merayu lah, saya memang kadang-kadang pahit juga perkataan, tapi ini memang satu proses yang kita jalankan dan kita serahkan pada Speaker mengambil tindakan, ini perlu dalam Dewan. Saya tidak ada masalah dengan Ahli Kawasan Pinang Tunggal di luar, ini perbezaan politik, kadang-kadang ini saya rasa bukan kita biarkan saja, terpulang pada Speaker ambil tindakan yang sewajarnya. Jadi saya mintalah bahawa apa yang berlaku pada hari ini tidak diulangi lagi sama-sama samseng UMNO kah, samseng PKR kah, samseng DAP kah, tidak boleh masuk Dewan ini, Dewan yang mulia ini, ini seperti *Vatican* lah bukan sebenarnya *Vatican*. Jadi Speaker itulah saya tidak mahu ini ugutan dan ini berulang lagi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, saya ingin turut sama berbahas. Sebenarnya YB. Perai sebelum YB. Perai dan YB. Seberang Jaya masuk tadi, kita telah pun ada perbincangan dalam bilik Speaker. Saya, Ketua Pembangkang, Padang Kota, Sungai Puyu bersama untuk mencari penyelesaian, untuk menenangkan keadaan. Pendekatan yang di ambil untuk menenangkan keadaan supaya apa yang berlaku di luar sana tidak menjadi perkara yang lebih serius lagi dan Speaker dengan penuh hemah keluar untuk berjumpa mereka dan memberi pandangan kepada mereka dan Speaker membuat keputusan ajak mereka masuk ke dalam bilik untuk mengelak perkara di luar dugaan berlaku. Itu kita masuk empat (4) orang tetapi tiba-tiba Perai masuk, Seberang Jaya masuk, tanpa tahu apa yang berlaku sebelum ini, itu masalah dia. Dan saya rasa pendekatan yang diambil oleh YB. Dato' Speaker itu cukup berhemah yang wajar dilakukan dalam pada masa itu, *Alhamdulillah* hari ini, sekarang ini mereka telah pun bersurai dan keadaan tenang. Ini yang kita mahu, sebab apa yang dah berlaku dah berlaku, cuma kita perlu membetulkan keadaan. Kalau Dewan ini membenarkan mengeluarkan perkataan yang menghina, apatah lagi di luar, sebab itu saya minta kalau boleh, Dewan, Speaker terutamanya meng-*control* memastikan Ahli Dewan betul-betul *abide* peraturan yang ada ini, supaya tidak menggunakan perkataan yang menyakit hati dan sebagainya, kami dalam ini semuanya boleh

bersabar tetapi kamera ada diluar, untuk menunggu untuk melapor di seluruh dunia, satu perkara tidak wajar dibuat, *live telecast*, kerana ini sebenarnya kadang-kadang dia boleh menimbulkan perkara-perkara yang di luar dugaan, dan saya berharaplah memang kami semua menyesal ,dan kami semua rasa apa yang tak sepatutnya berlaku berlaku dan kami semua bukanlah orang yang menyuruh mereka membuat itu, tidak sama sekali bahkan kami cuba menghalang mereka daripada membuat perlakuan ini tetapi telah pun berlaku dan kita mengambil iktibar supaya perkara ini tidak berlaku lagi maka usaha yang dibuat Dewan untuk meminta pihak Polis turut serta membantu memastikan keselamatan, bahkan kalau boleh ada beberapa perkara penambahbaikan entang *security* Dewan perlu diambil untuk mengelakkan bukan sahaja daripada UMNO, DAP, PAS, PKR tetapi orang-orang yang memerhati juga akan dijaga dan kemuliaan Dewan ini akan dipertahankan. Terima kasih, YB. Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. YB. Padang Kota telah berikan satu usul yang saya merasakan satu seperti yang disebut oleh YB. Dato' Speaker tadi satu sejarah yang tak pernah berlaku dalam Dewan Undangan Negeri ini dan saya rasa kita semua dalam Dewan ini bersetuju bahawa ini adalah satu tindakan kalau boleh saya sebut satu tindakan yang jenayah dan tidak patut dilakukan oleh mana-mana pihak. Cuma saya ingin mencelah sedikit, saya bersetuju apa yang disebut oleh YB. Pulau Betong kita ada Peraturan Dewan inilah, inilah makalah yang paling penting sekali di dalam Dewan ini yang memberi *direction* atau tunjuk ajar bagaimana kita patut berbahas dan berdebat di dalam Dewan dan kita harus selesaikan apa juga masalah yang timbul di dalam Dewan, di dalam Dewan ini, apabila kita benarkan perkara tadi berlaku, ini dua isu yang berbeza. Apa yang disebut oleh Seri Delima, apa yang telah ditimbulkan sepatutnya telah diselesaikan semalam, minta tarik balik semalam.....(gangguan). Sabar, sabar. Isu dia patut diselesaikan semalam, dan saya tadi sendiri sebut kita tidak ada masalah, sapa-sapa pun nak buat demonstrasi, sapa-sapa pun boleh buat demonstrasi, tetapi untuk masuk ke dalam Dewan ini, saya merasakan ini satu tindakan yang tidak patut dan mencemar kesucian sistem demokrasi berparlimen di Pulau Pinang dan negara ini.

UMNO parti politik yang berdaftar, PKR parti politik yang berdaftar, DAP parti politik yang berdaftar. Walaupun kami dapat undi popular dalam pilihan raya lepas, adakah kami hantar penyokong-penyokong kami rempuh Parlimen, tak ada. Kita tak pernah buat benda-benda yang begitu. Yang saya hairan, itu yang semalam bila YB. Telok Ayer Tawar, Ketua Pembangkang sebut kami ini tidak kenang budi.... (gangguan), sabar, sabar, saya nak sebut, saya nak sebut sebab apa, saya pernah tulis benda ini, saya nak *quote* ini adalah ungkapan Dato' Onn Jaafar, pengasas UMNO dalam Utusan Melayu bertarikh 25 Mac 1946:

"Hidup Melayu yang paling tepat kerana dengan cogan kata ini orang-orang Melayu akan memelihara semangat, maruah serta kesopanan bangsa Melayu kita berkehendakkan tanah air dan bangsa kita ini terselamat dan kuat menolak keaiban yang menyebabkan kebinasaan dan kehapusan bangsa kita".

Saya sebagai anak muda Melayu, belajar Universiti Bumiputera Melayu, tindakan tadi itu tidak melambangkan budaya orang Melayu, itu bukan kesopanan orang Melayu. Itu budaya UMNO yang dibawa masuk ke dalam Dewan ini.... (gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

YB. Sato' Speaker, saya minta supaya benda ini, kita dalam keadaan macam ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Jangan ulang lagi. Boleh tak boleh?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bagi saya habis....(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Ini membangkitkan tak boleh.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bagi saya habis.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kuasa kepada Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Ini membangkitkan. Tak boleh.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Bagi saya habis.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

Minta-minta cukuplah. Yang dah jadi di luar menjadi satu pengajaran.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Floor saya diberi oleh Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk. Seberang Jaya duduk. Seberang Jaya juga saya minta boleh, saya bagi ruang yang cukup sepertimana yang dulu tapi minta berbahas apa yang tepati dengan usul yang sebenar, perkara-perkara yang tidak perlu yang tidak bersabit dengan usul sebenar, tak payah la. Sila, saya bagi sedikit masa lagi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya habiskan sedikit, saya minta kepada Ahli-Ahli Dewan yang ada, terutamanya daripada rakan-rakan dari UMNO yang ada dalam ini, saya berharap kita saya bersama dengan Datok Keramat tadi kita minta selain daripada usul yang di bawa oleh Padang Kota, kita mahu supaya Ahli Dewan yang ada dalam ini memohon maaf kepada Dewan ini sebagai menunjukkan keikhlasan bahawa kita sebenarnya memang betul rasa bertanggungjawab bahawa tindakan tadi itu adalah tidak patut dilakukan dan tidak langsung mencerminkan budaya kita sebagai orang Melayu. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, siapa yang, Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Baik, terima kasih YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang untuk saya membahaskan tentang usul ini. Saya adalah antara Ahli-Ahli yang berada di dalam Dewan ini semasa kejadian tersebut mula-mula berlaku. Saya guna perkataan perusuh-perusuh itu kerana bagi saya tindakan mereka memang satu tindakan yang merusuh. Mereka masuk, mereka terus menjerit, mana tempat duduk Rayer dan duduk di sebelah saya. Bagaimana perasaan saya? Dan masa tu saya duduk di tempat duduk saya, baik. Betul mungkin seperti yang disebut oleh Ketua Pembangkang tindakan mereka adalah kerana apa yang disebut oleh Ahli Kawasan Seri Delima tetapi adakah ini bermaksud tindakan mereka itu betul atau tidak? Adakah itu kita boleh terima, kalau pihak sebelah sana kurang setuju dengan apa yang disebut oleh Ahli Seri Delima sila bawa usul untuk merujuk dia kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ini adalah peraturan yang diperuntukkan, mengapa pula perlu sekumpulan daripada luar untuk meluahkan perasaan tersebut. Itu yang saya tak faham. Itu yang saya tak faham....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Tak bagi, tak bagi duduk, tak bagi duduk.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Yang Berhormat, yang membuat tanggapan bahawa kami ini yang panggil dia orang buat...(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Tak, tak, saya tak bermaksud....(gangguan).

Yang di-Petua Dewan Undangan Negeri:

Jangan ganggu, Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Kita nak cari jalan elok.

Yang di-Petua Dewan Undangan Negeri:

Kejap lagi saya bagi, duduk dulu.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Saya cuma kata ahli-ahli di sini boleh membawa usul untuk merujuk Ahli Seri Delima kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, tak perlu, tak perlu, tak bermaksud, kamu yang sebelah sana yang memanggil, tak perlu untuk membiarkan, tidak bermakna mereka yang tidak berpuas hati tersebut boleh masuk untuk merusuh dalam Dewan ini. Adakah itu patut? Adakah kerana kita tak suka seseorang, kita boleh membunuh? Adakah itu dibenarkan? Jadi saya cukup kesal perkara ini berlaku dan saya rasa ini adalah satu titik hitam dalam sejarah Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini. Sekian, terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya bagi lagi satu, ini *last* satu (1). Air Itam dulu.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Ya, okey.

Ahli kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Air Itam dulu.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Terima kasih YB. Dato' Speaker.

Ahli kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh)

Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya sudah berdiri dua (2) kali, nanti saya bagi. YB. Dato' Speaker, saya ingin mengecam tindakan sekumpulan pemuda yang mereka memperkenalkan diri sebagai pemuda UMNO, wakil-wakil pemuda UMNO yang mencerobohi masuk melalui *gate* utama Dewan Undangan Negeri. Kemudian lalu masuk ke pintu persidangan Dewan Undangan Negeri kita lebih kurang pada pukul 2.00 petang hari ini. Saya menyaksikan insiden ini dari *gate* sampai dia masuk sini, saya amat terkejut insiden ini pertama kali berlaku dalam sejarah sepanjang 57 tahun Dewan Undangan Negeri kita diwujudkan. Kita telah menerima maklumat bahawa insiden ini berlaku, Polis pun ada di tepi sana tetapi kenapa Polis bertindak begitu *slow*, begitu lambat. Polis ada di pondok mereka *gate crash* masuk Polis pun tidak ada tindakan tangkapan. Kita perlu menangkap dengan serta-merta penceroboh tersebut...(tepuk meja). Masuk dalam lokap malam ini esok bawa mahkamah. Kenapa kita masih berunding dengan penceroboh-penceroboh tersebut? Kenapa wakil-wakil UMNO gagal mengawal pemuda-pemuda UMNO? Saya ingat mereka PERKASA, saya ingat mereka NGO, NGL tapi mereka berani beritahu saya mereka Umno dan wakill-wakil kita berapa orang 10 orang, saya tahu bukan arahan tapi *why you cannot control them?* Kenapa *you* tidak boleh kawal dia? Ini kerana sebelum ini pencerobohan masuk goncang *gate* tersebut tiada tindakan daripada polis. Apabila Ghani tiada tindakan. Polis tidak ada tindakan menyebabkan mereka ingat mereka sudah besar ada sokongan dari kawan-kawan sini, mereka sudah otak besar. Masuk sini boleh bincang dengan wakil rakyat macam hendak culik, *occupied the hall state assembly*. Duduk sama dengan meja perundingan dengan sokongan ADUN-ADUN UMNO.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

YB. Dato' Speaker, saya ada cara perbetul keadaan atas apa yang berlaku jangan membiarkan Air Itam terus berhujah begini sebab dia tidak tahu apa yang berlaku.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Pada pandangan saya Jawatankuasa Insiden ini saya sokong 100% usul Padang Kota. Saya hendak tambah. Jawatankuasa Dewan peraturan ini ada Jawatankuasa panggil Jawatankuasa Dewan kena panggil Ketua Polis Negara atau Ketua Polis Negeri berhadapan dengan Jawatankuasa Dewan untuk menanya kenapa sepanjang enam (6) tahun ini insiden-insiden ini tidak dibuka fail? Tidak dibuka *investigation paper*. Kena lapor balik kepada Dewan ini apakah *follow up action*, apakah tangkapan yang telah dibuat ke atas penceroboh-penceroboh tersebut. Semua kita ada nama-nama mereka kita semua tahu, gambar-gambar sudah tahu. Kena tangkap serta-merta. Ini merupakan satu penghinaan kepada Dewan. *Contemp to the house*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sekali lagi saya buat sedikit penjelasan. Sebelum tadi Yang Berhormat-Yang Berhormat nampak berlaku dalam bilik mesyuarat itu sebelum itu kita ada perbincangan. Mungkin Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak begitu faham keadaan sebelum itu. Itu bukan satu rundingan. Itu cuma saya memaklumkan satu keputusan dari pihak saya. Jadi saya rasa itu tidak perlulah bangkitkan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, isunya sekarang ini YB. Dato' Speaker berkenaan pencerobohan ke dalam Dewan. Kita tidak mahu dijadikan berbagai-bagai alasan yang boleh mengeruhkan suasana dan tidak berlakunya suasana yang tidak baik, menambahkan lagi ketegangan dan sebagainya. Sekarang ini yang paling penting bila berlaku satu pencerobohan ke dalam Dewan yang mana kita di dalam Dewan ini berbagai-bagai bentuk perbincangan dan menyelesaikan berbagai-bagai masalah, tetapi bila berlaku insiden satu pencerobohan yang mengakibatkan suasana yang tidak begitu baik bahkan kalau sekiranya berlaku pencerobohan ketika kita sedang adakan persidangan, apa akan berlaku dalam suasana pada ketika itu. Sudah tentu akan menimbulkan lagi ketegangan yang lebih hebat dan dahsyat, sebab itu saya amat sangat dukacita di atas pencerobohan ke dalam Dewan ini. Walaupun di sebut daripada Telok Air Tawar berkaitan puncanya berlaku pencerobohan dengan sebab peristiwa semalam, bagi saya ada ruang, ada tempat boleh digunakan berbagai-bagai cara supaya tidak boleh meletakkan ketidakpuasan hati boleh diselesaikan dengan cara yang lain bukan melalui satu tempat yang kita pertahankan selama ini. Kalau macam rumah kita kalau diceroboh apa perasaan kita? Jadi Dewan ini adalah di bawah tanggungjawab Yang di-Pertua dan menjadi tanggungjawab besar untuk diselesaikan dan kita mengharapkan supaya satu usul daripada Padang Kota tadi saya amat menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Perbahasan terakhir.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Speaker, memang semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah ambil sumpah untuk bertanggungjawab untuk pertahankan Perlembagaan. Insiden berlaku pada petang ini apabila pencerobohan masuk Dewan bukan buka pintu, tetapi tendang pintu. Apakah maknanya? Masuk Dewan tolak, goyang bendera Malaysia dan buang macam ini. Apakah makna ini? Kita semua dalam Dewan ini mesti bertanggungjawab apabila YB. Dato' Speaker, tadi jemput untuk berunding macam mana untuk mengatasi masalah daripada Telok Ayer Tawar, daripada Pulau Betong apa yang telah dipersetujui adakah ditunaikan? Ada tidak? Adakah telah ditunaikan apa dipersetujui dalam bilik YB. Dato' Speaker. Adakah ditunaikan? Saya merayu bahawa apa-apa perkataan yang akan disebut, apa-apa yang kami akan buat tidak bagi satu mesej yang silap faham, supaya anak jahat lagi diberi kerusi bagi dia tinggi sikit, *I warn and I really warn*. Apa kita hendak buat untuk *damage control*, saya persetujui cara macam mana hendak buat, tadi kata tengok macam mana itu tetapi dihadapan orang yang mencerobohi Dewan yang mulia ini. Apa perkataan *you know I know, I don't want to put in any inflammation again, our conscience* YB. Dato' Speaker apa yang telah dipersetujui, *our conscience*, kerana jika pemimpin-pemimpin bagi mesej yang silap kepada orang *that's is a consequence and that is a consequence that we have it*. Saya percaya dan saya ada kawan daripada UMNO, ada orang UMNO baik juga bukan semua jahat, tetapi hari ini apabila mereka mengatakan bahawa mereka mewakili UMNO khasnya daripada Telok Ayer Tawar dikata 3 juta Ahli-Ahli UMNO terlibat. Saya mahu Ahli-ahli UMNO buat satu pendirian di sini ada tidak ada mereka sokong cara pencerobohan pada hari ini di Dewan yang mulia ini. YB. Dato' Speaker, saya merayu, Telok Ayer Tawar saya merayu, pada semua Ahli UMNO saya merayu tanggungjawab kita di Dewan yang mulia ini untuk pertahankan maruah Dewan yang mulia ini. YB. Dato' Speaker, saya menyokong usul dari Padang Kota.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Duduk.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum di bawa untuk, saya minta dibaca sekali lagi *verbatim word for word* apakah bentuk usul dan selepas itu saya minta lima (5) minit *stand down* untuk kami berbincang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua kerana saya diberi kesempatan sekali lagi untuk memberi menggulung terhadap perbahasan usul yang di bawa atas nama saya tadi. Saya rasa *this house has rule to deal with an errant member, any errant member*. Penaga yang berada dalam Dewan Undangan yang lalu pernah diperintah gantung keahlian enam (6) bulan, malahan Ahli Datok Keramat sendiri diperintah keluar satu (1) hari apabila tidak mematuhi arahan daripada Speaker. Saya rasa kita semua tahu bahawa memang ada peraturan yang boleh mengawal keadaan dalam Dewan yang mulia ini, seperti apa yang saya buat tadi saya percaya dengan peraturan, saya bawa satu peraturan *to deal with the issue*. Kalau apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Seri Delima *I'm sure they will something somewhere in this blue*

book that we can deal with him. Why didn't you deal with it. Itulah isu pokoknya, boleh membawa satu usul bawa dia ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Kalau tidak mahu pun boleh usulkan pecat, dua (2) tahun pun boleh asalkan Dewan ini sokong. Itu cara dan semangat Dewan kita memang sudah lama berada di Dewan dan saya mahu mengambil kesempatan menyuruh bahawa kita perlu percaya dengan semangat dan sistem yang ada di sini, bukan seperti apa yang berlaku. Saya tidak suka lihat Telok Ayer Tawar *trying to justify the unjustifiable....*(tepuk meja). Saya rasa itu saja. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sementara kita menunggu hansard supaya diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau ada tolong edarkan. Sekali lagi saya hendak mengatakan di sini sepanjang persidangan Dewan sejak 2013, sememangnya Ahli-Ahli Yang Berhormat faham dan tahu bahawa Speaker memberi ruang yang cukup baik, cukup luas untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk berbahas, malahan sehingga Ahli-Ahli Yang Berhormat berbahaslah sampai tidak ada hujah lagi. Saya berikan masa yang secukupnya. Saya mengakui ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kadang-kadang tidak mematuhi peraturan yang dibangkitkan dan kalau dalam keadaan yang masih boleh sabar, saya juga masing-masing daripada dua (2) pihak saya bersabar saja, saya bagi peluang untuk berbahas malahan isu yang telah pun disentuh oleh Seri Delima semalam pun ada Yang Berhormat yang bangun dan berbahas. Saya rasa itu cara untuk menangani hujah yang tidak dipersetujui. Ada perkataan-perkataan yang digunakan yang mungkin tidak boleh diterima oleh Peraturan Mesyuarat. Sama-sama pun dari dua (2) pihak ada pun ada, tapi saya rasa segala ini Ahli-Ahli Yang Berhormat perlu kita merujuk berdasarkan Peraturan-peraturan Mesyuarat yang ditetapkan. Selagi anda tidak puas hati, selagi anda masih ingin hendak membuat rayuan kepada Dewan ini untuk mengangkat apa-apa tindakan, saya persilakan. *Precedent case* ada, bukan katanya tak ada. So saya rasa mungkin ketoleransi saya itu telah disalahgunakan. Dan saya rasa mungkin saya sendiri akan lebih mengetatkan lagi ruang yang saya berikan itu tidak digunakan dengan sebaik-baiknya. Saya rasa hari ini adalah satu hari yang cukup-cukup sedih dan usul ini telah pun disampaikan ke meja-meja Ahli-Ahli Yang Berhormat, dan saya izinkan supaya sedikit masa diberikan kepada Ahli-Ahli Pembangkang dan saya akan uruskan usul ini sebentar lagi.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya ulang usul yang dibawa. Iaitu bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang membuat ketetapan di bawah Peraturan 30 (viii) berikut:

1. Bahawa DUN Pulau Pinang mengutuk dengan sekeras-kerasnya tindakan rusuhan liar oleh sekumpulan orang yang telah mencero bohi dan menakluki Dewan yang mulia ini pada kira-kira pukul 2.00 petang, 21 haribulan Mei 2014 dan menimbulkan kekacauan, kekecohan dan merosakkan harta benda Dewan serta mengugut keselamatan dan nyawa Ahli-Ahli Dewan, serta pegawai-pegawai dan lain-lain orang awam yang berada di Dewan.

2. Bahawa DUN Pulau Pinang memandang serius tentang tindakan ini yang menghina kemuliaan Dewan Undangan Negeri dan percubaan untuk merosakkan bendera Malaysia dan Negeri Pulau Pinang juga satu penghinaan kepada kedaulatan Dewan Undangan Negeri.
3. Bahawa DUN Pulau Pinang ini menyuarakan kekesalan kejadian ini yang menjadi titik hitam dalam sejarah demokrasi berparlimen.
4. Bahawa DUN Pulau Pinang ini mengarahkan Ketua Polis Negeri untuk menyiasat tingkahlaku yang berunsur jenayah ini dan menghadap mereka yang disabit kesalahan kepada mahkamah supaya kemuliaan Dewan ini ditegakkan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, saya minta Dewan ini berehat sebentar untuk kami berunding. Minta *stand down*....(dengan izin).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

No objection.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan dihentikan, ditangguhkan dan Dewan ini akan bersidang semula jam pukul 5.00 petang.

Dewan ditangguh pada jam 4.50 petang.

Dewan disambung semula pada jam 5.15 petang.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah satu usul yang telah pun dibawa oleh Ahli daripada Padang Kota di bawah Peraturan Mesyuarat 34 (viii) yang sepertimana telah pun diedarkan di atas meja Yang Berhormat-Yang Berhormat. Dewan sekarang (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Peraturan 114 dibahagikan....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada sokongan? Oleh kerana ada sokongan, maka saya minta Setiausaha Dewan menjalankan undian di bawah Peraturan 114. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Dewan berada dalam proses mengundi atas usul yang telah pun dibawa oleh YB. Padang Kota. Silakan Setiausaha Dewan.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, nama Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dipanggil mengikut kawasan, Yang Berhormat yang bersetuju sila nyatakan “Ya.” Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak.” Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak mengundi sila nyatakan “Tidak mengundi.” Saya mulakan dengan Ahli Kawasan Pantai Jerejak.

Setiausaha:

Ahli Kawasan Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Batu Maung.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Maktar bin Haji Shapee):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan KOMTAR.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

“Ya.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

“Tidak mengundi.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

“Tidak mengundi.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

“Tidak mengundi.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

“Tidak mengundi.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

“Tidak mengundi.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

“Tidak mengundi.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

“Tidak mengundi.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

“Tidak mengundi.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

“Tidak mengundi.”

Setiausaha:

Ahli Kawasan Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):

“Tidak mengundi.”

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, keputusan adalah seperti berikut:

“Ya”	=	25
“Tidak Setuju”	=	0 dan
“Tidak Mengundi”	=	10

Jumlah	=	35
		===

Usul dipersetujui. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sesi perbahasan disambung semula. Saya minta Ahli Kawasan Penanti sambung dengan ucapan perbahasan, sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera kepada YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang mulia. Saya menyambung perbahasan saya tadi. Saya mulakan rasa betapa kesalnya terhadap apa yang telah berlaku dan saya mohon agar Jawatankuasa Dewan dan juga pihak DUN atau pun pihak YB. Dato' Speaker untuk mengetatkan kawalan keselamatan, sebab saya pun ada di sini tadi dan bila perbahasan diberhentikan selepas sesuatu yang agak mengejutkan ini ada apa mengganggu saya punya perbahasan, hilang dia punya apa ni *momentum* dia itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

YB. Penanti beri laluan sedikit. Saya juga terkejutlah tadi *voting* berkecuali oleh “Tidak Mengundi” oleh 10 orang wakil rakyat UMNO, *what you are doing today, actually you are condoning their action, your are endorsing their action*. Apa yang kamu buat sekarang hari ni saya rasa amat kecewa, sedih, terkejut, hampa apa lagi... (gangguan). Saya bantu dia, saya kesal dengan amat terhingga kerana insiden paling gelap dalam sejarah demokrasi berparlimen.....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Air Itam duduk. Saya nak ketatkan, duduk saya nak ketatkan. Peraturan Mesyuarat sesuatu usul yang telah pun diselesaikan di dalam Dewan ini tidak perlu disebut-sebutkan lagi, sila YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tadi masa saya berhenti perbahasan saya, saya menyebut berkenaan saya menyanjung tinggi Kerajaan Negeri dalam memberi fokus perlancongan kepada kawasan Seberang Perai dan saya mengambil sangat gembiralah yang kawasan-kawasan luar bandar yang pelancongan eko dan untuk mengambil kira keindahan

semula jadi untuk *attract* pelancong itu saya sangat menyokong usaha-usaha EXCO Pelancongan. Jadi saya mengharap yang infrastruktur pembangunan infrastruktur dan kemudahan rakyat di kawasan kampung dan peruntukan pembangunan diberi secara seimbang oleh Kerajaan Negeri, GLC seperti PDC dan juga PBT sebab dalam persoalan saya dalam soalan lisan, saya ada tanya, kenapakah, sebagai contohnya:

“Kenapakah taman rekreasi yang saya pohon dan juga projek-projek perparitan dan juga jalan dan macam-macam dewan untuk kawasan kampung ini tidak dipertimbangkan.”

Jadi, saya diberi jawapan sebagai contohnya permohonan saya untuk membina taman rekreasi di Taman Guar Perahu di atas tanah kerajaan walaupun telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tanah tapi keputusannya ialah saya disuruh untuk meminta peruntukan dari Kerajaan Pusat. Saya faham kekangan bajet yang dialami oleh Kerajaan Negeri tetapi saya ingin memohon dalam Mesyuarat Tindakan Daerah beberapa mesyuarat pada 28 Mac 2014 dan juga 30 April 2014, disebut yang projek, projek pasar *upgrade* pasar di Seberang Jaya diberi peruntukan RM23 juta, saya telah membuat rayuan dan juga bantahan kepada Kerajaan Negeri dan memohon rayuan dan saya juga telah memohon peruntukan daripada Kerajaan Pusat tapi EPU dalam suratnya pada 26 Februari dia kata dia tak dapat mempertimbangkan sebab ini adalah satu permohonan terus daripada ADUN kepada EPU dan perlu melalui agensi kerajaan seperti Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Lagi satu berkenaan dengan peruntukan infrastruktur asas seperti yang dikatakan sebelum ini kalau di kawasan kampung dia tak ada jalan, tak ada lampu jalan, tak ada sistem perparitan. Tadi saya dah bangkitkan berapakah peruntukan yang diberikan kepada Pejabat Daerah untuk membuat infrastruktur asas ini. Saya belum terima apa-apa lagi jawapan, tetapi di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah pada 30hb April 2014, Pejabat Daerah telah memberitahu permohonan jalan-jalan kampung di kawasan SPT sebanyak RM2 juta lebih yang dipohon oleh Pejabat Daerah hanya mendapat kelulusan RM300 ribu untuk dikongsi bersama di seluruh daerah SPT dan permohonan ini ialah untuk mentarakan dan menaiktarafkan jalan-jalan kampung di seluruh daerah Seberang Perai. Kalau RM300 ribu yang dipohon ialah RM2 juta lebih, ini tidak memadai. Saya juga telah menghantar permohonan kepada MMK Tebatan Banjir untuk membuat atau menaiktarafkan parit-parit, 28 parit kampung, disebabkan kalau tak ada ini, kita tak ada prasarana yang baik di kampung. Jadi macam mana kita nak mempromosikan kawasan kampung, keindahan semula jadi kampung sebagai tarikan pelancongan, sebagai pelancongan keindahan semula jadi, sebab kita nak kekal saya nak kekalkan dan penduduk pun nak kekalkan Penanti sebagai kawasan yang bukan *concrete jungle* kita tak nak, tapi kita tak juga tak mahu yang penduduk di situ menghadapi keadaan yang tidak selesa dengan disebabkan peruntukan yang kononnya seimbang, tapi tak semestinya kita sebut tadi, dia tak jadi seimbang kerana kawasan bandar sudah ada infrastruktur yang asas itu seperti jalan, parit dan lampu jalan.

Sekarang ini ADUN kena pasang lampu-lampu jalan dan di jalan utama pun ADUN kena pasang sebagai contoh kalau *traffic light* kosnya RM70 ribu pihak JKR pun telah menyatakan bahawa mereka tidak ada peruntukan dan kena guna peruntukan ADUN, peruntukan ADUN sepatutnya adalah untuk projek-projek kecil dan ini tak mencukupi dan saya nak merayu kepada Kerajaan Negeri memberi peruntukan

kepada Pejabat Daerah supaya mereka dapat memberi kemudahan asas seperti taman permainan, taman rekreasi, padang bola, dan macam-macam, dewan, membaiki dewan, sekarang ini membaiki dewan pun banyak dewan-dewan seperti di Kampung Tun Sardon yang dah ada dewan tetapi kena dibaiki dan mengambil masa yang agak lama dan kalau nak guna peruntukan ADUN memang tidak mencukupi. Seperti yang saya sebut sebelum perbahasan saya tadi terganggu, saya ada sebut pasal saya menyarankan kepada Kerajaan Negeri untuk mewujudkan satu peruntukan khas untuk membaiki jalan-jalan kritikal yang berbahaya bila berlaku pemendapan atau pun pecah *culvert* sebab ini sangat membahayakan kepada penduduk. Jika JKR tidak ada peruntukan khas dan maka dan jika JKR hanya kena buka tender dan panggil kontraktor ini akan makan masa yang agak panjang seperti yang saya sebut tadi, JKR kalau nak minta peruntukkan pada tahun hadapan kena minta sebelum Februari bulan dua (2) lagi apa macam mana kalau benda-benda yang berlaku dalam bulan tiga (3), bulan empat (4) dan bulan lima (5) maknanya kena tunggu 2016. Jadi saya sangat mengharapkan supaya Kerajaan Negeri memberi peruntukkan kepada satu akaun khas untuk perkara-perkara jalan-jalan bahaya dan juga jalan-jalan juga ditambahkan peruntukkan MARRIS yang diberikan JKR SPT. Satu lagi yang saya nak timbulkan ialah kalau ditengok dalam ucapan T.Y.T. menyebut pasal jalan raya dan lalu lintas, kalau di situ dia ada sebut dan saya sangat terima kasih yang jalan jambatan, jalan tanah liat telah siap dibuat sebenarnya RM1/4 juta. tapi kalau dibandingkan jalan-jalan yang dibuat di bandar dalam ucapan T.Y.T. itu jalan itu mendapat lebih RM20 juta. Jadi kalau dibandingkan macam Penanti kawasan kampung RM1.4 juta, tapi jalan yang lagi satu lebih RM20 juta, bermakna kena ada satu (1) keseimbangan dari segi peruntukan bagi kawasan kampung dan bandar.

Dalam ucapan T.Y.T. saya menyambut baik ucapan T.Y.T. mengenai Pembangunan Sukan dan Belia itu nombor 29, bercakap berkenaan dengan kompleks sukan dan sebagainya. Saya nak menyebut di sini yang Kampung Mengkuang Titi dan juga Guar Perahu telah melahirkan pemain-pemain bola sepak muda yang telah terpilih antara enam (6) pemain bola sepak muda yang terbaik di Malaysia dan telah menang dalam program realiti ASTRO mencari RAMLY dan telah di hantar ke Manchester United selama sebulan dari 25 Mac sehingga 22 April pada 2014. Salah seorang yang terpilih ialah Mohamad Faizal bin Abdul Halim, jadi dia pun telah mengajar saya macam mana main bola, tapi saya nak sebut di sini keadaan kampung yang tidak ada prasana yang baik pun tidak ada stadium dan tidak ada apa-apa pun boleh melahirkan pemain-pemain bola yang ada potensi. Jadi saya mengharap yang permohonan saya yang saya telah hantar kepada UPEN pada November 14, 2013 untuk membuat Pusat Rekreasi Bersepadu dengan tempat futsalnya dengan badmintonnya akan diluluskan. Kalau tak boleh bagi duit semua pun bagi sikit-sikit pun tak apa daripada terus ditolak, dan suruh saya untuk mencari duit dari Kerajaan Pusat.

Berkenaan dengan Pembangunan Sukan dan Belia juga, dalam ucapan T.Y.T ada menyebut pasal Pusat Pembelajaran dan Kafe Sains yang memfokus pada STEM pada muka surat 16, iaitu Sains, Teknologi dan Matematik. Saya nak menyebut di sini yang saya sekarang ini tengah mengusahakan Pusat-pusat Inovasi di KADUN Penanti supaya budak-budak di situ dia tak hanya pergi ke *cybercafe* sahaja atau pun hanya pergi membuang masa ataupun pelajar-pelajar laki yang tak minat belajar melalui pembacaan buku, dia boleh belajar berkenaan Sains dan Teknologi dan Inovasi melalui eksperimentasi seperti yang dibuat di Kafe Sains. Jadi saya telah memohon untuk membuat Pusat Inovasi pada MMK Industri dan Antarabangsa, tapi

entahlah semasa Mesyuarat itu telah diberitahu yang permohonan saya itu dah dikeluarkan daripada minit mesyuarat. Selepas itu apabila dibantah oleh saya baru dimasukkan balik, tapi peruntukan apa-apa atau apa-apa bantuan memang tak dapat. Saya nak mengharap di sini supaya *Science Cafe* itu ataupun Kafe Sains yang dibuat oleh yang inisiatif oleh Kerajaan Negeri itu juga yang sekarang ini ada di Crystal Point dan tempat-tempat lain di Pulau. Saya harap Kafe Sains ini juga dilanjutkan dan diadakan, dibina ataupun dibuat di kawasan-kawasan kampung untuk membantu kanak-kanak di kampung. Sebagai contohnya sebab saya sekarang ini saya cuba guna madrasah dan juga perpustakaan desa untuk cuba buat Pusat Inovasi apa yang boleh, tapi macam saya kata peruntukan ADUN memang tidak mencukupi untuk guna untuk lampu, jalan, bangunan rosak dan semua benda memang tak cukup. Jadi saya harap Kerajaan Negeri akan membantu membuat mungkin Kafe Sains juga di kawasan-kawasan kampung di Seberang Perai di kawasan Penanti sebagai contohnya sebab Penanti kita ada 28 kampung, kita memang kawasan kampung, jadi saya harap Kerajaan Negeri akan membantu.

Lagi satu yang saya nak bangkitkan di sini adalah masalah sampah. Bukan kita kata nak kawasan kampung itu kita nak, Kerajaan Negeri nak jadikan tempat tarikan pelancongan buat *homestay* dan macam-macam tapi di kalau kita tengok di taman-taman MPSP akan mengutip sampah dari setiap rumah, tapi di kampung mereka terpaksa menggunakan tong-tong sampah komunel yang diletakkan di tepi jalan untuk dikongsi oleh penduduk selalunya macam tiga (3) kampung kongsi dalam satu tong. Jadi saya telah saya ingin mencadangkan supaya pihak UPEN, sebab cadangan ini asalnya daripada UPEN dalam forum pelupusan sampah yang dianjurkan oleh Exco Persekitaran jadi Timbalan Pengarah juga telah membuat cadangan yang UPEN boleh memperuntukkan bajet untuk membeli mesin sisa makanan kitar semula untuk setiap kampung atau pun pusat kitar semula. Sekarang ini saya cuba membaik pulih dewan yang telah ditinggalkan yang jadi gajah putih untuk dijadikan pusat kitar semula di kampung Tun Sardon dan saya dengan brigid wanita, di KADUN Penanti kita ada 120 brigid wanita dan 10 pasukan terdiri daripada wanita-wanita muda dan campur-campur tua pun ada di setiap kawasan JKKK dan apa yang kami buat sekarang ini ialah bekerjasama dengan koperasi ibu tunggal dan wanita dan kami buat projek *zero waste community project* ...(dengan izin), maknanya kita guna minyak terpakai, minyak makan yang dah terpakai dan juga kain-kain terpakai yang terbuang dari *shopping complex* seperti KAMDAR untuk dibuat beg dan dijual supaya ini boleh menjana pendapatan kepada wanita-wanita yang di kampung yang kadang-kadang dia orang bekerja kilang ataupun dia berniaga di tepi jalan ataupun dia mengasuh anak-anak, jadi bila dia guna barang-barang terpakai ini akan membantu MPSP mengurangkan sampah yang dihantar ke Pulau Burung dan juga di Ampang Jajar dan akan mengurangkan kos, jika kampung-kampung ini boleh mengurangkan sampah mereka. Jadi saya amat mengharap jika UPEN boleh memperuntukkan bajet. Dalam jawapan yang saya terima, bila saya tanya ini jawapan nya ialah Ahli Majlis MPSP telah beri, maknanya Ahli Majlis boleh guna untuk boleh guna peruntukan mereka untuk beli mesin sisa makanan kitar semula ini, tapi di KADUN Penanti kita tak ada, kita kawasan kampung dan MPSP tidak memberi banyak servis di situ. Jadi banyak kita punya berharap kepada Pejabat Daerah jadi saya harap UPEN boleh memberi peruntukan bajet ini untuk bina Pusat Kitar Semula ataupun beli mesin sisa makanan kitar semula di setiap kampung. *Insyaa-Allah* dan ini akan menggalakkan sifar sampah di kampung-kampung.

Soalan seterusnya saya nak mohon. Saya nak tanya bilakah ini pasal prasarana kemudahan di kampung juga, saya nak tanya bilakah PBA akan menjalankan kerja-kerja pemasangan paip di perkampungan Sungai Lembu iaitu perkampungan Cina, mereka ini perkampungan yang dah lama, tapi sampai sekarang mereka tidak ada *main pipe*, paip utama PBA, mereka kena guna air bawah tanah dan air itu dah jadi teruk. Jadi JKR tidak sekarang ini terdapat kemalangan yang agak teruk sangat di depan Sekolah Rendah Sungai Lembu sebab Sungai Lembu ini kawasan dia macam berbukit jadi bila kereta datang dia akan datang dengan laju dan menyebabkan kemalangan. JKR telah berkata yang mereka boleh *resurface* dan meletakkan garisan *thermoplastic* iaitu garisan merah yang memperlambatkan kelajuan kereta sebab mereka tidak mahu letak *traffic light* tapi JKR tidak boleh memulakan kerja-kerja *resurface* itu dan meletakkan garisan *thermoplastic* selagi pemasangan paip PBA tidak dijalankan. Saya harap projek PBA untuk meletakkan paip PBA, yang paip utama yang tertunggak hampir setahun dan memandangkan kawasan tersebut kawasan berbukit dan kenderaan sering dipandu dengan laju maka kemalangan kerap berlaku di persimpangan masuki ke Sekolah Cina Sungai Lembu, saya harap pihak PBA cepat-cepat letak *main pipe* itu supaya penduduk mendapat air dan JKR boleh cepat-cepat pasang, mulakan kerja-kerja *resurface* dan letakkan garisan *thermoplastic*.

Di sidang DUN yang lepas, untuk memastikan ada keseimbangan peruntukan di antara kawasan, saya rasa di sidang DUN yang lepas, saya telah mencadangkan agar proses perbincangan dan dialog pra bajet untuk mengumpul dan mengambil kira input dan keperluan dari ADUN, JKPP, Persatuan Penduduk dan juga NGO diadakan sebelum bajet tahunan dibentangkan, dibahas dan diluluskan dalam sidang DUN, tetapi sampai sekarang saya tidak nampak apa-apa respon daripada Kerajaan Negeri. Tapi dari PBT saya sangat menyambut baik, baru-baru ini mereka telah melancarkan *Gender Participatory Responsive Budget* dan telah mengajak brigid-brigid wanita saya untuk datang mengisi *survey* apakah bajet yang diperlukan oleh wanita dan brigid-brigid wanita. Saya sangat menyambut baik kaedah ini sebab ia mengambil kira suara wanita dalam bajet PBT.

Saya juga menyambut baik projek printis apa rakyat mahu, satu inisiatif oleh Ahli Majlis David Marshall dan juga MPSP Watch iaitu Bernard Chin yang telah *target* sekurang-kurangnya 5,000 penduduk untuk *online*, dia tanya MPSP ada bajet RM200 juta setahun dan penduduk di situ RM800 ribu dan dia tanya kalau kita bahagi RM200 juta dengan RM800 ribu dapat RM250.00 jadi penduduk di suruh untuk bagi kalau awak ada RM250.00 nak guna duit itu untuk apa? Keutamaan, keperluan yang hendak, dalam cara yang mudah kalau tengok bajet RM200 juta dia tak boleh nak masuk dalam kepala dia, untuk penduduk kampung selalu tak faham tapi bila tengok RM250.00, saya nak guna duit untuk apa? Kebersihan atau apa, dia boleh masukkan *priority* dan sama juga kaedah yang digunakan oleh PWDC iaitu *Participatory Gender Responsive Budget* di mana dia bagi RM500.00 duit olok-olok dan penduduk undi dengan duit itu, dia guna untuk apa? Saya harap kaedah begini boleh diteruskan dan dikembangkan ke peringkat negeri, bajet negeri dah mengambil kira input daripada ADUN dan JKPP dan persatuan penduduk dan kariah.

Seterusnya saya harap disebabkan oleh sistem perparitan yang sangat uzur YANG disebut tadi, saya harap MMK Tebatan Banjir akan meluluskan 29 projek membaiki, menaik taraf dan membina saluran baru di KADUN Penanti supaya banjir kilat tidak berlaku, sebab selalunya taman-taman perumahan, macam saya sebutkan

tadi di kawasan yang tinggi, tapi air akan turun ke kampung. Di kawasan Penanti *Alhamdulillah*, dulu kita ada 9 kawasan banjir lumpur yang sangat teruk, sekarang sejak November 2013 selepas dah dipasang *silt trap*, 4 *mobile pump*, penutupan laluan sungai, mendalamkan Sungai Mengkuang dan membina parit menaik taraf parit tanah kepada parit konkrit di beberapa tempat seperti Kubang Semang dan Mengkuang Titi tapi menggunakan peruntukan saya memang tak cukup dan saya amat berterima kasih kepada JPS dan juga Jabatan Bekalan Air di Kerajaan Pusat yang telah membantu membina *mobile pump* dan telah sejak itu kami tidak ada lagi banjir lumpur yang teruk pada September dan Oktober, sampai mencecah dekat bumbung walaupun hujan hanya setengah hingga satu jam.

Seterusnya saya nak mencadangkan agar ini pasal pokok-pokok, sebab pokok-pokok bila dia tak dijaga akan menyebabkan jatuh di dalam sungai dan menyebabkan banjir juga, saya nak cadangkan juga Akta Kacau Ganggu yang dikeluarkan oleh pihak MPSP diperluaskan dan merangkumi penebangan pokok-pokok tua yang membahayakan penduduk dan rumah-rumah penduduk terutama di kawasan kampung. Memandangkan musim sekarang yang tidak menentu dan musim hujan, dikhuatiri pokok-pokok yang telah tua dan mati akan tumbang dan boleh menyebabkan perkara-perkara yang tidak diingini akan berlaku. Kita sedia maklum bahawa penebangan pokok di kawasan kampung adalah bukan di bawah bidang kuasa pihak MPSP tetapi menjadi tanggungjawab pihak berwajib untuk mengelakkan sebarang kejadian yang buruk dan membahayakan penduduk.

Justeru itu saya mencadangkan agar pihak MPSP mewujudkan satu kaedah iaitu menggunakan Akta Kacau Ganggu untuk mengeluarkan perintah untuk kos pemotongan pokok dimasukkan dalam cukai tanah. Akta ini adalah untuk penebangan pokok-pokok yang membahayakan penduduk apabila tuan tanah tidak mahu memberi kebenaran untuk menebang pokok yang telah tua. Kalau nak tebang pokok guna peruntukan saya, kos tebang satu pokok adalah RM3,000 paling kurang. Jadi memang peruntukan ADUN tidak cukup dan kalau kita nak guna, saya guna buat gotong-royong dengan penduduk untuk potong pokok tetapi ada setengah-setengah pokok kita tak boleh guna gotong-royong sebab gotong royong itu kita perlukan *skill* sebab bila potong pokok tu, dia jatuh kena rumah orang, jadi saya harap cadangan supaya kos penebangan pokok itu dimasukkan dalam cukai tanah itu diambil kira oleh pejabat tanah.

Seterusnya saya nak tanya berapa lamakah jangka masa yang di ambil oleh UPEN untuk memproses dan memberi kelulusan kepada individu yang telah dikenal pasti oleh Pusat Khidmat di bawah Program Pembasmian Kemiskinan AES. Ini disebabkan senarai nama dan borang seramai 35 orang, yang telah dikemukakan oleh Pusat Khidmat melalui Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah pada bulan September 2013 yang lalu hingga sekarang masih tiada apa-apa keputusan dan maklum balas. Pemohon-pemohon bagi program ini telah dikenal pasti melalui program ziarah pada bulan Ramadan tahun lalu di mana saya dan pegawai Pusat Khidmat dan JKKK telah turun dan jumpa penduduk yang layak.

Bagi ADUN saya hanya beri peruntukan *One Off* tapi mereka ini memerlukan keperluan harian. Kami juga tolong minta dari Pusat Zakat dan sebagainya tapi kami juga minta kepada program pembasmian kemiskinan sebab Y.A.B. Ketua Menteri selalu sebut dalam ceramah dan *speech* yang Pulau Pinang tak ada orang yang miskin. Kalau kita ada program ini, program pembasmian kemiskinan tetapi proses itu

sangat lama macam saya kata saya hantar September sampai sekarang tidak ada maklum balas langsung. Lagi satu yang kita mohon pada UPEN ialah untuk membaiki 10 rumah yang sangat teruk sebab setengah rumah saya guna peruntukan saya tapi 10 buah rumah dah terlampau banyak saya tak cukup duit, kita juga mohon peralatan untuk 10 pemohon membeli peralatan mesin jahit, mesin kuih, mesin tebu dan sebagainya. Buat masa ini saya tak terima apa-apa maklum balas dari UPEN ataupun Pejabat Daerah selalu kata benda ini akan masuk mesyuarat tetapi dah lama sangat nak masuk mesyuarat, tak tahu apa, saya harap proses ini kelulusan ini proses maklum balas ini dipercepatkan. Ini penting juga, sekejap ya, berkenaan dengan lampu jalan, saya nak tanya kenapakah kita tidak menerima langsung banyak kali saya tanya dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, bila kita nak dapat maklum balas dan pemberitahu berkenaan permohonan lampu jalan tetapi tak terima. Dan ini sangat susah bila tak ada lampu jalan, *accident* berlaku dan macam-macam menimbulkan tanda tanya dan marah daripada penduduk, ini yang *almost* nak habis ialah berkenaan dengan bagi Pejabat Daerah ataupun Pejabat Tanah saya nak mohon boleh tak Pejabat Tanah mempertimbangkan rayuan pembelian rumah di projek perumahan Taman Guar Perahu Indah yang mengambil masa 10 tahun untuk disiapkan sebab pemaju asal bankrap dan di ambil alih oleh SPN tapi pembeli rumah terpaksa membayar tunggakan termasuk denda lewat pada Pejabat Daerah dan mereka telah membuat rayuan kepada Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah telah hantar kepada Pejabat Tanah dan Galian tetapi Pejabat Tanah dan Galian telah menolak rayuan mereka, sebab bila pemaju ambil 10 tahun lewat, tetapi kenapa pembeli rumah itu kena bayar 10 tahun tunggakan. Jadi saya harap Pejabat Tanah Negeri boleh mempertimbangkan supaya cukai tanah dikurangkan.

Lagi satu yang sangat penting, ini soalan lisan saya. Saya ada mencadangkan agar Kerajaan Negeri melalui Projek Titian Saksama Rakyat di PDC membantu memberi *matching fund* kepada Tabung Pembiayaan Mikro Kredit yang diusahakan sendiri oleh koperasi sebagai contohnya Koperasi Peniaga Pasar Aneka Taman Selat Butterworth Berhad yang mempunyai 300 ahli untuk peniaga-peniaga kecil yang berniaga di Ropewalk Bagan dan juga Persatuan Peniaga Pasar Malam yang mempunyai 1,000 ahli dan kepada Koperasi Ibu Tunggal Dan Wanita SPT yang mempunyai lebih 100 ahli ibu tunggal. Mereka ini mengumpul dana mereka sendiri. Saya nak mencadangkan disebabkan mereka ini contohnya Koperasi Ibu Tunggal Dan Wanita mereka buat projek-projek *zero waste*, membuat beg dari kain-kain terbuang, *banner* terbuang dan juga koperasi peniaga ini mereka ini membantu peniaga-peniaga pasar malam dan juga peniaga-peniaga di Ropewalk Bagan, mereka memberi mikro kredit. Sistem mereka ini ialah supaya ia bertujuan menghalang peniaga kecil daripada bergantung kepada 'along'. Sistem yang mereka buat ini adalah pertama koperasi yang pertama sekali yang dibuat di Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi suruh dah suruh dia jadi contoh kepada koperasi lain. Apa yang mereka buat ialah mereka memberi beri pinjaman dalam masa 48 jam maknanya cepat macam 'along,' tapi dia mudah mudah tapi dia halal dan tanpa faedah dan mereka kutip balik, kalau dia pinjam RM500.00 dia tolak peniaga dapat RM470.00, so dia boleh guna *fund* itu dia kutip duit tu balik RM10.00 sehari dan dia dapat 0.50 sen sebagai upah untuk kutip, dan ini adalah perkara-perkara ini akan membantu peniaga-peniaga kecil untuk mendapat dana untuk berniaga.

Jadi saya harap PTSR ataupun Kerajaan Negeri boleh membeli *matching fund*, sebab sekarang saya tengok MMK Koperasi dia mempunyai peruntukan yang banyak juga RM500,000. tapi apakah dia *outcome* daripada RM500,000 yang diperuntukkan

pada MMK Koperasi. Saya rasa kalau buat yang macam ini sebab sebagai contoh koperasi ibu tunggal dia kumpul duit dia ada RM50,000 Koperasi Aneka yang *Ropewalk* Bagan tu dia pun ada kumpul RM50,000 kalau Kerajaan Negeri *just* tambah atau pun MMK Koperasi *just* tambah RM50,000 dia ada tambahan, dia ada dana yang lebih banyak dan ini akan membantu mereka untuk berniaga dengan cara baik. Lagipun dia orang koperasi tertakluk pada syarat-syarat koperasi, mereka ada, mereka ini bukan persatuan yang mereka ni mengikut *guideline-guideline* atau pun peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi so *insya-Allah* risiko akan kurang.

Last sekali saya nak mohon supaya diselaraskan ini untuk membantu penjagaan kanak-kanak, saya nak memohon supaya diselaraskan polisi mendapatkan lesen TADIKa sama di Pulau dan sama di Seberang Perai, buat masa ini polisi lesen TADIKa di Pulau dan di Seberang Perai tidak sama. Jadi Persatuan TADIKa dia mengatakan yang penjagaan anak-anak adalah satu perkhidmatan sosial sebab kalau tidak ada penjagaan anak-anak yang baik, kalau rakyat Pulau Pinang macam kita kena menghargai, yang setengah-setengah bisnes itu kita kena beri macam insentif dan pertolongan supaya sebab dia menjaga, kalau ibu-ibu di Pulau tidak rasa terlampau rasa terlampau mahal untuk ada anak apa akan jadi, pertambahan penduduk kita jadi dan ramai orang takkan kahwin. Ini akan menyebabkan satu masalah sosial. Mereka memohon supaya polisi lesen tadika diselaraskan di Pulau oleh MPPP dan juga MPSP. *Last question* pasal bas itu je *last almost last* dalam sidang DUN yang dulu saya dah minta supaya ada pengangkutan awam sebab Penanti tidak ada pengangkutan awam bas tak ada, *Alhamdulillah* saya mendapat khabar gembira yang apa ni bas *City Liner* akan datang ke Penanti melalui dua (2) laluan tapi sampai sekarang ni saya tak diterima, saya selalu terima kalau emel dia sebut pasal Machang Bubuk saja tapi tak dak berita pasal Penanti saya harap tidak ada diskriminasi untuk kawasan kampung. Rasanya setakat ini saja saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua Dato' Speaker. *Assalamualaikum Warahmatuallah Wabarakatuh* salam sejahtera dan salam 1Malaysia. terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Ucapan Terima Kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana telah menyampaikan ucapan dan merasmikan penggal baru Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 19 Mei 2014. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun kerana kehadirannya ke Dewan ini memberi rancangan dan iltizam yang kuat kepada saya dan rakan-rakan yang lain untuk terus memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat yang sentiasa memberi sokongan kepada kita selama ini. Saya juga berdoa semoga *Allah S.W.T.* memanjangkan usia Tun dan Toh Puan serta memelihara kesihatan mereka berdua agar dapat terus mencurahkan khidmat bakti kepada negeri yang tercinta ini. Kepada semua pejuang yang mempertahankan maruah Negara dan Negeri ini dari penjajahan serta pemimpin terdahulu yang membawa dan mengekalkan kemerdekaan tanah air, saya

mengucapkan jutaan terima kasih dan kepada *Allah* sahaja yang dapat membalasnya. Kepada yang telah pergi lebih awal dari kita semua saya mendoakan supaya mereka diberi ganjaran yang setimpal dan ditempatkan bersama golongan-golongan orang yang soleh dan solehah.

YB. Dato' Speaker saya ingin memulakan ucapan menyokong saya pada petang ini dengan merujuk kepada Perenggan 19 Ucapan Perasmian Penggal Kedua Tun Dato' Seri Utama Tun Abdul Rahman Haji Abbas di bawah tajuk Pemuliharaan Alam Sekitar. Alam sekitar adalah hak milik kita semua dan perlu dijaga dan dipelihara sehinggalah kiamat. Kita tidak boleh rakus kerana ia adalah warisan dari satu generasi kepada generasi yang lain. Saya memberi contoh yang mudah, jika datuk nenek kita dahulu begitu rakus dengan pembangunan yang tidak terancang dan tersusun sudah pasti kita tidak lagi dapat melihat suasana hijau di sekeliling kita sekarang ini, tetapi datuk nenek kita dahulu tidak tamak, tidak haloba dan mementingkan diri sendiri, mereka masih memikirkan nasib anak cucu mereka pada masa mendatang. Jadi mereka meneroka hutan atau bukit secara berhemah, mampan dan lestari. Sebab itu hutan hijau masih kekal hingga sekarang untuk tatapan kita semua. Saya rasa terpenggil untuk memperjuangkan isu Bukit Relau kerana ia membabitkan masa depan kita semua termasuk untuk anak, cucu dan cicit kita semua. Bukit bukau dan kawasan hijau perlu diteruskan dan dipertahankan agar kekal dinikmati oleh kita dan generasi akan datang. Kita tidak mahu suatu hari nanti kita semua dipersalahkan oleh generasi selepas ini kerana kita gagal menjaga amanah *Allah* ini dengan baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sejak isu Bukit Relau atau mendapat jolokan Bukit Botak ditimbulkan sejak awal tahun lalu tidak banyak perubahan yang dapat kita lihat ke arah pemuliharaan dan pemulihan semula tanah atas bukit itu yang telah digondolkan oleh pemiliknya. Ia masih kekal seperti itu tanpa banyak perubahan yang dapat kita lihat dengan mata kasar terutama semasa berada atas Jambatan Pulau Pinang menuju ke arah Pulau. Saya pun tertanya apa yang dilakukan Kerajaan Negeri dan pemiliknya sendiri bagi memulihkan semula keadaannya. Saya ingin merujuk kepada keratan akhbar Sinar Harian bertarikh 7 Januari 2014 yang memetik kenyataan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Pulau Pinang Encik Ang Aing Thye yang menyebut pemilik tanah Bukit Relau iaitu General Accomplishment Sdn. Bhd diberi tempoh sebulan untuk mengemukakan plan pemuliharaan semula tapak, plan mitigasi bagi mengelak berlaku lagi kejadian gelinciran tanah serta pencemaran akibat aliran lumpur di bahagian hilir kawasan bukit itu. Sidang media itu turut dihadiri oleh Ahli Kawasan Padang Kota yang juga alam sekitar dan juga EXCO maaf yang juga EXCO Alam Sekitar dan juga Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati, di dalam soalan lisan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan, saya ada perasaan saya ada *attend press conference* macam ini.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Padang Kota.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Padang Kota dia memang....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Oh! Saya minta maaf bukan alam sekitar, EXCO Kerajaan Tempatan, pembetulan, saya minta maaf EXCO Kerajaan Tempatan. Yang Mulia Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam soalan lisan oleh saya kepada Yang Berhormat Chow Kon Yeow saya telah pun bertanya mengenai keadaan Bukit Relau yang telah digondol oleh pemiliknya pada awal tahun lalu dan jawapan yang saya terima amat menyenangkan, di mana beliau memaklumkan kepada saya bahawa pelan mitigasi telah pun diluluskan pada 21 April 2014 dan pemilik tanah sedang menjalankan kerja-kerja mitigasi seperti berikut, pertama membina kolam endapan di tapak bahagian bawah dan membina parit *line* konkrit terlebih dahulu sebelum memulakan kerja-kerja penstabilan tebing cerun dan kerja-kerja mitigasi dijangka dapat disiapkan dalam tempoh enam (6) bulan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati merujuk kepada jawapan yang diberi jelas bahawa pelan mitigasi telah pun ada dan diluluskan bertarikh 21 April 2014 dan saya percaya pelan ini adalah satu (1) pelan bagi mengelak berlaku sebarang kejadian kegelinciran tanah serta pencemaran akibat aliran lumpur di bahagian hilir kawasan bukit itu. Oleh itu, soalan saya kepada Yang Berhormat Chow Kon Yeow, EXCO yang berkenaan sama ada pelan mitigasi ini turut...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sebut kawasan saja.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Minta maaf saya *is a bit blur* sikit petang dah sangat ni. Yang Berhormat Padang Kota sama ada pelan mitigasi ini merangkumi kerja-kerja restorasi di atas tanah tersebut, bukan sekadar untuk mengelakkan berlakunya kegelinciran atau tapi ia haruslah melibatkan kerja-kerja untuk memulihkan memulihara tanah tersebut dengan menanam pokok dan sebagainya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta laluan, pada hari pertama Yang Berhormat Bertam, saya telah pun menunjuk sekeping gambar dalam Dewan ini pada Padang Kota kata itu tak tergambar bila saya ada *satelite images* 2013, 2014. Bukit ini tak ada tapi sini ada satu (1), dua (2) tiga, ini menunjukkan selain daripada bukit ini digondolkan ada lagi dua (2) kawasan yang sekarang yang sedang dalam proses penggondolan, so mungkin Yang Berhormat juga harus melihat saya serahkan kepada Bertam sebab ini isu dia ini ialah perkara-perkara yang saya rasa tidak ambil berat oleh pemaju-pemaju, mereka tahu salah mereka buat lagi kerana apa mungkin kerana tidak ada tindakan drastik yang menghalang mereka daripada mengulangi atau pun membuat orang lain takut untuk membuat perkara yang sama. Terima kasih Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Oleh itu saya memohon kepada Yang Berhormat Padang Kota kalau boleh pelan mitigasi ini dibentangkan di dalam Dewan bagi kita sama-sama melihat sama ada pelan mitigasi ini merangkumi kerja-kerja pemuliharaan tanah tersebut. Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri mengenai rasional di sebalik tindakannya mengarahkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Sesyen George Town yang menjatuhkan hukuman denda RM30,000 terhadap Syarikat General Accomplishment Sdn. Bhd kerana menjalankan kerja-kerja tanah di Bukit Relau tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Tempatan ataupun di dalam jawapan yang diberikan kepada saya iaitu kerja-kerja tanah haram. Ini kerana saya rasa agak malu dengan ulasan hakim ketika proses rayuan apabila Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Zamani Abdul Rahim pada 24 Mac 2014 berkata Mahkamah Tinggi menolak rayuan yang dikemukakan dengan mengekalkan keputusan mahkamah sesyen yang memerintahkan denda RM30,000 terhadap General Accomplishment Sdn. Bhd. Saya ingin memetik kenyataannya yang berbunyi perlu ada sebab kukuh untuk membuat rayuan bukannya rayuan dibuat untuk tujuan merayu semata-mata. Ini kerana jumlah denda yang di putuskan oleh Mahkamah Sesyen adalah lebih daripada separuh denda maksimum RM50,000 yang diperuntukkan di bawah Seksyen 70A(1) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974. Kenyataan seterusnya berbunyi, saya tidak melihat apa-apa alasan kukuh untuk campur tangan dalam keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Sesyen.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berpendapat setelah mahkamah memutuskan hukumannya, Kerajaan Negeri tidak perlu membuat rayuan kerana hukumannya tidak begitu berat disebabkan pendakwaan dibuat mengikut Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974. Sepatutnya Kerajaan Negeri mencari peruntukan undang-undang atau akta lain yang lebih tegas sebelum mengemukakan pendakwaan bagi menimbulkan kesedaran kepada pemilik tanah di negeri agar tidak sesuka hati membotakkan tanah atas bukit milik mereka tanpa kebenaran. Selain tindakan mahkamah Kerajaan Negeri masih mempunyai pilihan iaitu menggunakan kuasa dalam pelbagai peruntukan undang-undang yang ada melalui MPPP untuk tidak meluluskan sebarang pelan pembangunan untuk apa-apa projek atas tanah itu sebagai hukuman ke atas pemiliknya. Dalam hal ini saya merasakan bahawa kerajaan tidak perlu membazir masa berhujah di mahkamah sedangkan dia mempunyai saluran lain untuk mendidik pemaju atau pemilik tanah yang rakus.

Yang Berhormat Dato' Speaker perkara kedua yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan ini ialah berkenaan makanan yang suci lagi halal untuk orang Islam khususnya dan Penduduk Pulau Pinang amnya. Perkara ini tidak wajar di pandang remeh atau mudah kerana ia melibatkan hukum syarak dan boleh menjejaskan tahap keimanan seseorang jika terus mengisi perut dengan benda yang kotor, najis tidak halal ataupun subahah. Mungkin ada setengah penyedia makanan yang tidak memberi tumpuan kepada bahan-bahan makanan termasuk penyediaan bahan-bahan mentah yang akhirnya menjadi subahah dan tidak halal akibat bercampur atau tercampur dengan bahan-bahan terlarang tanpa disedari. Hasil atau kesan operasi pembersihan premis makanan yang dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan lain termasuk MPPP dan MPSP sejak kebelakangan ini amat menakutkan dan menggelikan tekak untuk terus menyuap makanan di kedai atau restoran. Berdasarkan gambar dan laporan media

kita dapat lihat macam-macam insiden yang tidak pernah kita fikirkan ini termasuk adanya najis-najis kucing, najis-najis tikus, bangkai tikus di dapur, ikan dan sayur diletakan di atas lantai dan setengahnya di letakkan di tepi tandas. Kita tidak mahu lagi mendengar cerita-cerita yang kurang enak seperti periuk-periuk yang tidak dibasuh ayam yang tidak disembelih ataupun yang disembelih tanpa uratnya putus dan lain-lain lagi.

Dengan yang demikian saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri memberi sesi penerangan atau ceramah khas kepada semua pengusaha nasi kandar untuk menjaga kebersihan dan menyediakan makanan halal kerana kebanyakannya masih belum memiliki sijil halal. Kita perlu memberi kesedaran bahawa makanan yang disediakan oleh orang Islam belum tentu suci dan halal jika menggunakan bahan-bahan yang subahah. Jadi untuk memberi jaminan kepuasan tanpa was-was kepada semua pengguna Islam kedai nasi kandar dan peniaga kedai makan orang Islam pun wajib mempunyai sijil halal. Itu satu hal yang mungkin lebih mudah sebab pengusaha kedai makanan adalah orang Islam. Bagaimana pula dengan premis makanan orang bukan Islam yang menyediakan makanan bukan untuk orang Islam, kaedah sekarang ini adalah menggalakan mereka memohon sijil halal. Untuk itu saya berpendapat penggunaan sijil halal wajib ke atas semua restoren dan kedai makanan yang menyediakan makanan untuk orang Islam agar ia dijamin halal.

Ahli-Ahli Yang Berhormat baru-baru ini kita juga dikejutkan dengan berita mengatakan bahawa ayam-ayam yang dijual di pasar raya, ayam-ayam yang dijual di pasar-pasar awam ada yang tidak disembelih mengikut hukum syarak yang sebenar. Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan kepada Kerajaan Negeri supaya kalau boleh saya ingin merujuk kepada apa yang dilakukan di Negeri Kelantan iaitu dengan mengadakan, memberi sijil-sijil halal kepada pusat-pusat penyembelihan. Ini dapatlah kita pastikan bahawa mereka-mereka yang terlibat dalam kerja menyembelih ini adalah orang-orang yang benar-benar berkelayakan, benar-benar mempunyai kemampuan dari segi syarak untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut, premis sembelihan dan didaftarkan tempat-tempat penyembelihan tersebut.

Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang saya hormati sekalian, saya juga ingin merujuk kepada perenggan dua puluh (20), ucapan Tun, T.Y.T. di bawah tajuk Bandar Selamat. *Paragraph 26* jelas menunjukkan di dalam ucapan Tun, Tun dengan jelas merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Polis Diraja Malaysia kerana indeks jenayah di Pulau Pinang telah menurun sebanyak 23%, cuma dalam tempoh tujuh (7) minggu pertama tahun 2014 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013, hasil kerjasama bersama Kerajaan Negeri dan rakyat di negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini PDRM di Pulau Pinang ramai yang memberi pandangan yang negatif terhadap PDRM. Walau bagaimanapun, di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin merakamkan bahawa saya menyokong tindakan-tindakan kerja-kerja kuat Polis di Pulau Pinang kerana saya percaya tanpa kerja yang baik, komitmen yang tegas daripada pihak Polis keamanan di Pulau Pinang tidak akan dapat dikekalkan, saya ingin memohon kepada semua pihak supaya kita memberi satu penghargaan kepada pihak Polis sebenarnya dalam melaksanakan tugas memastikan keamanan dalam sesebuah negeri dapat dijaga, dipastikan tidak ada sebarang kes-kes jenayah yang berleluasa. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada Kerajaan Negeri untuk membantu PDRM dalam promosi mereka untuk menambahkan golongan polis di kalangan remaja-

remaja Cina, terutama remaja-remaja Cina dan juga India. Statistik hari ini menunjukkan bahawa di dalam Malaysia keseluruhan Polis yang ada adalah seramai 90,156 orang dan golongan polis yang berbangsa Cina cuma 1,974 orang dan juga berbangsa India 3,659 orang dan golongan ini adalah teramat sedikit. Golongan polis-polis yang berbangsa Cina cuma 1.87% berbanding dengan golongan India sebanyak 3.6%. Pihak PDRM hari ini sedang berusaha untuk menambah bilangan polis-polis daripada remaja-remaja berbangsa Cina untuk mencapai jumlah kepada 5,000 orang. Hari ini ramai pihak yang memberi komitmen untuk menggalakan remaja-remaja Cina untuk menyertai Polis dan di pihak PDRM sendiri pun kriteria-kriteria untuk menambah membolehkan remaja-remaja Cina ini menganggotai PDRM telah pun dipermudahkan cuma perlu mendapat kredit di dalam Bahasa Malaysia dan beberapa *requirement* lagi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Saya juga ingin merujuk kepada satu (1) lagi isu yang telah pun disebut oleh sahabat-sahabat saya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain, berkenaan *two hundred hotspot, sex spot* di Pulau Pinang yang telah pun kita bersetuju mengatakan bahawa itu adalah sesuatu yang cukup negatif yang kita tidak mahu dilibatkan dengan Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun sepertimana yang saya katakan tadi apabila ada saja isu yang ditimbulkan sebagai sebuah Kerajaan Negeri kita tidak perlulah menolak sepenuhnya tapi menjalankan kajian, *enforcement* secara berkala bagi memastikan apa yang dilaporkan itu adalah tidak benar sama sekali.

Saya juga ingin merujuk kepada pembangunan sukan dan belia *paragraph* 28 yang disebut oleh Tun dan saya juga mengharap saya ingin merujuk kepada pembangunan sukan hoki di Pulau Pinang yang mana telah pun disebut oleh Ahli yang Berhormat Padang Lalang mengatakan bahawa di Kompleks Sukan Bertam, Stadium Hokinya dalam keadaan tenat, teruk dan memerlukan belanja sebanyak RM1 juta untuk dipulihkan. Saya di sini meraya kepada pihak kerajaan kepada pihak EXCO yang berkenaan supaya setelah dikenal pasti bahawa kompleks sukan tersebut terutama stadium hokinya yang berada dalam keadaan yang sedemikian dan perlu diperbaiki dan jumlahnya pun telah diketahui supaya tidak perlu mendiamkan pekara ini tetapi berusaha untuk memulihkan kompleks hoki tersebut bagi memberi kesenangan kepada pengguna-pengguna terutama golongan-golongan remaja yang ingin bermain di stadium tersebut. Andai kata kita membiarkan sahaja stadium tersebut dalam keadaannya yang sekarang, saya pasti kalau sekarang jumlah pembaikannya adalah sejuta tentu dalam masa satu (1) atau dua (2) tahun lagi ia akan terus bertambah.

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam usaha untuk membersihkan Sungai Pinang di mana satu jumlah sebanyak RM5.8 juta telah pun diperuntukkan. Walau bagaimanapun saya percaya bukan sahaja Sungai Pinang malah banyak lagi sungai di Pulau Pinang yang perlu dibersihkan dan saya percaya andai kata projek di Sungai Pinang berjaya tentulah projek yang sama dapat dibawa kepada sungai-sungai yang lain.

Akhir kata saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan, untuk menzahirkan ucapan tahniah kepada Dewan Undangan Negeri Serawak kerana baru-baru ini dilaporkan Kerajaan Negeri Serawak telah memberi peruntukan sebanyak RM1 juta untuk membantu ADUN Bukit Asik bagi membiayai kos perubatan beliau

walaupun ADUN Bukit Asik ini adalah daripada parti pembangkang, tetapi apa yang telah dilakukan di dalam Dewan Undangan Negeri Serawak ini menunjukkan bahawa dalam kita berpolitik kita seharusnya tidak hilang sifat-sifat kemanusiaan. Ini adalah satu contoh yang baik yang boleh kita ikuti.

Akhir kata saya sebelum mengundurkan diri ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan yang banyak membantu saya dengan pelbagai bantuan serta melicinkan tugas saya sebagai wakil rakyat di Kawasan Bertam. Semoga khidmat ikhlas mereka itu mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T. Saya juga mendoakan kepada Allah S.W.T agar Malaysia dan Pulau Pinang terus aman dan terpelihara daripada bencana semoga Allah melanjutkan usia.

Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Muazzam Syah Ibni Almarhum Sultan Badli Syah dan juga Ketua Agama bagi Negeri Pulau Pinang dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah Binti Haji Hamidun agar terus berada di dalam perlindungannya sepanjang masa. Juga saya memohon kepada Allah S.W.T agar terus memelihara kesihatan dan melanjutkan usia Tuan Yang Terutama di-Pertua Negeri Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas dan Isteri Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor Binti Shariff dan semua rakyat jelata yang berada di Pulau Pinang Yang Berhormat Dato' Speaker saya memohon untuk menyokong , terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ahli Kawasan Batu Uban.

Ahli Kawasaan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana diberi peluang untuk membahaskan ucapan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri sempena Perasmian Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Penggal Kedua. Selamat petang dan salam bersih. Ucapan T.Y.T. menyentuh beberapa isu. Isu yang saya nak bangkit dulu ialah isu alam sekitar iaitu Pemuliharaan Alam Sekitar. Saya hendak sebut satu laporan akhbar tarikh 19 Mei 2014. Sepertimana YB. Rayer yang tidak hadir di sini kata, *The People's Paper* telah melaporkan "*E&O awaiting approval. It needs State government clearance for Seri Tanjung Pinang Phase 2 Project*". Sebelum itu saya nak cakap tentang STP 1, atau Seri Tanjung Pinang Phase 1 dan Sri Tanjung Pinang Phase 2.

Pengenalan.

Projek ini *it has got very and high impact on the environment and the ecology of the state*. Ini kritikal so kita kena pasti apa masalah yang hadapi.

Seri Tanjung Pinang Phase 1 and Phase 2 ialah memerlukan menggunakan 980 ekar di mana hanya 25% atau 240 ekar telah ditebus guna setakat ini dalam Fasa 1. Impak pengurusan dan pemantauan Fasa 1 adalah jelas kepada semua penduduk di Pulau Pinang. Ada beberapa NGO macam CAT dan pakar-pakar dalam bidang yang buat kajian, dan kajian ini adalah berkaitan dengan Fasa 2. Itu yang bagi 740 ekar untuk dituntut semula. Projek ini tebus guna tersebut akan mewujudkan sebuah

pulau yang merupakan 80% daripada saiz Pulau Jerejak. Pulau kedua terbesar di Pulau Pinang, selepas Pulau Pinang. Ini penambakan tanah secara kekal akan mengubah seluruh pantai utara Pulau Pinang. Ia bercadang untuk menempatkan 200,000 penduduk yang kalau dicapai, akan menjadi kira-kira 15% daripada jumlah penduduk di Pulau Pinang atau hampir 30% daripada penduduk Pulau ini. *It is a very serious impact it has*, sikit untuk sejarah penambakan tanah pantai di Tanjung Tokong. Fasa 1 Projek Sri Pinang STP Fasa 1 menambakkan tanah pantai 240 ekar siap pada tahun 2006. Struktur Pulau Pinang 2020 diwartakan pada 2007 menunjukkan beberapa pulau untuk dituntut semula yang menunjukkan terdapat kelulusan pada dasarnya. Walau bagaimanapun bagi Fasa 2 projek ini menyokong mencadangkan beberapa penyesuaian kepada pelan struktur yang telah diluluskan.

Saya sentuh kebimbangan yang belum diselesai dalam Fasa 1. Sekarang nak bertolak kepada Fasa 2, tapi Fasa 1 belum diselesaikan. Apakah masalah Fasa 1. Sebelum itu saya ringkaskan projek ini. *Preliminary* EIA untuk projek keseluruhan 980 ekar dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada Mac 1993 dan lulus pada bulan Jun *same year*. Tambahan EIA telah dikemukakan pada bulan Ogos 1997 dan diluluskan pada September 1997. Pelan pengurusan Alam Sekitar (EMP) untuk kerja penambakan diluluskan pada April 2000. EMP dikemas kini dan diluluskan pada April 2003. Pemantauan bulanan bermula seperti EMP sehingga selesai kerja-kerja penambakan. EMP untuk kerja-kerja pembangunan atas sebelah diluluskan. Pemantauan bulanan bermula sehingga selesai. Ia harus diperhatikan bahawa fasa pertama penambakkan tanah untuk keseluruhan 980 ekar hanya mempunyai awal EIA. *They were using the early EIA to continue with this project*. Tiada penyertaan awam atau input telah diluluskan secara dalam oleh Jabatan Alam Sekitar. Memandangkan Fasa 1 telah siap dan pemaju ingin memulakan kerja Fasa seterusnya adalah tepat pada masa untuk semakan Fasa 1 yang dijalankan untuk menentukan sama ada pengajaran yang dipelajari untuk Fasa 2.

Tujuan kajian semula itu adalah untuk menunjukkan syarat-syarat, adakah syarat-syarat yang ditetapkan dalam EIA awal mencukupi. Adakah terdapat kesan yang serius kerja penambakan di Fasa 1 yang tidak dijangka atau tidak dikurangkan. Adakah pelan pengurusan Alam Sekitar EMP yang berkesan. Adakah EMP dilaksanakan dengan tekun. Siapa agensi jika apa-apa yang dijalankan pemantauan berterusan. Adakah pelajaran yang perlu dipelajari yang boleh diperbadankan ke dalam DEIA 1 EMP untuk fasa yang akan datang iaitu Fasa 2. STP Projek 2 ialah tanah penambakan. Selepas siap Fasa 1 penambakan 240 ekar, pihak pengusaha merancang meneruskan penambakan Fasa kedua penambakan yang menurut rancangan struktur diwartakan bagi 2020, akan menuntut semula tiga (3) pulau dengan jumlah saiz sebanyak 740 ekar.

I'll cut short some of my issues, my main concern, atau concern all these NGOs and all the NGOs dan pakar-pakar yang buat kajian, concern is kalau you allow (dengan izin) I'll repeat that was stated in the newspaper; Penang Chief Minister Lim Guan Eng told Star earlier this month that E&O would be given the approval by the Penang State Government if it complied with all technical and regulatory requirements for the projects. If all conditions are fulfill by the developer the State Government will have to respect the sanctity of the agreement, otherwise it will have to pay compensation to the developer for non compliance. Now mega a projek. Ini satu projek yang mega. I request that the State Government take a very serious look into this project because once lost, once this project goes through it is going to have a

serious impact on the ecology of the State. What is it, what are the impact it is going to have. Peningkatan kualiti air pantai, strategik (gangguan), issues bio diversity will be affected, the coastal line will be affected, the flora and fauna will be affected including birds, protected birds will be affected. The fishermen will be affected. The port will be affected. The whole holocaust is likely if we allow this project to proceed even the fishing, even the nelayan will be affected if this project goes on. Therefore, I request that(dengan izin) the State relooks this project and does not allow the project to go on because the compensation is not a big issue because it is pecuniary, the biggest issue is because once lost, once the ecology is lost, once the environment is degraded, once biodiversity is affected, your generation to come will not forgive you. Therefore please relook this project.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan sedikit. YB. Dato' Speaker, memang Projek Seri Tanjung Pinang Fasa 1 rosakkan alam sekitar di sana semua. Oleh yang demikian apabila cadangan Fasa 2 dikemukakan, semakan teliti lebih dari tiga (3) tahun, pakar-pakar masuk mai, semua aspek diambil kira, khususnya *Hydro Flow System*. Kami juga minta mereka yang hendak menggunakan *Stimulated Hydro Flow System* di seluruh Pulau Pinang bukan seperti dulu 3 kilometer atas dan 3 kilometer bawah juga diambil kira bahawanya kemungkinan tsunami yang datang dari Antelope Island, Andaman Sea untuk nelayan-nelayan juga diambil *social impact assessment*.

Jika mereka *fishing ground is being disturbed*, kerugian mereka apakah boleh *the terms of compensation*, apakah guna bot-bot mereka juga diambil kira, juga untuk menjadi penghalangan oleh tsunami dan juga mengambil kira cara pembinaan *artificial wave* dan juga menjadi penghalangan kepada *illegal trolley*.

Ini telah diambil kira sebelum DEIA ini dibentang dan dibuka untuk orang ramai buat semakan dan dalam semakan itu walaupun dia punya satu bulan dari permohonan orang ramai saya telah lanjutkan 2 minggu supaya lebih orang dapat lihat dan bagi maklum balas. Apa-apa maklum balas akan diambil untuk pertimbangan. Saya juga anak Pulau Pinang. Ini saya ambil perhatian pada setiap ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T Jayabalan a/l A. Thambyappa):

Can I reply. DEIA is only for reclamation. It is not for the whole project. DEIA is only for reclamation. Number 1. Number 2, The National Hydraulic Research Institute of Malaysia was not represented. In the Hydraulic thing it is not represented. If we had adopt panel. The traffic masalah berkenaan traffic there was no survey done. The review of STP 1 tidak dibuat and the financial implication I think you can really relocate. So as well I'm concern the main issue is once lost you and I wouldn't be around here. Our children would be around to curse us for having allowed a project of this massive this to go on just because we were bound by earlier agreements (dengan izin). I move on to the next issue. I don't want to hold on too much. Isu yang nombor 2.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Batu Uban sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada jam 8.00 malam.

Dewan ditangguh pada jam 6.55 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 8.05 malam.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan bersambung semula.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

YB. Timbalan Dato' Speaker, isu kedua yang saya ingin bangkitkan ialah isu yang telah dibangkitkan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang iaitu kenaikan tarif air di Negeri Pulau Pinang. Sebagai bekas aktivis pengguna, saya menyokong kenaikan tarif air. Meningkatkan tarif air perlu dilakukan dalam masa singkat ini atas sebab-sebab pembaziran air di Negeri Pulau Pinang. Di kawasan saya sebagai contoh, saya sendiri melihat dan mendapati setiap pagi penghuni-penghuni rumah yang memiliki tiga (3) hingga empat (4) kenderaan mencuci kenderaan mereka menggunakan pembantu rumah. Ini menyebabkan pembaziran yang mendadak. Saya berpendapat pembaziran ini akan berkurang selepas tarif ini dinaikkan. Saya juga berterima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang kita sayangi yang telah memberi cadangan ini. Saya menyokong cadangan ini tetapi di KADUN saya yang *down side* ini dan di beberapa kawasan di Pulau Pinang saya telah menerima aduan atau *complaint* mengenai tekanan air, *water pressure* yang berkurangan. Saya ada surat dari dua pihak yang menghantar surat mengenai perkara ini. Pada masa sekarang, sekarang bila air *cost more*, pihak kerajaan atau PBA perlu mengambil tindakan untuk meningkatkan kenaikan taraf prestasi. Apabila dinaikkan tarif ia telah menjadi beban kepada para pengguna ataupun *consumer*. Mereka berharap untuk mendapatkan perkhidmatan yang baik daripada kerajaan atau PBA. Ini satu perkara yang mustahak di mana PBA atau Kerajaan Negeri perlu mengambil langkah-langkah mengatasi masalah ini. Isu ketiga(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Boleh minta Yang Berhormat beritahu lokasi yang tepat supaya pihak PBA boleh menjalankan satu siasatan berkenaan dengannya.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Boleh. Saya ada surat di sini, saya akan berikan satu surat kepada YB. Lim Hock Seng. Isu ketiga berkenaan dengan inflasi di Pulau Pinang. Ini berkenaan dengan perumahan dan tanah. Saya mengucapkan tahniah kepada konsesi Jambatan Kedua kerana telah membina satu jambatan yang begitu indah. Tetapi masalah yang saya hendak bangkitkan ialah tentang isu perumahan di Pulau Pinang. Bila kita buat jambatan ada kajian yang dibuat, *the price of land and the price of*

houses has gone up by fold because of its connectivity. Connectivity bermakna sambungan dari, infact kita nampak most of the developers, pemaju yang membuat development in Penang are mainly from KL, it has attracted a whole host of developers from KL, Selangor. I think everybody knows who they are. Selain dari perkara ini, the other issue is connectivity dengan air, Malindo Air for instance brings in 10 flights per day from Kuala Lumpur to Penang and back. So this connectivity, actually what it does is the moment you masuk saja nampak papan tanda exhorting or marketing beautiful houses that are being built in Penang and which means speculators and inflation of what is going to happen because there is a kajian that shows factors of connectivity will raise the prices. So downside of this whole connectivity is that somehow some attempts must be done by the State Government to contain prices. While on this topic, I will have to congratulate YB. Datok Keramat for his efforts in trying to contain speculations, number 1.

No.2, perhubungan dengan dia with my service centre has been so good that we are able to actually go and attend to lots of problems. Now the shortage of houses is really acute in Penang and in fact we received everyday a number of aduan that they have applied for quite a number of years tetapi tidak dapat perumahan kos rendah. Another problem is that they have been sidelined. All these things I have raised it with YB. Datok Keramat and I think they will try to solve it. What is important the property market in Penang must be seriously looked into and I suggest a few things. Saya cadangkan dua (2), 3 perkara yang boleh dikaji. One is increase the profession, we need to increase the capacity skill in shortages in these areas to improve the profile of the profession who handle this sort of issues. Review planning and housing functions in the aim of promoting sustainable mampan, economic development. Satu lagi masalah yang besar of course the balance in favor of the state, now the balance is in favor of the centre, pusat so the important thing is how we are going to do it is more political than ever. The last is to review existing mechanism for promoting affordable houses.

The other few issues that I want to raise, I will do it very fast for time consideration. Pendek kata one issue yang amat membimbangkan is once again The People's Paper today 21 May says bringing down worksite death toll ...(dengan izin). Saya baca of the 22 killed last year in work place accidents, eleven died due to construction site accidents. The number is quite alarming, 50% yang meninggal or died are from construction site. Satu (1) kajian dari DOSH JKPP shows that 122 high risk constructions spots are in Penang, especially in George Town. This goes contrary to what was stated by T.Y.T. that we want a bandar selamat, in fact it will be a bandar yang tidak selamat. If we do not attend to this issue, because most of these workers are warga from warga asing dari luar negeri and if once you lost one by dying from accidents especially at construction site there's a huge lost to the family back there. I think its important that this be considered and that the Council or the COB must put in some mechanism of memantau these construction sites. If we are able to do it for dengue, I am sure we are able to do for work site safety.

Another last issue that I want to raise is about TPPA (Trans Pacific Partnership Agreement). It's a very technical issue, isu ini teknikal sangat tetapi yang mustahak, we must understand, recently the President of US visited us not because he wanted to save us from our internal problems. He came here to promote TPPA and of course fortunately we held on, not to sign it, but Philippines signed the TPPA. Apa masalah berkenaan TPPA? No. 1, foreign investors, this is in relations to the issue of foreign

direct investment that we are talking about. Foreign investors, especially to sign the TPPA will ask for a number of conditions. First they will want equal or better treatment if we sign the TPPA. No.2, they will ask, they will want to operate in conditions much better than the local investors, meaning that they will ask for preferential treatment because we signed the TPPA. No.3, they will request 100% ownership of their companies, you cannot have a situation whereby we can request for local participation. They will want a guarantee that their 100% ownership of the company. Then, the inflow and outflow of funds cannot be restricted. They must have all the same in the inflow and the outflow, meaning that there is no local support in terms of investment plan. The other important area especially berkenaan dengan ubat, medicines are a very important issue as far as the poor people are concern. Access to medicine, they are very important issues. Today with RM1 you can get live saving medicines. Because we have at least 5 to 6 generic manufacturers in Penang alone and totally more than 19 to 20 generic medicines. Generic medicines are actually copies, they are copies of the original medicine and the original medicines, are very costly and with TPPA you will have to grant them, the company, the American companies will be granted a patent right for at least 25 years. It is not 17 years, or it is not 20 years, at least 25 years which means generic manufacturers cannot produce a copy. Worst still you violate they will sue you till they bankrupt the local company and not only that, what's most important you will not be able to produce cheap copies of medicines with equal quality. So it is very important that we understand. This whole issue of TPPA and I am very passionate about it because I have been involved this TPPA dan FTA issue for many years. So it is very important that the State takes a position on TPPA. Now .

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih YB. Batu Uban. YB. Dato' Speaker, TPPA adalah satu usaha peringkat antarabangsa untuk membuka pasaran dunia. Pertama sekali, pasaran dari Amerika untuk menakluki pasaran dunia. Pertama sekali negara-negara membangun seperti Malaysia. Saya percaya Malaysia sendiri sedang mengkaji dengan lebih mendalam buruk dan baiknya penyertaan kita untuk membuka ruang yang begitu luas untuk membenarkan ya pasaran dalam negara kita ini dimasuki oleh pedagang-pedagang dari negara luar terutama sekali Amerika Syarikat. Saya nak tanya kepada Ahli Batu Uban sebab YB. Batu Uban menyatakan tadi telah terlibat di dalam perbincangan tentang TPPA ini. Apakah cadangan yang akan dibuat kepada Kerajaan Negeri dan setakat manakah Kerajaan Negeri boleh terlibat di dalam usaha untuk sama ada membuat keputusan ataupun masuk dengan syarat dan sebagainya dalam apa ini perjanjian yang disyorkan untuk ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia. Setakat manakah penglibatan Pulau Pinang dan setakat manakah pengusaha-pengusaha ataupun industri pembuatan di Pulau Pinang akan terjejas dengan Malaysia menandatangani TPPA. Dan adakah kita akan membuat bantahan ataupun kita nak menyemak kedudukan kita dan sebagainya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Okey. Masalah yang tinggi, *I mean the biggest problem here is disclosure of information. One of the requirements by America is that this whole discussion be kept very secretly. In fact there has been no disclosure or what so ever. So the State can insist that there be transparency and that they must participate in this whole process. Unless this is done, we should not gadai our independence. We should not*

sign the TPPA and we should, the State should bantah this whole TPPA because in the first place there is no transparency what so ever. We are not participating. We are not allowed to participate. (Dengan izin), that is an unequal ground. So if you don't do that....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Ariff Bin Bahardin):

Minta laluan. Sedikit *sharing*. Saya ingat tentang isu TPPA ini kita telah bangkitkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini yang lepas. Yang mana pihak Kerajaan Negeri mendesak dan juga memohon kepada Kerajaan Pusat. Dan saya percaya Datuk Mustapha Muhammad, Menteri MITI yang bertanggungjawab dalam rundungan TPPA ini. Dan Kerajaan Negeri dalam Dewan Undangan Negeri yang lepas telah memohon bukan hanya di Pulau Pinang tetapi juga di Dewan Undangan Negeri di Selangor juga untuk Kerajaan Negeri diajak bersama berbincang dalam rundungan ini. Tetapi sehingga sekarang kita masih belum mendapat apa-apa pelawaan untuk bersama tentang perkara ini. Jadi saya mohon pandangan YB. Batu Uban, adakah wajar kalau kata Menteri sendiri berjumpa dengan semua kerajaan-kerajaan negeri. Bukan hanya di Pulau Pinang dan di Selangor tetapi semua di seluruh Malaysia ini. Minta pandangan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Of course sebab isu ini penting for orang miskin. It is very important, access to medicine it is a life and death matter so you cannot be exclusive in it, you must be inclusive. The Minister must include the rest because it is a very important issue as far as public health is concerned and public health is one of the most vital things as far as the lives and the lives of poor people, especially ehere poor people is concern. So I think there is no, I accept fully what YB. Seberang Jaya, sorry Seberang Jaya suggested that there must be some inclusivity. Not some, there must be inclusivity. Okay the third I sokong, memohon sokong T.Y.T. speech. Thank you.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima Kasih. YB. Timbalan Dato' Speaker. YB. Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri. Terima kasih ke atas peluang membahas ucapan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ketakutan saya terhadap situasi petang tadi. Sebagai seorang ADUN Wanita mendengar cerita bagaimana Setiausaha Dewan yang berani telah lari untuk cuba menutup pintu tetapi hampir tercedera apabila *gangster-gangster* yang cuba mencero bohi Dewan yang mulia menendang pintu dan mungkin kalau Setiausaha Dewan tidak begitu bernasib baik mungkin dia akan tercedera dan ambulans yang terletak di luar Dewan kena pula digunakan hari ini sekali lagi seperti semalam.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Pulau Tikus minta laluan. Tadi bangkitkan *gangster-gangster, gangster* mana? Kepong *gangster* kah? Semalam YB. Kebun Bunga ada sebut ada cakap Kepong *gangster, ganster* Kelantan. Boleh terangkan *gangster* mana.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Buat masa ini saya tiada bukti, tetapi menurut makluman rakan-rakan seperjuangan yang ada di Dewan Yang Mulia ini pada petang tadi, mereka telah mengenali diri sendiri sebagai Pemuda UMNO. Di Dewan yang mulia pada hari ini, ada juga rakan-rakan ADUN, YB. Datok Keramat, YB. Dr. Hajah Norlela dan kami juga yang duduk sini berasa tergugat. Saya sebenarnya memang berasa takut dan tergugat kerana tempat duduk kami di depan saja Pintu A. Kalau bila-bila masa sesiapa datang mencero bohi Dewan yang mulia lagi, nyawa kami mungkin terancam. Keselamatan kami mungkin terancam. Disebabkan itu saya berasa kecewa, kecewa bahawa ADUN-ADUN UMNO tidak memberi pendirian yang lebih kukuh ke atas situasi ini. Kecewa kepada Ketua Pembangkang sebagai seorang wanita tidak dapat menasihati Ahli-Ahli UMNO yang lain tentang tata susila yang betul. Saya takut kerana ini mungkin menjadi *precedent*. Saya takut kerana apabila Dewan yang mulia dalam persidangan semua ADUN-ADUN di dalam Dewan yang mulia ini, situasi mengulang lagi maka, apa bolehkah kami masih menggambarkan dia orang ini sebagai Dewan yang mulia. Adakah situasi petang ini sesuatu yang patut berlaku di Dewan yang mulia. Maka saya kecewa kerana ADUN-ADUN UMNO tidak menunjukkan kewibawaan mereka sebagai pemimpin masyarakat untuk memberi pendirian yang lebih tegas terhadap situasi ini.

Untuk menyambung saya memohon izin daripada YB. Datok Keramat, mendiang anak Karpal Singh dan Y.A.B. Ketua Menteri, selaku Setiausaha Agung Parti DAP Malaysia, untuk membahaskan teladan mendiang Karpal Singh. Semasa upacara peringatan YB. Karpal Singh di Sekolah Han Chiang pada 5 Mei 2014, saya telah membuat satu kesimpulan. Saya tidak pasti sama ada saya betul atau tidak. Tetapi saya membuat kesimpulan bahawa YB. Karpal Singh telah berjuang selama ini(dengan izin) *for a better Malaysia, a better government, for justice, for what is right*. Ia pernah dikatakan bahawa *Sometimes YB. Karpal Singh says the right thing at the wrong time, but he always says the right thing. In fact, YB. Karpal Singh's resolve and principles were always strong and unwavering*. Apabila saya mendengar kenyataan YB. Karpal Singh mengapa beliau memasuki DAP, dia memasuki DAP sebagai satu pilihan, satu cara, satu kaedah untuk memperbetulkan apa yang salah dalam sistem negara kami Malaysia. Untuk lawan Barisan Nasional adalah satu keperluan. Untuk menggantikan Barisan Nasional di Putrajaya adalah satu keperluan untuk *a better Malaysia* ...(dengan izin). Namun, untuk menggantikan Barisan Nasional bukanlah matlamat terunggul sebenarnya. Matlamat terunggul adalah untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang berwibawa untuk membentuk *a better Malaysia*. (Dengan Izin) *As we talk about continuing our much loved and respected YB. Karpal Singh's legacy and as we build on your many years of struggle, our aim is not simply to overthrow Barisan Nasional, our aim should be to form and exemplify a good government and only then can we say we have truly UBAH. Sometimes I fear that while we are driven by the zeal of hatred and the zeal to replace Barisan Nasional, we may forget to be driven by the zeal of righteousness...*(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dengan izin.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

(Dengan Izin) *and the reason why we are in politics in the first place, for a better Malaysia, for a better government.* Kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diketahui semua di Pulau Pinang, dan dihebahkan dan dicemburui ramai sepanjang Semenanjung, di Sabah dan di Sarawak.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. (Dengan Izin) Pulau Tikus *we are driven by the zeal of hatred.* Apa maksudnya di sini. Maksudnya dalam usaha untuk mengubah, telah ditakluki dengan perasaan benci.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Saya takut. Saya takut bahawa kita mungkin dijana oleh *zeal of hatred* kerana banyak rakyat....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker. Minta laluan. Apa yang kita lihat tadi ialah manifestasi, apa yang ditakuti oleh YB. Pulau Tikus. Ianya telah mula menampak. Jadi inilah yang kita harus hindari. Kita kena akui selama ini sejak Merdeka sampai sekarang, kita di Negara Malaysia yang tercinta ini telah dapat menikmati satu kesejahteraan dan kemakmuran dan perpaduan. *Please acknowledge that*(dengan izin). Kita kena akui, bukan kah itu satu perkara yang cukup bernilai.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Maka YB. Telok Ayer Tawar, saya harap mendapat sokongan Yang Berhormat agar memberi pendirian tentang keganasan yang berlaku pada petang ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya dalam perbahasan saya tadi telah menyatakan, kita tidak mahu benda ini berlaku tetapi ianya dah berlaku. Hakikatnya dan realitinya benda ini dah berlaku. Dan kita kena tengok balik apa yang menyebabkan perkara ini berlaku. Kalau kita tidak suka kepada sesuatu, apa yang episod tadi yang telah berlaku, adalah juga kerana ramai di luar itu yang tidak suka dengan apa yang berlaku di dalam Dewan yang mulia ini. Dia ada *co-relation*. Kita tak boleh ambil satu perkara dan kita asingkan dia. Kita kena tengok dari segi keseluruhan. Kenapa boleh berlaku, kalau kita tak mahu ianya berlaku, kita sama-sama pastikan perkara yang dalam sejarah belum berlaku di luar Dewan, masuk dalam Dewan adalah ekor dari apa yang berlaku dalam Dewan yang dibawa ke luar Dewan ini.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan. YB. Pulau Tikus minta laluan. Timbalan Dato' Speaker, saya tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh YB. Telok Ayer Tawar. Adakah apa yang kita bincang dalam Dewan, apa yang kita bahas dalam Dewan, orang luar dengar kita tak boleh ambil 100% orang luar boleh bersetuju dengan apa yang kita bincang, topik yang kita berbahas. Betul. Setuju? YB. Telok Ayer Tawar setuju kah? Apa yang kita bincang, apa yang kita bahas, apa yang kita kata dalam Dewan ini, tidak dapat 100% dipersetujui oleh orang luar. Bersetuju kah? *Okay. Then* adakah *whatever we say ...* (dengan izin) ,apakah kita bincang ini, kalau orang tak suka kita, kita boleh izinkan mereka masuk dan bertindak sedemikian.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta maaf. Izinkan ini saya tak boleh terima. Tidak ada satu keizinan pun yang diberi dan tak ada bukti. Buktikan kami di sini izin(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Tak boleh. Adakah YB. Telok Ayer Tawar setuju.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Minta laluan YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya belum cakap habis. Apa nak minta laluan. Saya tahu YB. Telok Ayer Tawar *senior*. Saya *respect*. Saya orang baru tapi kena faham adakah kita boleh terima, sebagai ADUN di sini boleh terima tindakan sebegitu, tindakan itu bukan sudah mengugat semua 40 ADUN di sini termasuk Speaker. Dan juga keselamatan oleh *Press, Civil Servant, public* semua akan takut. Berasa takut. Orang akan berasa macam mana. Mereka akan masuk di sini. So sebagai ADUN ...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Peraturan-peraturan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya belum habis lagi *brother*, tolong.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Peraturan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya belum habis.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Peraturan. Tadi saya nak pertingkatkan. Minta maaf...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya di sini. Saya nak katakan sebagai ADUN *of course* kita kena ... (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Apa yang saya nak katakan, tadi Dato' Speaker, dah berhentikan perbincangan...(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Peraturan apa. Peraturan apa. Saya belum habis. Minta maaf.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau cakap Peraturan,

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Peraturan apa. Jangan suka-suka Peraturan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Minta maaf, minta maaf.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Jangan suka-suka peraturan. Tadi YB. Speaker sudah cakap. Tolong lah, *Please*.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Masa sudah lewat. Saya rasa saya akan teruskan....(gangguan).

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya. Teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya minta laluan sikit. Timbalan Dato' Speaker, jikanya apa kami terdengar bahawanya orang luar, orang luar cukup tidak puas hati. Siapa yang bertanggungjawab. Saya nak boleh kata, pihak siapa, pihak siapa di sini kalau dia kata UMNO celaka. Adakah dia kata Islam celaka. Adakah tidak? Bukan tadi *you* kata macam ini, habis dia cakap Melayu celaka. Kalau tengok *web site* semua tulis macam

ini. Adakah dia kata apa Merican. Langsung tak ada, *check* hansard. *Check* hansard, dia tak cakap apa. Kalau dia cakap UMNO celaka. Memang saya cakap dia salah dengar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Check hansard betul-betul. Jangan ulang-ulang lagilah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bukan ulang-ulang tetapi kami mesti bertanggungjawab. Apabila kalau kata bertanggungjawab. Bukan saya nak minta lebih bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Teruskan. YB. Pulau Tikus tajuk lain.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Sebelum *interrupt* tadi, saya sedang mengatakan bahawa Pulau Pinang memang ada program-program yang bagus dan dikenali ramai. Tetapi saya ingin mengambil masa yang singkat ini untuk membahaskan apa lagi yang mungkin kami boleh mempertingkatkan lagi. Dengan menggunakan prinsip *Go wide, then go deep*(dengan izin). Saya ingin menyerlah bahawa banyak program Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memanfaatkan orang ramai dan menyentuh hati orang ramai seperti Program Warga Emas kami. Namun, kami sekarang dalam Penggal Kedua Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang. Dan kami juga, tibalah masa untuk *go deep into the issues* ...(dengan izin). Dalam pertimbangan menukar *gear to go deep*, saya memohon membangkitkan beberapa isu untuk pertimbangan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Kebajikan. Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi Bantuan Kanak-kanak (BKK) yang maksima jumlah RM450.00 sebulan kepada keluarga miskin yang melebihi empat (4) orang kanak-kanak. Jika kurang daripada 4 orang kanak-kanak, keluarga miskin itu akan menerima RM100.00 sebulan bagi setiap kanak-kanak. Maksima RM450.00. Bagi ahli keluarga yang tidak berkemampuan menyara hidup dan menjaga OKU terlantar atau pesakit kronik terlantar sepenuh masa iaitu langsung tidak boleh bekerja. Bantuan yang diberikan adalah RM300.00 sebulan seorang. Bagi orang kurang upaya (OKU) yang bekerja dan menerima gaji bulanan tidak melebihi RM1,200.00 sebulan, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memberi elaun tambahan RM300.00 sebulan sebagai insentif hidup berdikari. Akan tetapi bagi OKU yang tidak berupaya bekerja, bantuan yang diberikan hanyalah RM150.00 sebulan. OKU yang langsung tidak berupaya untuk menyara kehidupan sendiri kerana tidak berupaya bekerja, tetapi bantuan yang diberikan hanyalah RM150.00 sebulan.

Dalam Agenda Ekonomi Saksama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, seorang yang hidup bersendirian diberi jaminan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang agar mempunyai sekurang-kurangnya RM300.00 sebulan, iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan *top-up* jika gajinya kurang daripada RM300.00 sebulan. Jika sebuah keluarga mempunyai dua (2) orang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan *top-up* kepada RM440.00 sebulan dan bagi keluarga tiga (3) orang, akan *top-up* ke

RM660.00 sebulan. Yang maksimum diterima oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah RM770.00 sebulan bagi keluarga yang melebihi lima (5) orang. Pulau Tikus dikatakan kawasan orang kaya. Namun saya dapat memberi dua (2) contoh di mana sistem kebajikan negara dan negeri kami masih boleh dipertingkatkan lagi. Ini penting terutamanya disebabkan implementasi GST. Contoh pertama, seorang wanita buta huruf dan tidak berpelajaran. Suami beliau terkena *stroke* dan terlantar sepenuh masa tidak boleh bergerak. Dia memerlukan penjagaan sepenuh masa, mereka mempunyai seorang anak perempuan. Dengan AES, keluarga ini boleh menerima RM660.00 sebulan. Tetapi, tolak sewa rumah, tolak yuran *maintenance* yang patut dibayar, tolak keperluan perubatan suami, keluarga ini hidup dalam kepahitan. Bolehkah tiga (3) orang hidup di Pulau Pinang, di Pulau Tikus dengan RM660.00 sebulan bagi tiga (3) orang?

Contoh kedua, dia seorang OKU berusia 20 lebih tahun. Anak tunggal kepada ibu-bapa yang sudah bersara. Beliau mempunyai *cerebral palsy* dan tidak berupaya bekerja, maka hanya menerima bantuan RM150.00 sebulan kerana dia tidak bekerja. Beliau tidak dapat menerima AES kerana ibu-bapanya menerima *pension*. Beliau tidak dapat bercakap dan menggerakkan ototnya seperti orang biasa, tetapi mindanya masih cerdik, masih bijak, beliau masih cerdik, masih bijak sebabnya sebenarnya mindanya masih bijak, masih jelas. Dia hidup dalam ketakutan. Beliau sering kali tanya saya, apakah yang akan terjadi jika ibu-bapa saya jatuh sakit atau meninggal dunia? Saya tidak dapat hidup dengan RM150.00 sebulan. Tolong carikan saya pekerjaan, dia kata. Beberapa minggu sekali dia akan datang. Tolong carikan saya pekerjaan. Beliau ingin berdikari. Beliau ingin sangat berdikari. Tetapi keupayaan beliau untuk bekerja adalah terhad. Bagaimanakah OKU yang tidak berupaya bekerja boleh menyara diri dengan RM150.00 sebulan. Walaupun ditambah kepada RM300.00 sebulan, adakah ini cukup untuk mereka yang tidak berupaya? Bagaimana dia akan keluar membeli makanan? Siapa yang akan membayar sewa rumah? Di mana dan bagaimana seorang OKU harus tinggal di Pulau Pinang dengan RM300.00 sebulan dengan sistem GST?

Sebagai sebuah *Welfare State* dan kerajaan yang *Pro-People*, bolehkah kami *go deep* mempertingkatkan lagi bantuan kami kepada mereka yang amat memerlukannya? Dan tidak ada *option* lain langsung. Perbelanjaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2013 bagi program Warga Emas dan Waris adalah RM19,642,800,00. Bagi program Pelajar Emas adalah RM6,756,700.00 bagi program Ibu Tunggal adalah RM978,300.00 dan bagi OKU adalah RM706,900.00. Bandingkan sekali lagi, perbelanjaan tahun 2013 bagi Warga Emas tidak mengira kemampuan adalah hampir RM20 juta. Perbelanjaan tahun 2013 bagi OKU adalah RM700,000.00.(dengan izin) *We have gone wide, now can we go deep?* Peluang Pekerjaan. Menurut laporan Tenaga Buruh Malaysia 2012, lebih daripada 73%, saya ulang melebihi 73% iaitu kebanyakan tenaga buruh Malaysia hanya mempunyai kelulusan sekolah menengah, sekolah rendah atau tiada pendidikan rasmi.

Di Pulau Pinang, banyak daripada golongan ini menjadi peniaga kecil kerana, kini bukannya senang nak mendapat pekerjaan di kedai-kedai pasar raya. Banyak orang yang mencari kerja. Kalau tinggal di Tanjung Tokong atau Pulau Tikus, nak kerja di Bayan Lepas pun susah jika tidak mampu membeli pengangkutan sendiri. Jadi banyaklah yang menjadi peniaga kecil. Kami mementingkan prestasi kami dalam penarikan (FDI) *Foreign Direct Investment* ...(dengan izin). Namun, syarikat besar multinasional banyak menggunakan buruh asing yang bukan sahaja mengakibatkan

kesan buruk termasuk tekanan perumahan dan gangguan penduduk setempat disebabkan peraturan perumahan yang tidak memuaskan, tetapi juga bersaing dan berjaya merampas peluang pekerjaan pekerja buruh tempatan. Rakyat Malaysia yang lebih 73% hanya mempunyai kelulusan sekolah menengah, sekolah rendah atau tiada pendidikan rasmi. Tambahan lagi, usahawan-usahawan yang cuba memulakan syarikat mereka sendiri kerap mengadu bahawa mereka tidak dapat bersaing dengan syarikat besar multinasional yang bermodal tinggi. Banyak pekerja-pekerja yang telah dilatih oleh syarikat tempatan melompat memasuki syarikat multinasional kerana gaji lebih lumayan. Situasi ini menyukarkan syarikat tempatan, menyukarkan usahawan tempatan. Situasi ini melambatkan pembangunan industri tempatan dan pembangunan usahawan tempatan.

Prestasi penarikan *FDI* senang diukur tetapi apakah ukuran kami bagi prestasi keberangsangan perniagaan tempatan, termasuk perniagaan kecil yang merupakan pemangkin ekonomi penduduk setempat? Saya tidak tahu mengukur, tetapi saya ada sedikit sebanyak data. Sejak tahun 2008, di Seberang Perai, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah membina kompleks gerai makanan di Bukit Tengah, kompleks gerai makanan di Bukit Minyak dan ada membina *Community Mall* dan *Indoor Arcade & Seafood Centre* di Batu Kawan. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula telah membina kompleks penjaja Taman Sentral, kompleks penjaja Taman Limbungan dan pasar perkampungan Juru. Kesemuanya tujuh (7) kompleks dan pasar baru disediakan Kerajaan Negeri di Seberang Perai. Di sebelah pulau, MPPP hanya membina 1 premis perniagaan sejak tahun 2008 iaitu Kompleks Letak Kereta Lebu Victoria.

Jika meneliti statistik pemberian lesen perniagaan kecil daripada MPPP, 1,273 orang telah memohon lesen perniagaan kecil dalam tahun 2013, tetapi hanya 355 orang yang berjaya iaitu 28%, peratusan kejayaan adalah 28%. Demi perbandingan, peratus kejayaan pada tahun sebelum itu, 2012. 2012 adalah sebanyak 66.5%, sebelum itu, 2011 53% dan 2010 54%. Namun tahun ini dan tahun lepas, peratus kejayaan hanyalah kira-kira 28%. Mengapa? Mungkinkah disebabkan tiada premis perniagaan.

Sekarang saya ingin menceritakan cerita pahit sekali lagi di Pulau Tikus. Satu (1) bahagian yang lebih dikenali ramai di Pulau Tikus adalah dua (2) deret kedai Jalan Burmah antara Jalan Cantonment dan Balai Polis Pulau Tikus. Saya rasa ramai yang boleh dengan senangnya menggambarkan dua (2) *shop houses*, dua (2) deret kedai antara Jalan Cantonment dan Balai Pulau Tikus. Di sebelah kiri Jalan Burma ada Mi Goreng Bangkok Lane, ada kedai-kedai membaiki motosikal, di sebelah kanan ada kedai kasut Bata dan gerai Char Koey Teow, ada gerai Laksa dan *Hokkein Mee*. Pernah juga hokkien mee itu keluar dalam *documentary Asia Food Channel*. Tetapi tahukah anda di sebelah kanan, sewa kedai pada tahun 2012, sewa kedai adalah RM800.00 sebulan, 2013 naik RM1,500.00. Tahun ini naik RM3,000.00. Dalam tiga (3) tahun RM800.00 ke RM1,500.00 ke RM3,000.00 sewa bulanan. Terima kasih.

Di sebelah kiri pula, tuan punya sebidang tanah telah membuat keputusan bahawa harga tanah sekarang begitu baik, jadi dia patut menjual atau memajukan tanah tersebut dan ingin merobohkan semua kedai-kedai dan rumah-rumah di atas tanah tersebut. Dua (2) deret kedai yang bagi banyak orang Pulau Pinang senang digambarkan merupakan satu ikon Pulau Tikus, sekarang tergugat. Di kiri dan kanan di manakah peniaga-peniaga kecil yang disingkir patut pergi? Ke Seberang Perai, di

mana terdapat tujuh (7) kompleks gerai makanan telah dibina. Saya tidak tahu bagaimana mengukur prestasi kami dalam memperuntukan keutamaan kepada perniagaan-perniagaan kecil yang menjadi sumber pendapatan rakyat Pulau Pinang. Saya tidak tahu bagaimana mengukur kesan pembangunan dan pendatangan syarikat besar terhadap perniagaan kecil tempatan. Namun saya ada satu (1) cadangan, iaitu dari segi perancangan bandar.

Perancangan Bandar. Saya menyokong kuat seruan YB. Paya Terubong dan YB. Tanjung Bungah agar penyediaan Pelan Tempatan dipersegerakan. Dalam persediaan Pelan Tempatan, saya ada beberapa cadangan. Pada tahun lepas, saya telah membuat tinjauan apakah isu dan keperluan di kawasan Pulau Tikus. Sebanyak 459 orang telah ditinjau iaitu separuh lelaki, perempuan. Kebanyakan kaum Cina ada juga kaum Melayu, India, Serani dan lain-lain dan 61% tinggal dalam KADUN Pulau Tikus, 39% tinggal di luar Pulau Tikus. Bagi tinjauan 459 orang ini, isu yang paling utama yang dikemukakan adalah isu lalu lintas di mana mereka inginkan keperluan kenderaan sendiri dikurangkan dan implementasi *light rail*, *shuttle* bas percuma dan kebolehan lebih ramai orang lagi boleh berjalan kaki. Isu yang kedua paling diutamakan ialah isu alam sekitar di mana di sini juga mereka inginkan mengurangkan lalu lintas, mengurangkan kenderaan. Isu yang ketiga diutamakan adalah isu pendidikan di mana mereka inginkan lebih banyak aktiviti pembelajaran tidak rasmi(dengan izin), *informal learning activities* dan lebih banyak tempat untuk belajar ... (dengan izin), *more places to study* seperti perpustakaan dan bilik membaca.

Dalam kategori pendidikan, kami juga ada tanya tentang infrastruktur-infrastruktur lain. Tetapi infrastruktur yang tidak berapa diminati merangkumi lebih banyak sekolah persendirian, lebih pusat tuisyen, lebih banyak TADIKA. Kemudahan yang diinginkan adalah *more informal learning activities and more places to study* ... (dengan izin). Isu yang keempat paling diutamakan adalah isu komuniti di mana mereka inginkan perhubungan komuniti yang lebih erat, lebih banyak acara komuniti, lebih banyak orang mengeratkan *silaturrahim* di jalan raya dan di Kopitiam, sifat-sifat kejiranan. Dari segi perniagaan pula, mereka inginkan lebih banyak perniagaan berunsur kesenian dan kreativiti, perniagaan jenis perniagaan kecil, dan penduduk tempatan juga inginkan agar lebih ramai orang boleh bekerja dari rumah. Andaikan, jika setiap KADUN, kami mempunyai maklumat-maklumat ini, maklumat keperluan dan keutamaan penduduk tempatan, maka dalam perancangan bandar dan kelulusan pembangunan, kami tidak perlu dan tidak harus tertakluk sahaja kepada kriteria ketumpatan dan bilangan tempat letak kereta. Garis panduan pembangunan yang lebih komprehensif sepatutnya mengambil kira keperluan setempat.

Misalnya, bagi kawasan di mana masalah trafik adalah keutamaan, mungkin garis panduan standard (garis panduan biasa) bagi kesediaan tempat letak kereta adalah tidak mencukupi dan pihak pemaju juga patut dikenakan *Transport Related Development Charges* ...(dengan izin), agar Pihak Berkuasa Tempatan boleh menyediakan kemudahan-kemudahan yang mengurangkan beban keperluan kereta sendiri seiring dengan pemajuan tersebut. Jika hubungan komuniti dan *silaturrahim* menjadi asas sesebuah bandar, maka pembangunan yang mengancam hubungan komuniti itu haruslah ditolak. Misalnya, pembangunan yang menghancurkan aktiviti dan perhubungan komuniti di kedua-dua belah Jalan Burma di Pulau Tikus haruslah ditolak. Seperti yang dibahaskan oleh YB. Machang Bubuk kelmarin. Apabila kami membenarkan kemasukan perniagaan besar tanpa perancangan teliti, akibat adalah kemerosotan perniagaan kecil yang akan menghisap nyawa(dengan izin), *suck*

the life out of a community. Perniagaan-perniagaan kecil adalah penjana perhubungan komuniti, penjana kehidupan tempatan. Keperluan-keperluan sesuatu kawasan seperti ini haruslah diambil kira dalam perancangan bandar dan sebelum kelulusan apa jua pembangunan di kawasan tersebut. Kriteria kelulusan sesebuah pembangunan bolehlah merangkumi keperluan masyarakat. Misalnya, pembangunan baru di Jalan Burmah, sama ada ianya, bidang tanah itu akan menjadi *shopping mall* atau *hotel*, boleh diwajibkan agar pemaju menyediakan tempat belajar dan kedai-kedai bagi perniagaan kecil dengan sewa terkawal sepanjang bahu jalan agar komuniti masih dipelihara. Peniaga-peniaga kecil dan keperluan komuniti mesti diambil kira dalam pelan tempatan. Garis panduan dan kriteria kelulusan pembangunan haruslah dipertingkatkan agar lebih komprehensif kerana garis panduan kami kini tidak mencukupi.

Seri Tanjung Pinang Fasa 2, projek yang memang hangat dalam Dewan ini, Projek Seri Tanjung Pinang (STP) Fasa 2 melibatkan penebusan tanah 891 ekar untuk mewujudkan dua (2) pulau buatan manusia. Dalam laporan kajian terperinci Impak Alam Sekitar (DEIA) bagi penebusan tanah ini, laporan tersebut menyatakan *it would forever alter the map of Penang's coast*(dengan izin) iaitu ia akan mengubah peta persisiran Pulau Pinang selama-lamanya. Laporan tersebut juga menyatakan *The up market nature of STP tools make development tends to favor the affluents, in the process, the locals would loose out...*(dengan izin). Pembangunan STP 2 akan lebih memihak orang kaya dan dalam proses orang tempatan akan rugi. Ini jelas dinyatakan dalam laporan DEIA.

Kelmarin Ketua Pembangkang, sudahpun balik. YB. Telok Ayer Tawar bertanya siapakah yang akan manfaat daripada pembangunan STP 2? Jawapannya memang adalah bahawa kebanyakannya orang kaya sahaja yang akan untung, tetapi YB. Telok Ayer Tawar terlupa nak memaklumkan bahawa perjanjian ini adalah antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan KGN-PDC Holdings Sdn. Bhd., untuk membangunkan keseluruhan projek. Perjanjian di tahun 1990 adalah antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan KGN-PDC Holdings Sdn. Bhd., dan ini ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang Barisan Nasional. Perjanjian *supplement* pada tahun 1999 di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. ditandatangani semasa YB. Telok Ayer Tawar sendiri adalah sebahagian daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. ADUN Telok Ayer Tawar yang harus menjelaskan mengapa pada masa tersebut Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjanji bukan sahaja membenarkan projek tersebut tetapi juga berjanji tidak akan menghalang projek tersebut. Siapakah yang akan memanfaatkan daripada STP 2. Harap Yang Berhormat dapat jelaskan. Pembangunan STP 2 dijangka akan menambah populasi yang sudah pun dibebankan dengan ketumpatan tinggi dan kesesakan lalu lintas yang semakin teruk, populasi STP 2 akan melebihi 200,000 orang iaitu 30% daripada populasi masa kini di sebelah Negeri Pulau Pinang. Ia dijangka juga membawa 11,000 hingga 14,000 kereta keluar masuk daripada STP 2. Tambahan lagi menurut laporan DEIA, STP 2, Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu menggali ...*(dengan izin) dredge*. Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu *dredge* sekeliling pulau buatan manusia ini setiap sekira-kira lima (5) tahun. Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu *dredge* setiap lima (5) tahun kerana akan berlaku *insulation*. Ini sudah pun dijangka dan jelas dinyatakan dalam laporan DEIA.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, kos penggalan Penang Port sekali sahaja adalah RM350 juta. Apakah kos penggalan sekeliling pulau STP 2 setiap lima (5) tahun kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang hanya agar orang kaya boleh tinggal di atas pulau buatan manusia? Walaupun pemaju STP 2 iaitu Eastern & Oriental Berhad menyatakan bahawa *siltation* yang mengakibatkan pengumpulan lumpur di Persiaran Gurney bukan disebabkan pembangunan STP 1 di mana letaknya sekarang Straits Quay. Laporan(dengan izin) *Shoreline Management Plan 2010* daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah membuat kesimpulan bahawa pengumpulan lumpur di Persiaran Gurney memang akibat pembangunan STP 1. Maka sama ada pembangunan STP 1 telah mengakibatkan kesan buruk terhadap alam sekitar masih boleh dipertikaikan dan haruslah disiasat. Ia harus disiasat kerana syarat perjanjian antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd., dan juga dengan KGN-PDC Holding Sdn. Bhd., adalah agar kerja pelupusan tanah projek STP tidak akan mengakibatkan *silting and pollution* dan tidak akan mengakibatkan banjir di Tanjong Tokong dan Tanjung Bunga. Jika *siltation* telah terjadi semasa pembangunan STP 1 dan berlaku semasa pembangunan akan datang STP 2, maka syarat perjanjian akan dilanggar. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak boleh membatalkan perjanjian kecuali jika syarat-syarat perjanjian dilanggar atau projek tidak mendapat kelulusan pihak berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Projek STP 2 ini juga akan mengakibatkan kehilangan kawasan perikanan dan kehilangan pendapatan perikanan sebanyak sekurang-kurangnya RM33 juta dalam 50 tahun. Komuniti-komuniti nelayan di Tanjong Tokong dan Persiaran Gurney akan kehilangan pendapatan. *We can debate about this but at the very least ...*(dengan izin), sekurang-kurangnya memang sah untuk menyatakan bahawa Projek STP 2 ini adalah berisiko amat tinggi kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Namun manfaat projek ini boleh dipertikaikan dan apakah pula akan terjadi jika pemaju terpaksa menggugurkan projek, *abort and abandon project*(dengan izin) separuh jalan. Adakah rakyat Pulau Pinang akan ditinggalkan dengan Persiaran Gurney yang dipagari kerana kerja penebusan tanah yang separuh habis? Nasib baik menurut perjanjian, pihak pemaju diwajibkan memberi *progress report* iaitu laporan kemajuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang setiap enam (6) bulan semasa kerja penebusan tanah dijalankan. Namun persoalannya, siapakah yang akan meneliti projek kemajuan setiap enam (6) bulan ini dengan risiko yang begitu tinggi tetapi manfaat yang boleh dipertikaikan adalah wajar agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang memantau Projek STP 2 dengan teliti.

Dengan projek pembangunan biasa di negeri kami, kami sudah pun biasa dengan pihak pemaju yang biasa mencemarkan parit, melanggar prosedur-prosedur keselamatan, melanggar garis panduan pembinaan dan ada juga dengan tidak sengaja menggondolkan bukit. Apakah pula kerja penebusan tanah yang begitu rumit? Sekarang saya ingin memohon izin sekali lagi untuk mengungkitkan sifat dan teladan mendiang Karpal Singh. Karpal Singh adalah seorang yang tidak berputus asa, jika sesuatu tidak benar, tidak patut, maka dia akan lawan dan lawan sehingga titik akhir. Ya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun menandatangani perjanjian untuk membenarkan Projek STP 2, tetapi adakah kami akan membiarkan nasib begitu sahaja? Adakah kami akan membiarkan kerajaan yang dulu menentukan nasib selama-lamanya? Dengan risiko yang begitu tinggi tanpa manfaat yang ketara, tanggungjawab kami sebagai kerajaan yang bertanggungjawab adalah untuk memantau dengan teliti dan cuba sedaya-upaya untuk memastikan kebajikan rakyat,

kebajikan Pulau Pinang dipelihara dan membatalkan kontrak jika ada apa-apa keraguan dan kesan buruk terhadap alam sekitar atau rakyat. Adakah kerajaan akan menanggung tanggungjawab ini sendiri?

Cadangan saya adalah bagi projek yang begitu penting dan rumit ini adalah agar Kerajaan Negeri membentuk jawatankuasa khas untuk memantau serius projek ini. Jawatankuasa ini haruslah merangkumi wakil pihak kerajaan dan pihak pembangkang serta pakar-pakar yang memahami kandungan tersirat keputusan kajian tanah, hidrologi dan butir-butiran teknikal. Hanya dengan inilah boleh kami menjamin kebajikan rakyat dan Negeri Pulau Pinang akan dipelihara dan pentingnya apa-apa risiko dikongsi bersama. Mengikut teladan mendiang Karpal Singh, saya tidak sanggup menerima bahawa perjanjian Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd., tidak boleh dipertikai dan kami perlu menerima nasib. Sebagai wakil rakyat kawasan Pulau Tikus, mewakili rakyat yang tidak ingin kenaikan ketumpatan lagi, tidak ingin kenaikan tinggi bilangan kenderaan di kawasan kami lagi, tidak ingin kenaikan kos perumahan lagi, tidak ingin kenaikan kos sara hidup, tidak ingin kehilangan akses kepada Persiaran Gurney yang disayangi ramai. Saya sebagai wakil rakyat Pulau Tikus tidak ingin berputus asa berjuang untuk rakyat Pulau Tikus. Saya menyeru dan menekankan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang agar kami memantau dengan serius dan teliti syarat-syarat perjanjian dan membentuk jawatankuasa khas dengan pakar-pakar *independent* berkaitan untuk meneliti butiran dan perkembangan terkini agar kebajikan rakyat dan kerajaan kami dipelihara. Saya berharap suara rakyat diprihatinkan. Janganlah kami menerima nasib begitu sahaja. Saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Seterusnya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Tuan-tuan dan Puan-puan. Dalam masa 45 minit ini kami tiga (3) orang akan berucap. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada masalah rakyat terutama masalah perumahan di Pulau Pinang yang perlu difikirkan dan dicari penyelesaian bersama.

Yang pertama, isu perumahan kos rendah yang tidak mencukupi. Di Pulau Pinang masalah rumah kos rendah adalah merupakan masalah hangat diperbualkan pada masa ini. Didapati sebanyak 40,000 pemohon berdaftar di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu di Bahagian Perumahan sedang menunggu untuk mendapatkan rumah-rumah kos rendah di Pulau Pinang. Pada masa ini, tanggungjawab untuk menyediakan rumah kos rendah bukan sahaja dibebankan kepada sektor awam, malah sektor swasta juga turut memainkan peranan utama dalam menyediakan bekalan rumah yang mencukupi bagi menampung permintaan hidup. Pulau Pinang didapati bagi menyediakan rumah kos rendah adalah tertumpu kepada agensi Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, pihak PDC dan juga pihak UDA. Bagi pihak swasta, sambutan terhadap penyediaan kos rendah tidak begitu menggalakan.

Secara amnya, keadaan ini adalah disebabkan terdapat pelbagai masalah yang wujud terutama dalam melaksanakan pembangunan rumah kos rendah di Pulau Pinang. Namun demikian, boleh dikatakan masalah-masalah menyediakan rumah kos rendah bukan sahaja dihadapi oleh pihak pemaju swasta, malah pihak agensi kerajaan juga terpaksa berdepan dengan masalah ini. Ia disebabkan dengan kos perolehan tanah yang tinggi, kekurangan tanah, bayaran premium yang tinggi, kadar cukai harta yang tinggi, tempoh pengurusan pembangunan yang lama, harga binaan yang mahal dan sebagainya. Setelah keseluruhan tersebut dikenal pasti, maka seharusnya Kerajaan Negeri mengadakan kajian bagi menentukan masalah-masalah utama mengikut keutamaan berdasarkan keseluruhan masalah tersebut. Hasil yang diperolehi ini akan dapat menunjukkan gambaran yang sebenar akan masalah-masalah yang wujud untuk menyediakan rumah kos rendah. Masalah-masalah ini adalah merupakan punca utama yang menjadi faktor penghalang kepada agensi kerajaan dan pemaju perumahan swasta dalam menyediakan bekalan rumah kos rendah yang mencukupi di Pulau Pinang.

Isu kedua ialah dilema kumpulan yang tidak layak memiliki rumah kos rendah. Seterusnya dilema kepada rakyat yang tidak layak memiliki rumah kos rendah pada masa yang sama tidak layak juga mengikut keupayaan bank-bank untuk memiliki rumah kos rendah, sederhana rendah. Bagi golongan yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500.00, mereka layak memiliki rumah kos rendah. Tetapi, bagaimana pula dengan rakyat yang berpendapatan isi rumah melebihi RM2,500.00? Mereka ini tidak layak memiliki rumah kos rendah dalam mana-mana projek kos rendah dan mereka ini harus meminjam RM70,000.00 daripada bank untuk memiliki rumah kos sederhana rendah.

Isu ketiga dan isu keempat ialah isu kemampuan rakyat Negeri Pulau Pinang untuk membeli rumah yang dibangunkan oleh pihak swasta dan isu ketidakseimbangan purata pendapatan dan purata harga rumah. Saya memohon Kerajaan Negeri untuk meneliti keadaan kepada kajian oleh Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi Negeri Pulau Pinang iaitu (PReCISE). Berdasarkan kajian Penyelidikan Ekonomi Negeri Pulau Pinang (PReCISE), mendapati purata harga rumah di Pulau Pinang dua (2) tahun yang lalu adalah RM540,000 seunit iaitu lapan (8) kali ganda tinggi daripada pendapatan tahunan isi rumah penduduk iaitu sekitar RM67,500. Malah, purata harga rumah di negeri ini kira-kira 27% lebih tinggi berbanding Kuala Lumpur yang berharga RM390,000 sahaja. Penyelidik Kanan PReCISE, Mariani Ramli berkata, kemampuan untuk memiliki rumah terutama di kawasan kegiatan ekonomi dan pentadbiran terhalang akibat harga tanah terlampau tinggi. Di Daerah Timur Laut, harga sekaki persegi tanah di antara RM250.00 hingga RM300.00, berbanding hanya RM35.00 hingga RM50.00 di Balik Pulau. Harga ini memberi impak kepada lambungan harga seunit rumah.

Dan isu kelima ialah pemaju menyembunyikan lot yang dikhaskan kepada Bumiputera. Terdapat banyak rungutan berkaitan dengan kuota Bumiputera yang masih disimpan oleh pemaju dengan alasan tidak dapat ditempah oleh Bumiputera lain. Sedangkan pemaju sekadar menyimpan unit tersebut agar masa yang tunggu melebihi enam (6) bulan untuk membolehkan pemaju menjual kepada bukan Bumiputera dengan harga yang lebih tinggi. Jadi apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membendung gejala penipuan oleh pemaju seperti ini? Harga yang meningkat secara mendadak dan tidak terkawal tidak seharusnya dipandang ringan oleh

Kerajaan Negeri. Oleh itu Kerajaan Negeri harus menyediakan kaedah yang lebih praktikal dan mengawal rumah di negeri ini. Kerajaan Negeri pula perlu mengguna pakai dan tidak menggalakkan sektor swasta atau pemaju swasta membina rumah yang *high end* ...(dengan izin) yang tidak dapat dibeli oleh rakyat sendiri. Jika sektor swasta masih ingin membina rumah yang *high end*(dengan izin) maka Kerajaan Negeri seharusnya mengenakan syarat-syarat lebih ketat contohnya memperkenalkan bayaran premium yang lebih tinggi berasaskan GDB kepada ciri-ciri sesuatu pembangunan dan bukannya berdasarkan kepada jumlah unit. Contohnya sekarang Kerajaan Negeri mewajibkan pemaju membina jumlah unit rumah yang lebih daripada 150 dikehendaki membina 30% rumah kos rendah tanpa mengira harga atau jenis rumah yang dibina, tetapi sebaliknya Kerajaan Negeri harus memikirkan untuk menentukan kuota rumah kos rendah yang sederhana berdasarkan kepada ciri-ciri GDB sesuatu pembangunan. Jika cadangan ini diambil kira, sudah tentu pemaju akan berfikir panjang untuk membina rumah yang lebih tinggi.

Keenam ialah isu rumah mampu milik atau *affordable houses*(dengan izin). Berkaitan rumah mampu milik dan rumah kos rendah, seharusnya Kerajaan Negeri meluluskan projek perumahan, seharusnya menyediakan satu dasar berkaitan dengan rumah yang dibeli sama ada untuk didiami atau sebagai spekulasi. Kerajaan Negeri seharusnya mewujudkan satu jawatankuasa untuk menilai dan membuat kajian berkaitan rumah yang dibeli untuk didiami sendiri atau rumah yang dibeli sekadar untuk spekulasi. Kerajaan Negeri sepatutnya mempunyai data berkaitan pemilihan yang didiami berbanding rumah yang dibeli untuk dispekulasi.

Isu saya yang ketujuh ialah kadar yuran atau sumbangan kepada pihak berkuasa. Satu isu yang menarik adalah berkaitan dengan beberapa yuran atau pun sumbangan yang difikirkan yang dinaikkan kadar sama ada oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang mahu pun Kerajaan Negeri berbanding dengan yuran yang dikenakan sebelum ini. Contohnya yuran bagi zon semula atau *rezoning* yang telah dinaikkan sehingga 25% hingga 50% dan keadaan lebih buruk jika tanah tersebut terletak di sebelah Pulau. Walaupun telah ada satu formula khas bagi pengiraan yuran zon semula ini, tetapi akhirnya kadar ini telah lebih tinggi jika melibatkan tanah milik Kerajaan Persekutuan.

Seterusnya kadar bagi sumbangan *infrastructure contribution* ...(dengan izin) telah dinaikkan daripada RM5.00 kepada RM15.00 bagi unit yang melebihi 15 unit rumah bagi setiap satu (1) ekar. Manakala bagi tanah komersial telah dinaikkan daripada RM7.00 kepada RM21.00. Dan yang terbaru adalah caruman perparitan pula iaitu *drainage contribution* telah dinaikkan kepada 50,000 satu ekar yang dahulunya hanya 10,000 seekar. Kos-kos sebegini adalah merupakan sedikit sebanyak menyumbang kepada harga kenaikan rumah. Isu saya kelapan ialah peruntukan garis panduan yang tidak konsisten. Dalam permohonan kelulusan sesuatu kemajuan Kerajaan Negeri mengenakan garis panduan lisan iaitu *verbally impose guidelines*(dengan izin). Permohonan pelan bangunan yang telah pun mematuhi syarat garis panduan dan diluluskan oleh Majlis telah ditangguhkan walaupun pemaju telah memperolehi kelulusan. Kerajaan Negeri tidak sepatutnya menyalahgunakan kuasa, sebarang perubahan garis panduan mestilah melalui saluran yang betul dan mesti digazetkan sebelum dikuatkuasakan dan dilaksanakan. Mesti ada saluran yang betul dalam menangani garis panduan dan bukannya melalui arahan lisan atau arahan tidak bertulis.

Permohonan yang dikemukakan tidak sepatutnya ditangguhkan semata-mata menunggu garis panduan baru untuk dikuatkuasakan. Pelan yang telah lulus, garis panduan baru disahkan pemakaiannya secara rasmi sepatutnya dianggap sah dan lulus dan boleh dilaksanakan, tidak harus terikat dengan garis panduan baru. Kerajaan Negeri mengenakan premium kepada pemaju untuk membina simpanan jalan *government road reserve*. Ini bermakna bukan sahaja pemaju terpaksa membina jalan, juga terpaksa membayar premium kepada Kerajaan Negeri untuk pembinaan lot untuk kegunaan awam yang sepatutnya dibina Kerajaan Negeri. Dalam sesetengah kes, arahan lisan dikeluarkan dengan mengenakan cas tambahan infrastruktur RM15.00 satu kaki persegi dan ini tidak terdapat atau tidak tertulis dalam mana-mana dalam garis panduan dan hanya cuma sebagai kuasa veto, sebagai pelengkap syarat kelulusan. Kerajaan Negeri mengenakan kepada pemaju untuk menyediakan ruang penjaja walaupun syarat Pihak Berkuasa Tempatan atau majlis tidak diperlukan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri *overrule* Pihak Berkuasa Tempatan dengan niat untuk mengutip hasil atau sumbangan daripada pemaju. Ini terjadi apabila pemaju mempunyai kekangan atau *site constraint* dan kekurangan tanah untuk ruangan penjaja. Kemudiannya Kerajaan Negeri meminta pemaju membayar sumbangan. Terlalu banyak garis panduan dalam masa yang singkat sebagai contoh garis panduan SOHO telah didraf dua (2) tiga (3) kali setahun dan kandungannya tidak konsisten. Kerajaan Negeri mengkehendaki pemaju menyelesaikan isu setingan seawal pengezonan semula atau *rezoning*. Kelulusan zon semula masih tidak tentu dan akan membuang masa, tenaga dan wang ringgit jika *rezoning* tidak diluluskan. Isu setingan sepatutnya diselesaikan semasa peringkat pelan kebenaran merancang dikeluarkan. Kesemua faktor-faktor di atas memberi ruang kepada pemaju untuk menaikkan harga rumah semata-mata untuk menampung kos akibat garis panduan yang tidak konsisten dikenakan kepada mereka.

Isu kesembilan adalah isu tanah kubur. Masalah tanah kubur bagi orang-orang Islam yang semakin hari semakin meruncing membimbangkan rakyat beragama Islam di negeri ini, contohnya di kawasan Jelutong dan Kampung Makam. Saya memohon Kerajaan Negeri untuk memikirkan apakah tindakan proaktif untuk mengatasi masalah ini. Isu kesepuluh adalah masalah *traffic jam* atau apabila perumahan mula diduduki, terdapat masalah yang cukup kronik apabila sesuatu kawasan perumahan mula diduduki. Apakah Pihak Berkuasa Tempatan tidak ambil kisah atau sengaja membiarkan contohnya seperti yang terjadi kepada Taman Sungai Dua di Seberang Perai, Taman Sungai Dua Utama di Seberang Perai.

Isu yang terakhir, isu yang kesebelas ialah saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada soalan lisan saya iaitu bantahan tapak bersebelahan Sekolah Pengkalan Jaya, Sekolah Kebangsaan Pengkalan Jaya, Tasek Gelugor yang dijadikan, akan dicadangkan untuk dijadikan depo loji pembersihan sampah, loji pembersihan sampah MPSP. Saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan tapak yang dicadangkan untuk dibangunkan sebagai depo loji pembersih MPSP. Sebagai wakil rakyat dan mewakili rakyat di Dewan Undangan Negeri Permatang Berangan, khususnya Pengkalan Batu, Pokok Tampang dan Tasek Gelugor, saya membantah dengan sekeras-kerasnya cadangan tersebut atas alasan-alasan berikut:

1. Jarak tapak berkenaan dengan Sekolah Kebangsaan Pengkalan Jaya, Tasek Gelugor tidak sampai 50 meter, mengganggu keselesaan pelajar dengan bau busuk, bising dan kesesakan lalu lintas dengan lori keluar masuk, di samping mengundang lalat.
2. Kedua, tempat ibu bapa menunggu pelajar dan tempat bas sekolah berhenti dan kawasan itu terletak di dalam kawasan tapak cadangan.
3. Tapak cadangan adalah kawasan yang tinggi dan persoalannya di manakah tempat air buangan hendak dialirkan.
4. Kawasan sawah padi akan terjejas, kawasan pertanian terletak berhampiran dengan tapak cadangan. Kawasan tanaman sayur terletak berdekatan dengan tapak cadangan akan terjejas. Seluruh kawasan, sekeliling kawasan itu merupakan kawasan penempatan penduduk. Laluan tersebut adalah sibuk terutama di waktu pagi iaitu di waktu persekolahan.

Jalan tersebut merupakan jalan utama menghubungkan Padang Menora, Pokok Tampang, Padang Cempedak dan Pengkalan Batu ke Tasek Gelugor. Kedai makan yang terletak bersebelahan sudah tentu akan terjejas dengan bau busuk dan lalat, dan rungutan penduduk yang terletak betul betul di belakang dan bersebelahan dengan tapak cadangan di lot-lot jiran perlu diambil kira. Keselesaan penduduk akan terganggu.

Tujuan asal tanah tersebut diambil oleh kerajaan adalah sebagai mini stadium atau taman permainan untuk kegunaan rakyat. Tapak cadangan tersebut tidak sesuai dan tapak cadangan iaitu tapak cadangan MPSP hendaklah diubah ke Ara Kuda, berhampiran dengan Wat Siam dan jauh dari penempatan penduduk, dan satu lagi tapak yang dicadangkan oleh penduduk adalah berhampiran dengan, tidak jauh daripada situ lebih kurang 2 kilometer di Jalan Pokok Tampang iaitu bukau kawasan sawah dan tidak ada penduduk di situ. Itulah kawasan yang lebih sesuai, lebih cantik dan lebih tepat untuk dipindah. Saya berharap agar faktor-faktor tersebut akan diambil kira dan perhatian dengan sewajarnya oleh MPSP mengambil langkah-langkah membatalkan hasrat ingin menjadikan kawasan tersebut sebagai depo loji pembersihan sampah. Oleh kerana masa telah cukup 15 minit saya cadang untuk ambil, saya tepat-tepat 15 minit, dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, seterusnya, Ahli Kawasan Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Sungai Dua kerana memberi laluan kepada saya, saya pun tidak ingin, tidak mengambil masa yang lama, saya nampak dah lewat. *Bismillahirohmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada Timbalan Yang di Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan, tuan-tuan dan puan-

puan yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Yang di Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul, ucapan terima kasih Tuan Yang Terutama Yang di Pertua Negeri Pulau Pinang sempena perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas. Yang Berhormat saya *repeat*, Yang Berhormat Timbalan Speaker, malam dah kot (ketawa). Yang Berhormat Timbalan Speaker, izinkan saya memulakan ucapan saya ini dengan merujuk kepada ucapan Tuan Yang Terutama mengenai satu simbol kemegahan negeri yang baru iaitu Jambatan Kedua Pulau Pinang iaitu Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah yang telah siap dan dirasmikan oleh Y.A.B. Dato Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 1 Mac 2014. Seperti yang kita sedia maklum jambatan ini merupakan jambatan terpanjang di Asia Tenggara iaitu sepanjang 24 kilometer dengan kos sebanyak RM4.5 bilion, ya betul RM4.5 bilion. Jambatan ini merupakan jambatan yang terpanjang di Asia dan jambatan ini saya percaya boleh menjadi satu daya tarikan pelancong kepada Negeri Pulau Pinang selain daripada boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi di sebelah Seberang Perai Selatan dan sebelum ini kita pun ketahui bahawa jambatan pertama telah pun dibina dan jambatan ini juga telah banyak memberi manfaat kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah memperuntukkan dua jambatan yang terkenal di dunia untuk Pulau Pinang dan saya percaya kedua-dua jambatan ini.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Minta laluan, Ahli Kawasan Penaga, minta laluan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Meraikan kehadiran 2 ekor panda ke Zoo Negara, berkat daripada hubungan diplomatik Kerajaan Barisan Nasional dengan Kerajaan China, 40 tahun, kita dapat 2 ekor panda hari ini. Tahniah Kerajaan Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih Ahli Kawasan Seberang Jaya di atas maklumat yang diberikan, saya pun tidak tahu sebenarnya. Jadi saya rasa ini satu maklumat yang baik kepada kita semua dan seperti yang kita sedia maklum jambatan pertama telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad, Mantan Perdana Menteri Keempat dan untuk jambatan kedua oleh Y.A.B. Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak dan seperti yang saya katakan tadi, kita seharusnya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana membantu dan tidak mengingkari janji-janji Kerajaan Barisan Nasional, walau pun tewas dalam Pilihan Raya Umum Ketiga Belas.

Isu kedua yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan cadangan menaikkan tarif air. Saya rasa Kerajaan Negeri walaupun masih menunggu kelulusan daripada SPAN, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, tetapi nampaknya kenaikan ini mungkin tidak boleh, maksud saya tidak boleh dihalang lagi. Jadi bagi saya yang pentingnya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memberi pendidikan kepada rakyat untuk mengurangkan penggunaan air dan menggalakkan pengguna berjimat cermat. Sebenarnya itu adalah soalan yang saya tanya dalam Dewan dan soalan lisan saya, dan soalan ini dijawab, saya ingin membaca jawapannya:

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil beberapa langkah untuk memberi pendidikan kepada rakyat untuk mengurangkan penggunaan air iaitu yang pertama, mendidik masyarakat agar menggunakan air dengan bijak menerusi langkah-langkah penjimatan air yang terdapat di laman web PBAPP, dan juga menerusi kempen jimat air yang disasarkan kepada pelajar sekolah.

Yang kedua, Program Jimat Air juga dilakukan bersama NGO yang terlibat dalam usaha pemuliharaan air iaitu *Water Watch Penang*."

Yang Berhormat Timbalan Yang di Pertua, saya ingin memberi pendapat saya sikit, saya berpendapat usaha atau pun program atau pun langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri, kalau berdasarkan jawapan yang saya terima bagi saya ini tidaklah menyeluruh kerana ramai rakyat di Pulau Pinang masih tidak tahu lagi bahawa Kerajaan Negeri telah pun mengenakan *surcay*, walau pun telah berlalu, tahun sudah dan akan menaikkan tarif air lagi. Saya mengatakan begitu mungkin di kawasan bandar rakyat lebih peka dan memahami kerana mereka mempunyai akses kepada internet, kalaulah mereka boleh melayari laman web, tetapi di kawasan luar bandar untuk membeli surat khabar pun tidak mampu.

Saya sebagai wakil rakyat di kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga, telah beberapa kali didatangi penduduk di kawasan itu meminta saya, meminta saya untuk membantu mereka membayar bil api, bil air. Ada satu ketika apabila saya nak, saya ingat ini mungkin berlaku dalam dua (2), tiga (3) minggu yang sudah, bila saya nampak bil itu, saya ternampak *surcay* sahaja RM16.00, dia sudah tidak bayar dua bulan, tapi RM16.00 *surcay* sahaja, saya tidak tahulah, tetapi tidaklah banyak sangat, tapi *surcay* sahaja sudah RM16.00, itu pun sudah tidak mampu bayar, saya tolong bayar untuk mereka. Jadi apa yang saya hendak katakan di sini, itu bukanlah *isolated case* atau pun bukanlah kes-kes terpencil yang berlaku di kawasan luar bandar. Saya rasa di kawasan-kawasan bandar pun berlaku juga, jadi bagi saya, saya rasa Kerajaan Negeri melalui PBA seharusnya mengambil langkah-langkah yang lebih agresif lagi untuk memberi pendedahan kepada rakyat di Pulau Pinang mengenai cara-cara untuk menjimatkan penggunaan air. Sebab saya katakan begitu kerana saya tak nampak siapa pun boleh menghalang Kerajaan Negeri daripada menaikkan tarif air. *So, determine to be, its going to happen* la ...(dengan izin), jadi disebabkan itu saya mintalah supaya Kerajaan Negeri berusaha bersungguh-sungguh cuba memberi pendidikan kepada rakyat Pulau Pinang sama ada di bandar atau luar bandar bagaimana dan cara mana untuk menjimatkan air dan ada cara-caranya mungkin dari segi, salah satu saya rasa untuk menyedarkan mereka mungkin dalam bil air itu sendiri. Kita kena nyatakan dengan jelas sebagai satu amaran sekiranya menggunakan sekian-sekian, maka *surcay* akan dikenakan. Pada masa ini saya tak

nampak satu amaran yang diberikan. Satu lagi saya rasa mungkin melalui *billboard* saya nampak Pejabat Tanah menggunakan kaedah ini. Sebab Pejabat Tanah menggunakan *billboard* untuk memaklumkan pemilik-pemilik tanah bila nak kena bayar cukai tanah. Ini sedikit sebanyak membantu mereka mengingati bila tarikh akhir untuk membayar sekiranya mereka gagal tentu sekali denda akan dikenakan. Ini adalah satu cara pendidikan, saya rasa yang perlu diberi kepada pengguna-pengguna. Selain daripada itu melalui *pamphlet*, melalui surat, tak boleh hantar sekali kita harap mereka tahu. Dalam tempoh yang orang kata untuk menaikkan tarif saya rasa kena selalu bagi peringatan kepada mereka bahawa perkara ini akan berlaku. Saya tahu kalau tanya saya memang saya bantah kenaikan tarif ini sebab saya tahu di kawasan luar bandar ramai yang tak boleh bayar. Dan tentu sekali ia akan membebankan lagi bebanan yang mereka tanggung. Dan kemungkinan lagi ramai lagi yang akan cuba datang meminta saya tolong selesaikan bil-bil air mereka. Jadi inilah yang saya harap Kerajaan Negeri kena prihatin kenalah mengambil langkah-langkah yang lebih agresif untuk memberi pendidikan kepada pengguna-pengguna.

Yang ketiga, isu ketiga yang saya ingin sentuh di sini berkaitan dengan ZIA Penaga Zon Industri Akuakultur atau pun ZIA di kawasan Penaga. Sebenarnya ZIA Penaga ini konsepnya atau ideanya bermula pada 2006. Pada masa itu di bawah Kerajaan Barisan Nasional Kerajaan Negeri. Pada masa itu tak salah saya Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi. Inilah satu idea supaya bekalan makanan *food* dijamin untuk masa hadapan. Tapaknya dikenal pasti pada tahun 2007 iaitu dari Pasir Gebu ke Kuala Bekah. Dan keluasannya ialah 206 hektar.

Projek ini bagi saya adalah satu projek yang baik kerana ia berkaitan dengan *food security* dan apa yang saya difahamkan melalui jawapan yang diberikan kepada saya seramai 19 pengusaha telah dipilih untuk melaksanakan projek ini. Sebenarnya terdapat juga kerisauan oleh para-para nelayan di kawasan saya sebab ini melibatkan kawasan pantai dan para nelayan bimbang dengan adanya projek ini ia mungkin boleh menjejaskan pendapatan mereka yang pertama, ia mungkin apa yang mereka beritahu satu benda yang mungkin boleh berlaku ialah kerosakan kepada bot mereka apabila mereka lalu kepada kawasan tertentu kerana paip-paip akan dipasang melalui sungai dan untuk menjadikan saluran ke kawasan akuakultur ini. Mereka bimbang sekali mengenai perkara ini dan minta saya supaya meminta jaminan daripada Kerajaan Negeri supaya perkara-perkara yang boleh menjejaskan pendapatan mereka dijaga. Saya rasa perkara ini perlulah diberi pertimbangan yang serius oleh Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek ini dan selain daripada menjadi satu cara untuk membekalkan makanan, ia juga menjadi satu kawasan tarikan agro pelancongan di kawasan Penaga. Jasi saya harap masalah atau pun kerisauan para nelayan yang saya sebutkan tadi perlu juga diambil kira dalam melaksanakan projek ini. Jadi saya tak mahu panjang saya sebenarnya ada dua (2), tiga (3) perkara lagi saya nak bercakap. Hanya sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada pasukan keselamatan khususnya Polis Diraja Malaysia yang telah banyak membantu menjaga keamanan di Malaysia termasuklah di Pulau Pinang dan kawasan ini bukan kawasan Polis dalam ini. Tapi tak apa saya nak *finish* dah. Jadi selain dari itu kepada penjawat-penjawat awam kepada semua yang telah membantu kita dalam menjalankan mesyuarat pada kali ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Dengan ini saya menyokong ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan, Tuan-tuan, Puan-puan yang dihormati sekalian. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan dan peluang kepada Sungai Dua untuk turut serta dalam perbahasan usul ucapan terima kasih Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Saya diberi sepakan penalti ini. Ucapan Tuan Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah menyentuh semua perkara daripada pentadbiran Kerajaan Negeri sehinggalah kepada pelaksanaan projek di bawah Kerajaan Negeri. Hanya sedikit sahaja yang menyentuh tentang Kerajaan Pusat walaupun banyak juga projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat di Negeri Pulau Pinang ini. Daripada projek besar seperti Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah sehinggalah projek-projek kecil di peringkat luar bandar dan saya mengharapkan perkara ini dapat diberi perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri janganlah hanya nampak kesalahan dan kesilapan semata-mata dan lihatlah dan nilailah apa yang disumbangkan oleh Kerajaan Pusat.

Saya ada lapan atau sembilan isu. Saya akan pendekkan. Isu yang pertama tentang infrastruktur dan kemudahan dan telah disentuh oleh sahabat saya dari Penaga tentang air dan berharap semoga apa yang telah disentuh tentang kempen dan juga fahaman kepada masyarakat perlu lebih diperjelaskan kerana masyarakat di kedai kopi masih bercakap tentang isu kenaikan tarif air atau surcay, jadi ini perlu diberi perhatian untuk memberi kefahaman perlu Kerajaan Negeri perlu melaksanakan sesuatu pihak PBA perlu melaksanakan sesuatu untuk menjelaskan kepada masyarakat luar bandar.

Ucapan terima kasih kepada PBA yang telah prihatin yang juga telah mengambil tindakan ke atas jalan atau paip air di kawasan Jalan Permatang Sungai Dua. Saya bagi pihak penduduk kawasan Permatang Sungai Dua mengucapkan terima kasih, paip telah ditukar baru sepanjang jalan jadi boleh ganti nama balikkah. Dulu dipanggil Jalan Paip Pecah sekarang dipanggil balik kepada Jalan Permatang Sungai Dua. Seringkali paip pecah di situ tetapi telah ambil tindakan terima kasih. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berkaitan kedudukan sebuah Syarikat Air Minuman (dengan izin) *Island Water Sdn. Bhd.*, yang dimiliki oleh PBA Negeri Pulau Pinang. Jadi adakah benar ianya telah ditutup dan mengalami kerugian dan berapa banyakkah kerugian, punca kerugian tersebut jadi minta penjelasan. Dan berkaitan dengan infrastruktur iaitu di Sungai Dua telah banyak kali dibangkitkan dan saya harap tindakan perlu diambil melihat kesesakan di Sungai Dua ini, yang memerlukan sedikit pembaharuan dan atau pun penambahbaikan. Sama ada nak melebarkan jalan atau membina jalan alternatif untuk menyelesaikan masalah di kawasan ini. Dari segi melestarikan sektor pertanian dan asas tani, langkah dan usaha Kerajaan Negeri untuk memberi fokus yang berkaitan peningkatan kualiti dan produktiviti ladang amat dihargai dan seterusnya menyediakan dana kepada usahawan tani muda. Apa yang diharapkan semoga usaha-usaha yang baik ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, kenal pasti produk dan senaraikan usahawan muda bagi memudahkan program berkaitan dilaksanakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Kerajaan Pusat melalui jabatan, agensi terlibat telah banyak memberi fokus kepada pembangunan sektor pertanian dan kita mengharapkan semoga pihak Kerajaan Negeri dapat menggunakan perkhidmatan daripada agensi yang ada dalam memfokuskan kepada menyediakan bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat Negeri Pulau Pinang melalui tumpuan kepada peningkatan hasil bagi setiap projek yang diusahakan dan kedua menyalurkan bantuan kepada tempatnya.

Ketiga, tanah-tanah pertanian sawah padi perlu dikawal, dikekalkan keluasan kawasan yang ada kerana didapati kerja-kerja penambakkan tanah sawah begitu hebat berlaku dan kita daripada jawapan soalan bertulis yang diperolehi, sebenarnya tiada permohonan pecah sempadan yang dibuat yang dibangkitkan di dalam soalan bertulis jadi maknanya semua tindakan ini penambakkan tanah ini tindakan yang *illegal*(dengan izin). Jadi saya harap tindakan segera perlu diambil dalam mengatasi penambakkan tanah sawah ini. Begitu juga dari segi penyediaan tapak yang sesuai untuk pelaksanaan projek pertanian berskala besar yang kita ada TKPM di Ara Kuda kalau boleh kita cari tempat lain yang sesuai untuk dibuat projek pertanian berskala besar seperti di tanah PERDA di Ara Kuda. Saya juga memohon supaya pihak Kerajaan Negeri di bawah MMK Pertanian untuk melihat dan membuat persediaan dari segi kejadian *El-Nino* yang dijangka dalam bulan 7, 8, Julai dan juga Ogos supaya segala masalah yang bakal dihadapi oleh petani dapat kita atasi dan juga memberi ganti rugi dan sebagainya sebab itu kita perlu lihat balik.

Saya juga memohon kerjasama dan tindakan dari Kerajaan Negeri pihak MPSP dan pihak Veterinar bagi menyelesaikan isu ternakan khinzir di Pongsu Seribu dan saya telah melawat kawasan ini ianya berhampiran dengan rumah dan sekolah dan juga penempatan kampung dan agak tak sesuai untuk dilaksanakan ternakan di situ. Saya membuat lawatan bulan Januari yang lepas dan saya harap tindakan segera dapat diambil untuk menyelesaikan masalah di kawasan tersebut.

Dari segi sektor pelancongan yang diketahui pelancongan merupakan penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan Kerajaan Negeri selepas perindustrian. Jadi apa yang saya nak bangkitkan di sini adalah berkaitan dengan isu levi RM2.00 dan RM3.00 bagi semalam, bagi setiap malam penginapan di hotel bertaraf 1 hingga 3 bintang RM2.00 dan RM3.00 bagi bertaraf 4 bintang ke atas. Ini mungkin akan meningkatkan kos penginapan dan membebankan pengunjung dalam negeri dan pelancong dari luar negeri. Saya risau kalau ini berlaku mungkin akan menjejaskan sektor pelancongan dan kita harap dapat kaji semula pelaksanaannya walaupun 1hb Jun dan mungkin satu perjumpaan boleh dibuat dengan pihak pengusaha-pengusaha hotel. Selain daripada itu apa yang saya nak bangkitkan lagi berkaitan dengan pelancongan pewujudan bangunan warisan adalah menjadi tarikan pelancongan pelancong di Negeri Pulau Pinang. Terdapat maklumat yang menyatakan bangunan warisan perlu dipelihara dan dibaik pulih telah dimusnahkan. Saya minta disahkan betul atau tak betul terdapat dua (2) yang telah dimusnahkan atau pun diganti baru iaitu di kawasan di Jalan Macalister yang dibina *Tropicana*, cuma maklumat yang saya perolehi kalau boleh disiasat balik pelancongan. Dan juga satu kawasan lagi dijual kepada Singapura, inipun siasat balik kawasan ini, kerana ini mungkin akan menjejaskan bangunan warisan yang sedia ada.

Dari segi lain-lain, perindustrian dan pelaburan masa kecederaan dia bila kelam kabut jadinya. Dari segi perindustrian dan pelaburan, kita harap Kerajaan Negeri dapat meningkatkan pelabur dari luar dan dengan menyediakan ruang, peluang dan suasana yang lebih kondusif. Di samping itu cuba melihat ruang industri yang lain selain dari elektronik kerana didapati, difahamkan bidang elektronik menghadapi masalah dan mula mengalami kemerosotan di kawasan, kalau boleh dibuat dilaksanakan pelaburan dalam sektor yang lain selain dari elektronik.

Dari segi Bandar Selamat saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Polis yang telah berjaya mengurangkan indeks jenayah mengikut ucapan Tuan Yang Terutama Tun. Ini juga adalah kesedaran kerjasama masyarakat dan NGO sama-sama membanteras jenayah dan memberi kerjasama kepada pihak PDRM untuk mengekang dan mencegah jenayah. Usaha pencegahan jenayah harus diteruskan dan penglibatan pihak NGO masyarakat dan pihak Kerajaan Negeri perlu dipertingkatkan melalui kempen-kempen dan usaha meningkatkan NGO masyarakat dengan pihak PDRM dan apa yang merisaukan ialah penglibatan golongan remaja dalam jenayah-jenayah di peringkat remaja, juvana yang terlibat banyak dalam kes-kes jenayah yang perlu saya rasa ditangani dengan melalui program-program kaunseling dan sebagainya perlu diteruskan, kerana ini merupakan pelapis kepada golongan yang lebih atas takut dia akan menjadi masalah kepada keadaan di masa akan datang. Dari segi pembangunan Belia dan Sukan, saya sebagai bekas pemimpin belia di kawasan Tasek Gelugor melihat pergerakan pertubuhan belia yang ada pada hari ini, semakin hari semakin terhad, aktiviti dan kurang mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan Negeri. Terdapat pelbagai pertubuhan belia belia yang mewakili pelbagai kaum seperti Gerakan Belia 4B, MAYC, YMCA, NGO dan sebagainya, dan di peringkat daerah terdapat Majlis Belia Daerah dan Majlis Belia Negeri. Kita mengharapkan supaya lebih peruntukan disalurkan kepada gabungan-gabungan belia ini supaya dapat melaksanakan pengurusan dan juga program-program yang lebih berkesan melalui badan gabungan masing-masing dan terima kasih kepada pihak MMK dan Kerajaan Negeri yang telah bersama dengan Jabatan Belia menyusun banyak program untuk belia-belia di kawasan. Bagi program sukan bertaraf antarabangsa penganjurannya amat dialu-alukan dan ia dapat mempromosikan Pulau Pinang di samping menambah pelancong asing ke Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun pelaksanaan sukan di peringkat negeri dan daerah perlu juga diberi perhatian, perlu juga disusun program peringkat negeri dan daerah bagi mencungkil bakat-bakat yang ada dan perlu juga diadakan mungkin sukan peringkat Negeri Pulau Pinang, dulu saya rasa ada sukan antara daerah di Negeri Pulau Pinang dan mungkin boleh dilaksanakan kembali sukan di peringkat daerah, lima (5) daerah menghantar peserta untuk bertanding. Dan dari segi pembinaan kompleks sukan saya bersetuju dengan beberapa cadangan rakan-rakan yang lain, Yang Berhormat yang lain membina pusat untuk kompleks serba guna di setiap DUN ataupun di setiap daerah, kerana di kawasan-kawasan kampung dan kawasan Sungai Dua sendiri tidak ada kemudahan yang cukup, kebanyakan menggunakan padang sekolah yang agak terhad yang perlu ada tempat yang lebih sesuai dan lebih selesa untuk bersukan dan beriadah.

Jadi saya ingat itu, saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada semua agensi jabatan kerajaan, NGO dan pertubuhan yang telah memberi kerjasama dan membantu dalam menyelesaikan itu dan masalah di DUN Sungai Dua. Harapan semoga kerajaan negeri dapat melihat pembangunan yang dilaksanakan sebagai satu bentuk pembangunan yang menyeluruh dan melibatkan semua rakyat, memberi tumpuan dan perhatian kepada masalah yang telah di bangkitkan dan jangan terlalu banyak mencari kesalahan dan kesilapan pihak-pihak yang lain. Saya juga berharap agar Dewan yang mulia ini menjadi tempat untuk kita berbahas dan membuat keputusan bukan tempat untuk tuduh-menuduh dan menyakitkan hati serta mengeluarkan perkataan yang dianggap tidak wajar. Saya dengan ini mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat sesi perbahasan ucapan Tuan Yang Terutama Tun telah pun selesai dan kita ada masa kecemasan 10 minit untuk memberi peluang penggulangan kepada YB. Pantai Jerejak. Silakan.

Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih saya ucapkan kepada Timbalan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh*. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian. *Alhamdulillah*, bersyukur kita kepada *Allah S.W.T.* kerana dengan keizinannya kita dapat semua berada di dalam Dewan yang mulia ini membawa amanah dan harapan rakyat, mudah-mudahan justeru mendapat keberkatan dan kekuatan untuk meneruskan tanggungjawab sebagai wakil rakyat *insya-Allah*. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang telah merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas pada kali ini dan berkenan menyampaikan titah ucapan beliau pada hari Isnin lepas, 19 Mei. Terima kasih juga di atas keprihatinan, pandangan dan nasihat yang telah diberikan oleh Tuan Yang Terutama Tun kepada kita bagi melaksanakan pembangunan dan pentadbiran Negeri Pulau Pinang yang kita cintai ini. Keprihatinan Tuan Yang Terutama Tun dalam memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan dapat memenuhi keperluan rakyat dan seterusnya dinikmati oleh semua lapisan rakyat Negeri Pulau Pinang amatlah disanjung tinggi. Saya juga ingin mendoakan agar Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan sentiasa diberi kesejahteraan, dipanjangkan umur dan mendapat keberkatan serta kerahmatan daripada *Allah Subhanawataala*.

Izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih dan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di atas Perbahasan Usul, Perbahasan T.Y.T. yang turut melibatkan Portfolio Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Koperasi, Perhubungan Masyarakat dan Keusahawanan yang telah diamanahkan kepada saya. Di kesempatan ini juga saya rasa masih belum terlambat untuk ucapkan Selamat Hari Pekerja, Hari Ibu, Hari Guru dan Hari Jururawat dan Hari Wanita kepada yang menyambutnya pada bulan ini. Dia empat sambutan serentak.

Seterusnya saya ingin menyatakan kesedihan hati saya terhadap kehilangan pejuang besar dalam bidang politik dan perundangan yang amat sinonim dengan keadilan dan Negeri Pulau Pinang iaitu mendiang Karpal Singh. Ucapan takziah diucapkan kepada seluruh ahli keluarga YB. Datok Keramat, mudah-mudahan roh perjuangan mendiang terus bersama Ram Karpal Singh dan seluruh rakyat Pulau Pinang. Perasaan sedih dan terkejut juga ingin saya nyatakan atas misteri kehilangan pesawat MH 370 juga disebut oleh Tuan Yang Terutama Tun dan penculikan insan-insan yang tidak berdosa di perairan Sabah baru-baru ini. Kita amat kesal kerana di saat Kerajaan Persekutuan masih sedang bergelut untuk menyelamatkan ekonomi negara yang kian menghimpit rakyat kita dikejutkan pula dengan tragedi misteri lagi yang pelik ini. Kita berdoa pada *Allah Subhanawataala* membantu kita menyelesaikan kemelut ini dan menunjukkan kepada kita jalan kebenaran. Seterusnya yang saya ingin mengutuk tindakan pada tengah hari tadi. Pemuda-pemuda UMNO dan perusuh-perusuh yang telah menceroboh secara jenayah Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan Dewan Persidangan ini. Tragedi ini sekali lagi menunjukkan kepada kita ada kelemahan dalam sistem keselamatan. Walau pun disebut oleh YB. Bertam dan YB. Penaga tadi memuji akan pasukan keselamatan kita. Seharusnya rakyat Pulau Pinang khususnya dan Malaysia umumnya berasa amat malu terhadap insiden ini. Apa lagi mahu kita ingin hadapi, cukuplah kejadian Raja Bomoh 1Malaysia baru-baru ini telah mencemarkan imej negara dan Agama Islam di merata dunia.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, Jawatankuasa MMK Pembangunan Masyarakat, memandangkan saya diamanahkan untuk memegang Portfolio Perhubungan Masyarakat saya ingin mengajak semua rakyat sentiasa bersatu padu tanpa mengira pangkat, darjat, keturunan, bangsa, agama mahupun fahaman politik. Di sini saya ingin menasihati semua Ahli-Ahli Yang Berhormat termasuk diri saya sendiri supaya tidak membangkitkan isu perkauman dalam menjalankan amanah sebagai wakil rakyat demi menjaga perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan masyarakat berbilang kaum di Pulau Pinang ini. Berkenaan dengan isu rumah terbakar di Ladang Trans Kerian dan Sungai Air Itam di Seberang Perai Selatan yang dibangkitkan oleh ADUN Sungai Acheh. Saya ingin memaklumkan bahawa sebagai wakil rakyat yang perihatin dengan nasib rakyat sebab itu saya rajin turun padang untuk berjumpa dan mendekati rakyat di seluruh Negeri Pulau Pinang. Bagi merasai setiap denyut nadi rakyat dan membuktikan bahawa saya bukan hanya pemimpin berada di bilik berhawa dingin sahaja. Usaha setiap individu yang bergelar wakil rakyat ini seharusnya berterusan sepanjang masa bermula sejak hari pertama kempen pilih raya seterusnya selepas bergelar Yang Berhormat sehinggalah bersara. Sebagai pemimpin yang dipilih oleh rakyat saya akan berkhidmat untuk rakyat selagi diperlukan.

YB. Sungai Acheh sepatutnya berterima kasih bukannya menunding jari mencari kesilapan. Duit yang disalurkan adalah juga duit rakyat, dari rakyat untuk rakyat. Inilah prinsip 3P, Perkasakan Rakyat, Perkuasakan Rakyat dan Perkayakan Rakyat yang menjadi manifesto Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Berkenaan janji untuk membina semula rumah berkenaan, saya telah mengarahkan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan untuk menyegerakan permohonan kewangan yang bersesuaian. Justeru pada awal tahun, pihak Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan telah memasukkan permohonan kewangan tersebut kepada UPEN. Namun pihak Bomba telah memaklumkan kepada pihak PDT SPS bahawa mereka yang akan membina semula rumah tersebut dengan menggunakan peruntukan daripada KPKT iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Maka

permohonan PDT SPS yang terdahulu telah ditarik balik. Walau bagaimanapun pihak saya akan menyemak sekali lagi dengan pihak yang terlibat agar rumah mangsa akan dapat didirikan semula dalam masa yang terdekat.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, soalan juga dibangkitkan oleh YB. Sungai Acheh berkaitan berapakah jumlah dewan yang diambil alih oleh Kerajaan Negeri dari pengurusan asal dan dari jumlah itu berapakah jumlah bilangan yang dijadikan pejabat Pakatan Rakyat dan berapakah bilangan dewan yang terbiar? Bagi Daerah Barat Daya sejumlah 30 dewan di atas tanah Kerajaan Negeri telah diserahkan kunci masing-masing kepada Pejabat Daerah dan sebanyak 22 kunci telah diserahkan kepada JKKK Negeri untuk diurus tadbir oleh Pejabat Daerah dan 18 kunci telah diserahkan kepada JKKK Negeri bagi tujuan mesyuarat JKKK. Tiada dewan digunakan sebagai pejabat Pakatan Rakyat di Daerah Barat Daya dan tidak ada dewan yang terbiar.

Bagi Daerah Timur Laut pula Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah, PDT, DTL telah mengambil alih sebanyak 44 buah dewan dan pengurusan diserahkan kepada JKKK. Tiada dewan digunakan sebagai pejabat Pakatan Rakyat di Daerah Timur Laut dan tiada dewan yang terbiar. Daerah SPS terdapat sejumlah 28 buah dewan orang ramai telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri dari pengurusan asal dan tiada dewan digunakan sebagai pejabat Pakatan Rakyat di Daerah Seberang Perai Selatan dan tiada dewan yang terbiar. Untuk makluman YB. Sungai Acheh Bangunan ANNEX bersebelahan Dewan Sungai Bakap telah disewa oleh YB. ADUN Sungai Bakap untuk dijadikan pejabat dan kutipan hasil sewaan tersebut telah dimasukkan dalam hasil negeri.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat, kita ada masa tambahan 15 minit, sekarang sudah cukup. Boleh gulung? Satu (1) minit.

Timbalan Ketua Menteri I:

Baik. Saya dengan terhadnya masa ini saya ingin mengakhiri ucapan saya tapi segala yang ditulis akan diserahkan kepada pihak Dewan dan saya nak ucapkan sekali lagi tahniah kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Dewan ini dan mudah-mudahan kita dapat bersama-sama berkhidmat demi rakyat dengan penuh rasa tanggungjawab dan amanah. Yang Berhormat Timbalan Speaker, dengan ini saya menyokong, sekian. *Wabillahitaufikwalhidayah Wasalamuailaikum Warahmatullahi Wabaruhkathu.*

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan bersambung semula pagi esok 22 Mei jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguh pada jam 10.15 malam.